



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4713]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1986 [Ruangan 4762]

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-Iangkah
Pencegahan Khas) (Pindaan) [Ruangan 4833]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 4776]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATUK HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIP (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N. P.J.K. (Kedah).
- „ PUAN HAJJAH AZIZAH BINTI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).
- „ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).

- Yang Berhormat DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K.
(Pulau Pinang).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S.
(Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ DATO K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P.
(Dilantik).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K.,
B.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ DATO DR K. S. NIJHAR (Dilantik).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAN *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

Yang Berhormat TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD (Dilantik).
- „ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TAY CHEEKING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).
- „ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).
- „ TUAN D. P. YIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG YAU KET (Sabah).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Selasa, 17hb Disember, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 1.

**UNDANG-UNDANG BURUH—
TINDAKAN MAJIKAN**

1. Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar wujudnya majikan-majikan yang tidak mematuhi Akta Buruh dan bertindak sesuka hati mereka ke atas pekerja-pekerja; jika sedar, apakah tindakan segera yang akan diambil oleh Kementerian berkenaan ke atas majikan tersebut, dan nyatakan berapa banyak kes-kes seperti itu telah dibicarakan.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman); Tuan Yang di-Pertua, memang ada berlaku kes-kes di mana sebilangan majikan dengan sengaja atau kerana kejahilan tidak mematuhi Undang-undang Buruh yang sedia ada. Walau

bagaimanapun, pada amnya pekerja-pekerja pada masa sekarang adalah lebih mengetahui tentang hak-hak mereka di bawah berbagai Undang-undang Buruh yang sedang dikuatkuasakan. Apabila hak-hak mereka terjejas, mereka biasanya membuat aduan di Pejabat-pejabat Buruh yang berhampiran melalui kesatuan-kesatuan mereka atau secara perseorangan. Jabatan Buruh biasanya menyiasat tiap-tiap aduan yang diterima dan memastikan bahawa majikan-majikan mematuhi undang-undang. Tambahan pula Pegawai-pegawai Buruh membuat pemeriksaan berkanun dan juga melawat tempat-tempat pekerjaan di seluruh negeri untuk menentukan bahawa majikan-majikan mematuhi undang-undang dan pekerja-pekerja menikmati hak-hak yang diberi di bawah Undang-undang Buruh.

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan-perangkaan yang berikut memberi sedikit maklumat mengenai kes-kes buruh yang diuruskan oleh Jabatan Buruh untuk tempoh bulan Januari sehingga September tahun ini:

Jumlah bilangan aduan diterima oleh Pejabat-pejabat Buruh daripada pekerja-pekerja	3,152
Jumlah bilangan kes buruh yang telah dibicarakan atau perintah dibuat oleh Pegawai Buruh	3,127
Jumlah amaun yang telah diperintahkan berbangkit dengati kes-kes buruh yang telah dibicarakan	\$4,058,558.77

jumlah amaun denda yang
diperolehi hasil daripada
pendakwaan \$74,870

Jumlah pendakwaan di
mahkamah yang lelah
dijalankan 275 kes

Angka-angka tersebut tidak termasuk kes-kes yang dikendalikan oleh lain-lain Jabatan di bawah Kementerian Buruh, seperti Jabatan Perhubungan Perusahaan, Jabatan Kilan dan Jentera, PERKESO dan lain-lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, daripada lebih dari 3,000 aduan-aduan kes hubungan majikan dan buruh ini, seperti yang telah dilaporkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah aduan-aduan utama yang selalu dibangkitkan oleh pihak buruh yakni pekerja terhadap majikannya?

Soalan saya yang kedua, di antara kejahatan-kejahilan majikan yang dikatakan oleh pihak Timbalan Menteri tadi sebenarnya di dalam negara kita ini wujud majikan yang besar dan majikan yang kecil. Kejahilan itu memang tidak dapat kita nafikan di antara majikan terhadap Undang-undang dan Akta Buruh. Adakah pernah pihak Kementerian berkenaan mengadakan kursus-kursus, peraturan-peraturan dan pengetahuan Undang-undang Buruh ini kepada majikan-majikan kecil yang tidak begitu berupaya untuk mengetahui selok-belok undang-undang dan peraturan dalam negara kita ini.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, antara kes-kes aduan yang termasuk di dalam bilangan yang saya maksudkan tadi ialah perbuatan majikan-majikan tidak mematuhi bayaran gaji sebagaimana yang dijanjikan, bayaran kerja lebih masa sebagaimana yang

ditentukan oleh undang-undang, pemberian cuti-cuti seperti cuti tahunan, cuti sakit dan lain-lain cuti yang menjadi hak kepada pekerja-pekerja, tidak membuat caruman-caruman yang mempunyai hak oleh pekerja-pekerja seperti caruman KWSP, caruman PERKESO dan juga caruman kepada Insurans Perlindungan Kemalangan dan seumpamanya.

Berhubung dengan maklumat tentang Undang-undang Buruh yang sepatutnya diketahui oleh setiap majikan, Kementerian saya memang sentiasa memberi kerjasama dan mengadakan penerangan-penerangan di majlis-majlis ceramah atau kursus-kursus yang dianjurkan sama ada oleh Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Buruh, oleh persatuan-persatuan sukarela atau oleh kesatuan-kesatuan sekerja, dan juga oleh pihak majikan-majikan sendiri. Selain daripada itu, Kementerian Buruh juga ada mengedarkan risalah-risalah berkenaan dengan berbagai-bagai undang-undang itu secara percuma kepada pihak majikan dan juga pihak pekerja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Paramjit Singh.

Tuan D. P. Vijandran: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 2.

KESIHATAN LUAR BANDAR— KEMUDAHAN

2. Tuan D. P. Vijandran (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan kesihatan di kawasan luar bandar.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa memberi keutamaan untuk memperbaiki kemudahan kesihatan di

kawasan-kawasan luar bandar. Kemudahan-kemudahan kesihatan luar bandar, khasnya pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik desa, telah bertambah dengan pesatnya sejak Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua dan masa kini meliputi lebih kurang 88% penduduk-penduduk di luar bandar. Kementerian sedang menggiatkan usaha untuk meluaskan lagi perkhidmatan kesihatan asas kepada penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan terpencil di mana sistem komunikasi adalah sukar bagi Kementerian Kesihatan menempatkan kemudahan tetap. Di kawasan-kawasan seperti ini, Kementerian menyediakan khidmat kesihatan asas melalui klinik-klinik tambahan serta pasukan bergerak secara pengangkutan darat, bot ataupun perkhidmatan kesihatan udara di Sabah dan Sarawak.

Selain daripada itu usaha meluaskan peliputan penduduk dengan kemudahan kesihatan, Kementerian juga sedang meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kesihatan di luar bandar melalui menempatkan pekerja-pekerja kesihatan yang terlatih, meningkatkan pendidikan masyarakat serta melaksanakan strategi-strategi khusus untuk mengatasi sebab-sebab utama kematian ibu-ibu bersalin, bayi dan kanak-kanak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan kesihatan di luar bandar diperbaiki secara berperingkat untuk membolehkan perkhidmatan kesihatan itu bermutu tinggi dalam perkhidmatannya dan ini merupakan kemudahan seperti menaikkan taraf pusat-pusat kesihatan kecil ke pusat-pusat kesihatan besar dengan membesarkan bangunan, serta penempatan doktor-doktor dan pekerja-pekerja kesihatan yang lebih terlatih dan sebagainya. Klinik-klinik bidan juga dinaikkan taraf ke klinik desa di mana bangunan juga dibesarkan dan bidan-bidan diberi

latihan tambahan untuk bertugas sebagai pekerja kesihatan serbaguna yang digelarakan Jururawat Desa.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat memberi tahu berapakah doktor-doktor yang sedang berkhidmat di luar bandar serta berapakah doktor-doktor yang berkhidmat dalam klinik rondaan di luar bandar. Jikalau tiada klinik rondaan, apakah sebabnya?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya dukacita tidak dapat memberi angka-angka yang diminta itu, saya minta notis. Mengenai klinik-klinik rondaan yang kita panggil klinik mobile, kita memang mempunyai beberapa banyak klinik mobile di kawasan-kawasan luar bandar kita yang memberi perkhidmatan yang baik kepada banyak kawasan.

Datuk Ishak bin Abdul Rahman: Soalan tambahan. Adakah Menteri sedar bahawa terdapat klinik-klinik luar bandar sekarang ini tidak dapat membekalkan ubat-ubat yang telah diberi sebelum ini oleh Pembantu-pembantu Hospital kerana mereka ini telah mendapat arahan supaya pemberian ubat itu berpandukan kepada "buku biru". Masalahnya penduduk di luar bandar terpaksa datang ke hospital daerah untuk mendapatkan ubat-ubat yang biasanya sebelum ini diberi oleh pembantu-pembantu di klinik-klinik di luar bandar.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar kerumitan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat. Masalah ini adalah untuk kita mematuhi Akta Perubatan 1971 di mana hanya pegawai-pegawai doktor yang berdaftar dapat menjalankan berbagai tugas yang disenaraikan dalam Akta itu dan kita sedang berusaha lagi untuk mencari

kelonggaran untuk Pembantu-pembantu Perubatan yang biasanya ditempatkan di klinik-klinik kesihatan ini untuk juga secara terkawal menggunakan beberapa alat dan ubat yang disenaraikan sebagai khas untuk doktor-doktor.

Walau bagaimanapun, peraturan yang dibuat pada masa ini, bukanlah untuk meminta pesakit-pesakit itu pergi ke hospital-hospital daerah atau hospital besar tetapi untuk menentukan bahawa dalam beberapa kes ubat-ubat yang spesifik, yang hanya boleh dikeluarkan oleh doktor-doktor bahawa mereka ini dijadualkan untuk melawat ke klinik pusat-pusat kesihatan ini pada hari dalam tiap-tiap minggu di mana doktor sendiri membuat lawatan dan memberi perkhidmatan di klinik-klinik itu. Saya rasa dalam perkara ini adalah pesakit-pesakit yang menghadapi asthma dan diabetes yang sangat terlibat dalam perkara ini dan saya rasa kita jadualkan semula lawatan mereka ke klinik-klinik ini dan ini tidak akan menimbulkan masalah sementara kita cuba menyelesaikan masalah asas yang membawa kepada kedudukan ini.

Tuan D.P. Yijandaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian sedar bahawa kemudahan-kemudahan kesihatan di kawasan estet-estet atau ladang-ladang amat buruk dan adakah langkah-langkah telah diambil untuk memperbaiki keadaan yang buruk ini. Kalau ada, apakah sebab-sebab keadaan buruk itu masih wujud.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sedar bahawa kemudahan kesihatan di setengah ladang-ladang ini tidak memuaskan lagi seperti juga di beberapa kawasan luar bandar yang lain yang kita cuba meningkatkan seperti saya huraikan tadi dalam jawapan saya.

Di estet-estet, masalahnya adalah bahawa pihak majikan bertanggungjawab untuk membekalkan beberapa perkhidmatan perubatan di estet-estet sendiri mengikut undang-undang dan juga mengikut tanggungjawab mereka sebagai majikan dan Kementerian Kesihatan bersama-sama Kementerian Buruh sedang pada masa ini merangkakan satu peraturan baru untuk mengawal perkara ini dan kita harap dalam beberapa bulan lagi kita akan dapat mengemukakan langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan lagi hospital-hospital yang terdapat di ladang-ladang dan bukan semua ladang mempunyai hospital, setengahnya mempunyai klinik sahaja dan juga untuk meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan kesihatan yang dibekalkan melalui dispensari atau hospital-hospital di estet-estet. Perkara ini telah dibincangkan oleh Kementerian dengan United Planting Association of Malaysia, dengan izin, dan persetujuan mereka telah pun diperolehi dalam perkara ini.

PERPADUAN RAKYAT

3. Tuan Haji Abdut Hamid bin Haji Latif minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa perpaduan rakyat Negara ini masih lagi kurang terutama sekali di kalangan rakyat yang beragama Islam. Jika benar, bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu:

- (a) apakah yang menyebabkan perpaduan kalangan rakyat tidak dapat diterapkan sebagaimana sepatutnya dan apakah menyebabkan rakyat beragama Islam berpecah-belah;
- (b) adakah disebabkan banyaknya tumbuh parti politik dalam negara ini; dan

- (c) apakah rancangan menyeluruh Kerajaan supaya perpaduan di kalangan rakyat dapat dieratkan lagi.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat nafikan bahawa masih terdapat kekurangan yang boleh diperbaiki dari segi perpaduan rakyat termasuklah di kalangan rakyat yang beragama Islam. Perpaduan rakyat tidak mungkin tercapai sepenuhnya selagi terdapat individu-individu atau terdapat individu-individu atau golongan-golongan yang masih tidak meletakkan kepentingan negara lebih daripada kepentingan kaum atau peribadi atau politik mereka.

Kurangnya perpaduan di kalangan rakyat yang beragama Islam ialah kerana adanya golongan yang cuba menghasut rakyat menentang usaha Kerajaan yang bertujuan mengeratkan perhubungan di antara mereka. Demikian juga dengan setengah-setengah dari orang Islam yang sengaja menidakkan usaha Kerajaan bagi meninggikan syiar Islam supaya terpisahlah orang Islam yang menyokong Kerajaan daripada orang Islam yang lain. Di antara orang ini ada yang mengkafirkan separuh daripada orang Islam supaya mereka dapat menolak orang yang dikafirkan itu. Dengan ini maka berpecah belahlah orang Islam.

Bilangan parti politik dengan sendirinya tidak menyebabkan perpaduan rakyat sukar diwujudkan, tetapi sikap kepimpinan parti-parti ini memang menyukarkan perpaduan.

Bagi maksud mengeratkan lagi perpaduan di kalangan rakyat, Kerajaan akan meneruskan seruannya ke arah kebaikan, mencuba menanam nilai-nilai yang mulia, yang secucuk dengan Islam, mengembangkan pelajaran dan penggunaan Bahasa

Kebangsaan tanpa menyekat bahasa-bahasa lain, membentuk kebudayaan kebangsaan, mengumpul sekolah-sekolah berbagai bahasa dalam satu kampus dan lain-lain tindakan yang dianggap sesuai untuk perpaduan.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dari ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jelas menunjukkan setengah-setengah pemimpin-pemimpin Pembangkang di negara kita ini, telah membuat ucapan-ucapan yang boleh menimbulkan perpecahan di kalangan rakyat. Bolehkah difahamkan disebabkan kegilaan kuasa mereka ini setengah rakyat kita telah menimbulkan berpecah-belah?

Perdana Menteri: Saya kurang faham maksudnya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya banyak kali sudah minta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat. Jikalau soalan tambahan, asalnya mesti soalan tambahan, macam tidak cukup terang apa yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu. Buat pendek, jangan panjang. Jadi kalau terlampau panjang, asalnya kita mahu bertanya itu sudah hilang dalam perkataan kita.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan ada setengah-setengah pemimpin-pemimpin, terutama sekali Pembangkang di negeri kita ini membuat ucapan-ucapan yang boleh menghasut rakyat. Jadi saya bertanya, bolehkah difahamkan disebabkan kegilaan kuasa setengah-setengah pemimpin Pembangkang ini menyebabkan sebahagian rakyat di negara kita ini berpecah-belah?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bahawa

kegilaan kuasa oleh mereka ini menyebabkan pecah-belah di kalangan rakyat.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan terdapat ada parti-parti politik yang tidak senang hati menghasut rakyat di dalam negara kita ini supaya berpecah-belah, perpaduan tidak akan tercapai. Soalan tambahan saya, adakah pihak Kerajaan mengambil tindakan supaya parti-parti ini diharamkan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ucapan-ucapan mereka dan tindakan mereka belum lagi sampai ke peringkat yang patut kita mengharamkan parti-parti ini.

KILANG MEMBUAT KAPAL TERBANG/HELIKOPTER

4. Tuan Ahmad bin Othman minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan kilang membuat kapal terbang jenis kecil dan helikopter, memandangkan bahawa semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Indonesia baru-baru ini, beliau sungguh berminat dengan usaha sebuah kilang yang dapat mengeluarkan kapal terbang jenis kecil dan helikopter di negara tersebut, kerana negara kita sudahpun berjaya dalam perusahaan kilang membuat kereta Proton Saga.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan belum ada cadangan untuk mengadakan perusahaan membuat kapal terbang jenis kecil dan helikopter. Namun demikian, Kerajaan telah memberi galakan kepada sekumpulan orang-orang yang berminat untuk menubuhkan satu badan yang akan membeli komponen dan memasang kapal

terbang dan helikopter kecil. Dengan ini kemahiran dan pengalaman akan didapati dalam bidang teknologi dan sains berkenaan dengan design, assembly, dengan izin, dan pembuatan kapal terbang. Di samping itu pengalaman akan didapati berkenaan dengan penggunaan bahan-bahan baru seperti plastic, carbon fibre, composites yang diguna, bukan sahaja untuk kapal terbang tetapi juga untuk lain-lain barang buatan.

Walaupun pengeluaran kereta nasional menambah pengetahuan kita berkenaan dengan teknologi logam dan jentera dan ini berguna juga dalam pembuatan kapal terbang, tetapi terdapat banyak perbezaan antara pembuatan kereta dengan pembuatan kapal terbang. Oleh itu, buat beberapa lama kita tidak bercadang memasuki bidang pembuatan kapal terbang. Sebaliknya kita akan menumpu kepada bidang servicing dan pembaikan dan juga untuk mengeluarkan beberapa item avionics yang mampu dibuat oleh kita.

KLINIK SWASTA MENJUAL UBAT KEPADA PESAKIT

5. Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah cadangan K.ementerian untuk menyekat pihak klinik swasta menjual ubat kepada pesakit pada masa akan datang itu merupakan cadangan yang wajar. Jika ya, nyatakan apakah sebab-sebabnya dan bila akan dimula berkuatkuasa. Jika dikuatkuasakan tidakkan tindakan itu tambah menyusahkan rakyat, tegasnya pesakit itu sendiri.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa cadangan untuk mengasingkan kuasa dispensing dari kuasa diagnosa dan preskripsi adalah merupakan satu cadangan sahaja pada masa ini. Rancangan ini akan mengambil masa

untuk dilaksanakan dan bukanlah sesuatu keputusan yang muktamad pada masa ini. Beberapa aspek yang penting demi kebijakan pesakit haruslah dikaji dan disetujui sebelum ianya dapat dilaksanakan.

Kementerian Kesihatan setakat ini hanya telah mencadangkan supaya badan-badan profesion yang terlibat, iaitu para doktor dan para ahli farmasi dapat membincang dan membuat penelitian tentang hal ini. Kementerian saya sedar yang para farmasi dan para doktor terpaksa membuat beberapa penyesuaian yang "significant" sebelum rancangan ini dapat dipertimbangan ataupun dilaksanakan. Doktor-doktor dan ahli-ahli farmasi mempunyai kemahiran dan peranan masing-masing dan inilah yang Kementerian saya suka mementingkan supaya kedua-dua profesion ini dapat memainkan peranan mereka secara bersekutu dan 'complementary', dengan izin, untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan rawatan yang dibekalkan kepada rakyat kita. Dalam masa jangka panjang, ini akan dapat memajukan kepentingan pesakit-pesakit dan perkhidmatan perubatan di negara ini sendiri.

JALANRAYA BARU—PEMBINAAN BAHU JALAN

6. Tuan Mohd. Yusof bin Kassim minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jalan-jalanraya yang baru dibina tidak mempunyai bahu jalan, jalan rayayang baru lebih tinggi daripada bahu jalan raya lama yang membahayakan kenderaan-kenderaan terutama sekali sekutar dan motosikal.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu); Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan yang dipraktikkan dalam pembinaan jalan oleh pihak Jabatan Kerjaraya adalah permukaan jalan

dibina dan ditutup terlebih dahulu sebelum pembinaan terhadap jalan dimulakan. Maka itulah Yang Berhormat telah mendapati separuh jalan-jalan baru yang mana hanya terdapat jalan-jalan tanpa, bahu jalan. Bahu-bahu jalan itu sememangnya akan dibina kelak, sepertimana dalam bentuk tar, konkrit ataupun tanah merah, dengan izin, "laterite".

Mengenai keadaan jalan raya baru lebih tinggi daripada bahu jalan raya lama yang membahayakan kenderaan-kenderaan seperti sekutar dan motosikal, saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian saya memang sedar akan bahaya itu dan di mana keadaan jalan raya itu berlaku dan dikenalpasti, akan diperbetulkan dengan segera.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan bahu-bahu jalan sekarang ini banyak yang jadi bubur, lembik oleh kerana dibuat dengan tanah-tanah merah, tanah liat, adakah pihak Jabatan Kerjaraya bercadang untuk menurap sahaja dengan tar, bererti melebarkan sekali gus jalan-jalan yang sedia ada, terutama sekali bagi jalan-jalan Ipoh ke selatan di mana rasa saya rancangan untuk membuat aliran lebuh raya yang baru akan memakan masa lebih daripada 10 tahun lagi, sedangkan dalam tempoh 10 tahun itu mungkin bilangan kenderaan di jalanraya akan berlipat-lipat ganda banyaknya. Apa gunanya Jabatan Kerjaraya membazirkan wang menambak bahu-bahu jalan itu dengan pasir dan tanah liat yang boleh hanyut bila-bila masa waktu hujan sedangkan belanja itu boleh dibuat dengan bentuk yang kekal, melebarkan jalan itu, termasuk bahu jalan, dengan batu yang konkrit dan tar. Adakah rancangan berperingkat-peringkat, misalnya 20 batu setahun, dalam tempoh 5 tahun cukup 100 batu daripada Ipoh hingga sampai ke Kuala Lumpur.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan tanpa jalan bahu bukan berertinya Jabatan Kerjaraya akan membazir wang. Itulah tindakan untuk menyimpan wang Kerajaan. Jikalau kita akan membina jalan dengan bahu-bahu jalan yang tetap, saya harap harga untuk membina jalan itu seperti apa yang kita bayar sekarang ialah lebih daripada \$2.6 juta akan bertambah menjadi \$3-5 juta sekilometer. Walau bagaimanapun, saya ambil perhatian masalah-masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Di dalam Kementerian Kerjaraya dan juga Jabatan Kerjaraya, kita telah mengambil satu keputusan untuk mengadakan satu kajian yang mana pada masa depan kita boleh juga menetapkan semua jalan-jalan bahu yang sedang ada dengan satu jalan yang tetap mengikuti dengan taraf-taraf yang dikenalkan oleh Jabatan Kerjaraya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang dikatakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat, jalan Utara/Selatan bukanlah satu jalan yang akan disiapkan dalam tempoh 10 tahun akan datang, tetapi dalam tempoh 4 tahun akan datang. Itulah satu pembedaan saya suka memberi kepada Ahli Yang Berhormat.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri sedar bahawa bahu-bahu jalan yang telah dibuat oleh Jabatan Kerjaraya tak semuanya memuaskan, ada sebahagian daripadanya terdapat tanah-tanah merah yang tak cukup kuat dan padat. Umpamanya kalau di Negeri Selangor saya tahu benar tanah dikuari Bukit Badong, tanah itu tak kuat, tak ada campur batu. Apakala kita buat bahu jalan, maka terdapat lori-lori terbalik apakala berselisih, memotong umpamanya rodanya termasuk dan jatuh. Kadangkala membahayakan

orang ramai. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengkaji tanah-tanah merah yang hendak dibuatkan ke bahu-bahu jalan ini biarlah dengan sempurnanya. Terima kasih.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Dato Yang Berhormat, saya suka menjelaskan perkara ini ada dalam timbangan Kementerian sekarang. Saya harap dalam tempoh satu masa akan datang kita mengadakan sistem-sistem dan juga satu sistem teknik yang baru untuk membina bahu-bahu jalan yang sedang ada sekarang.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah menyebabkan, saya tengok negeri-negeri yang kaya, misalnya Terengganu, permukaan jalannya lebih baik daripada negeri-negeri yang miskin seperti Kelantan. Jadi, saya hendak tahu adakah pilih kasih? (*Ketawa*)

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, ini seperti orang yang kahwin 20 tahun yang lalu, masa itu dia ingat isterinya lebih muda tetapi seorang pemuda yang baru kahwin satu tahun yang lalu sahaja tidak ada kemudahan-kemudahan seperti apa yang beliau ada 20 tahun yang lalu. Sebenarnya negeri Terengganu tidak ada apa-apa kemudahan lebih daripada 20 tahun, baru sahajalah dalam tempoh 2 atau 3 tahun kita beri kemudahan-kemudahan kepada negeri Terengganu, sebab itulah jalan-jalan di negeri Terengganu nampak lebih baru dan lebih mudah daripada negeri-negeri yang lain. Negeri Terengganu baru "kahwin" sebab itulah negeri Terengganu itu mempunyai seorang "isteri" yang cantik, negeri-negeri yang lain sudahpun "kahwin" 20 tahun yang lalu, maka itulah jadi "isteri-isteri mereka tua sedikit. (*Ketawa*)

LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI RUSSIA KE MALAYSIA

7. **Tuan Abdul Hamid** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tujuan lawatan Timbalan Perdana Menteri Russia ke Malaysia baru-baru ini dan nyatakan hasil-hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Malaysia bersabit dengan lawatan itu.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, tujuan lawatan Encik Y. P. Ryabov, Timbalan Perdana Menteri Soviet Union ke Malaysia pada bulan November lepas adalah untuk mengeratkan perhubungan dua hala di antara Soviet Union dengan Malaysia dan untuk mengkaji kemungkinan-kemungkinan bekerjasama di dalam bidang ekonomi dan teknik serta untuk memperluaskan lagi perdagangan dua hala di antara kedua-dua negara. Encik Ryabov adalah pemimpin Soviet Union yang tertinggi sekali yang pernah melawat Malaysia.

Di dalam pertemuan Encik Ryabov dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerima undangan pemimpin-pemimpin Soviet yang disampaikan oleh Encik Ryabov untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Soviet Union.

Di dalam pertemuan ini dan pertemuan Encik Ryabov dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta pemimpin-pemimpin Malaysia yang lain beberapa perkara yang penting di dalam perhubungan dua hala di antara Malaysia dan Soviet Union telah diperbincangkan.

Encik Ryabov telah diberitahu tentang usaha-usaha yang telah, sedang dan akan diambil oleh Malaysia untuk mengurangkan jurang

ketidakseimbangan di dalam perdagangan dua hala. Beliau juga telah diminta supaya pihak Soviet Union menggiatkan lagi usaha-usaha penggalakan perdagangan supaya barangan dan teknologinya lebih dikenali lagi oleh pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga Malaysia. Kepentingan perdagangan terus di antara kedua-dua negara telah juga disentuh yang mana Soviet Union telah diminta untuk menambahkan pembelian barangan Malaysia secara terus. Kedua-dua negara telah bersetuju untuk meneruskan usaha-usaha bagi mempelbagaikan dan meningkatkan lagi perdagangan dua hala.

Di samping perdagangan dua hala, kedua-dua pihak telah berbincang tentang kerjasama di dalam bidang-bidang yang lain iaitu ekonomi dan teknikal, perkapalan, sosial dan kebudayaan.

Kedua-dua pihak telah juga berbincang berkenaan berbagai isu antarabangsa termasuk Kampuchea, Antartica dan "disarmament", dengan izin. Berkenaan isu Kampuchea, Soviet Union telah diminta untuk menggunakan pengaruhnya ke atas Vietnam supaya Vietnam lebih flexible di dalam usaha-usaha untuk mencari penyelesaian politik yang komprehensif tentang masalah ini.

Lawatan Encik Y.P. Ryabov adalah sangat berhasil untuk mengeratkan perhubungan dua hala dan meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan di antara Malaysia dan Soviet Union demi untuk faedah bersama bagi kedua-dua buah negara.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan Yang Berhormat Menteri apa yang telah dijelaskan tadi nampaknya negara Soviet begitu berminat untuk

memberikan kerjasama ekonomi, teknikal dan sebagainya, tetapi adakah pihak Yang Berhormat Menteri sedar bahawa negara Soviet ini adalah suatu negara yang pada masa ini menekankari perlumbaan kuasa serta banyak mencari pengaruh di rantau Asia Tenggara ini, berlaku pengintipan-pengintipan yang dijalankan—maksud saya pengintipan berbentuk military yang kadangkala merasakan kita tergugat di segi keamanan dan pertahanan negara. Satu masa dahulu pernah kita dapati bahawa kapal-kapal selam pengintip Soviet ini berada beberapa kilometer sahaja daripada Pelabuhan Klang, umpamanya. Apakah Kerajaan kita tidak terasa bahawa setiap perhubungan ekonomi hanya pada wajahnya, sedangkan penekanan pengaruh untuk mempengaruhi kuasa ideologi komunis Soviet ini lebih mirip ditekankan daripada penekanan hubungan ekonomi? Saya ingin mendapat penjelasan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen

Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, mungkin apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi adalah di dalam pandangan pihak Kerajaan ataupun pihak berkuasa di negara kita ini. Walau bagaimanapun, sambil kita membuatkan kerjasama yang memberi faedah kepada negara kita dan juga faedah kepada negara Soviet, maka perlulah saya rasa kita berwaspada.

Apa yang penting pada pandangan saya adalah rakyat Malaysia sendiri, rakyat Malaysia jikalau mereka itu betul-betul sayang kepada negara kita, saya rasa apa datang pun, apa gergasi rupa pun datang, saya rasa akan tidak terjejas jikalau kita ada perpaduan, kita kasih kepada negara, mereka tidak akan dapat kejayaan untuk menggugat kemampuan kita, kestabilan kita, baikpun politik sama juga ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Lim Sean Lean.

Tuan Tan Chang Soong: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

**EKONOMI MELESET—
INDUSTRI DITUTUP**

8. Tuan Tan Chang Soong (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Buruh menyatakan memandangkan kemelesetan ekonomi dunia hari ini, berapakah kilang telah ditutup, dan berapakah pekerja telah dibuang kerja, dan apakah langkah-langkah telah diambil untuk mengatasi masalah yang serius ini, sila butirkan jenis perkilangan yang terlibat dalam keadaan ini.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah pun memberi jawapan kepada pertanyaan ini semasa menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom pada 9hb Disember, 1985 yang lalu, dan saya tidak bercadang membuat apa-apa tambahan.

**HOSPITAL KERAJAAN—
RAWATAN**

9. Tuan Harun bin Hasan minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah ia mempunyai program pendekatan yang lebih berkesan antara hospital dengan rakyat sebagai usaha menarik lebih ramai rakyat berminat mendapatkan rawatan di hospital-hospital Kerajaan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sudah ada satu program pendekatan yang berkesan melalui rancangan pelajaran kesihatannya untuk menarik lebih ramai orang, khasnya mereka yang duduk di luar bandar, untuk menggunakan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan di hospital-hospital Kerajaan dan kemudahan-kemudahan

kesihatan yang lain. Rancangan ini dijalankan oleh kakitangan-kakitangan di klinik-klinik, di tempat-tempat orang ramai berhimpun seperti di balai raya dan juga semasa lawatan kakitangan Kesihatan ke rumah-rumah. Antara aktiviti yang dijalankan ialah dengan mengadakan ceramah, dialog dan pameran kepada orang ramai dan memberi nasihat serta panduan kepada orang perseorangan. Pendekatan kepada orang ramai juga dilakukan melalui Ketua-ketua Masyarakat dan Persatuan-persatuan Sukarela.

Keberkesanan pendekatan seperti ini dapat dilihat daripada meningkatnya bilangan pesakit-pesakit, terutamanya dari luar bandar yang mendapat rawatan di Pusat-pusat Kesihatan, klinik-klinik dan hospital-hospital sebagai pesakit luar dan bilangan pesakit yang dimasukkan ke hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara.

Pada tahun 1984, sebanyak 21,466,025 lawatan sebagai pesakit luar dan sebanyak 992,183 pesakit dalam (in-patient) telah dikendalikan oleh hospital Kerajaan sahaja. Angka-angka pesakit luar yang saya sebutkan tadi tidak termasuk lawatan ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak ke Klinik-klinik Ibu Mengandung dan Kanak-kanak. Lawatan itu iaitu ibu mengandung dan kanak-kanak berjumlah lebih daripada 4.15 juta pada tahun 1984.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk menarik perhatian rakyat supaya pendekatan di antara orang ramai dengan hospital telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita ucapkan ribuan terima kasih. Soalan saya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa terdapat, ini bukan semua; seorang berdua doktor-doktor yang telah

memeriksa pesakit-pesakit tidak memegang pesakit tetapi dengan buntut pensil. Kalau Yang Berhormat Menteri sedar, apakah tindakan, ini bermakna bukan hendak dihukum, apakah tindakan supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi dan inilah yang sebenar-benarnya pendekatan di antara orang ramai dengan hospital.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat itu sedar bahawa terdapat juga, iaitu jururawat-jururawat di hospital-hospital, terutama di luar-luar bandar menggunakan perkataan yang kesat-kesat, terutamanya di Klinik-klinik Bidan terhadap ibu-ibu yang datang hendak diperiksa, mereka menggunakan perkataan yang kesat. Saya tidak hendak menyebut di Dewan ini, Yang Berhormat pun fahamlah perkataan yang kesat itu. Umpamanya, satu contoh "kenapa tidak datang cepat!" misalnya. Macam mana hendak datang cepat, fikir sahajalah hah! (menunjuk isyarat perut perempuan mengandung). Hendak datang cepat macam mana. Ini namanya perkataan kesat. Jadi menyebabkan ibu-ibu mengandung tidak selalu hendak pergi ke klinik-klinik disebabkan perkataan kesat oleh sebahagian kecil jururawat-jururawat yang tidak bersopan. Terima kasih.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, mengenai doktor-doktor yang enggan menyentuh pesakit, Kementerian dalam kajiannya tidak dapat mengesan terdapat kemudahan Kerajaan doktor-doktor menggunakan buntut pensil untuk diagnosa pesakit-pesakit. Tetapi ada juga rayuan dan aduan bahawa ada segolongan kecil doktor yang tidak menyentuh pesakit-pesakit dan terus memberi ubat sahaja seperti yang dilaporkan oleh pesakit-pesakit sendiri. Seperti misalnya sakit kepala diberi Panadol dan sebagainya. Aduan seperti ini sentiasa diterima.

Kementerian sedang berusaha untuk memberi latihan kepada doktor-doktor

pada masa housemanship mereka tentang cara pendekatan yang lebih berkesan, yang lebih dapat diterima oleh rakyat kita; dan saya rasa jika berlaku kesilapan pun jarang perkara itu berlaku.

Mengenai kata-kata yang kesat atau kurang sopan santun, saya rasa ertinya perkataan yang keras, perkara ini telah ditimbulkan oleh ahli Yang Berhormat dalam perbahasan atas Belanjawan tahun depan dan saya rasa lebih baik jika saya mengambil masa yang lebih panjang sedikit untuk menjawab perbahasan itu pada petang hari ini juga.

Tuan Mohd. Yusoff Haji Md. Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada kekurangan specialist di hospital-hospital adalah ketara sekali dan saya rasa inilah menyebabkan orang ramai kadang-kadang tidak berapa hendak pergi ke hospital.

Saya hendak tahu sama ada Kerajaan bercadang untuk menggunakan specialist yang ada di klinik-klinik swasta untuk memberi sumbangan mereka di hospital-hospital Kerajaan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, dua point dalam jawapan itu.

Pertama, saya tidak dapat mengaku bahawa kekurangan pakar-pakar adalah di antara sebab-sebab orang luar bandar enggan datang ke klinik-klinik atau hospital-hospital kerana kebanyakan daripada rawatan dan pengendalian yang hendak dibuat melalui Perkhidmatan Kesihatan ini tidak memerlukan perkhidmatan kepakaran. Jika kita hendak tunggu sehingga seorang pakar datang ke Batang Berjuntai atau Tanjong Karang sebelum kita pergi ke hospital, saya rasa kita akan tunggu selama-lamanya, kerana tidak akan ada dalam negara-negara yang membangun cukupnya

bekalan specialist atau pakar untuk kita tempatkan diseluruh negara kita dengan cukup kemudahan. Jadi, Kementerian mengaturkan perkhidmatannya dengan satu sistem pyramid, satu sistem kemuncak yang menentukan cara-cara rujukan daripada kemudahan asas di klinik desa, rujukan kepada doktor biasa dan rujukan daripada doktor biasa itu kepada doktor pakar di hospital-hospital besar dan di setengah-setengah hospital daerah yang besar. Dan jika perlu, rujukan kepada Hospital Besar Kuala Lumpur di dalam kes-kes yang tertentu, adalah satu cara yang lebih wajar dan sesuai dan lebih berkesan untuk kita mengendalikan rawatan dan kemudahan kesihatan kepada rakyat kita.

Dalam perkara kita mengambil pakar-pakar yang terdapat di sektor swasta untuk berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan, perkara ini memang sudahpun diamalkan oleh Kementerian Kesihatan. Pada masa ini lebih kurang 15 orang, pakar bius (anesthetic) sedang berkhidmat untuk tempoh yang tertentu pada tiap-tiap minggu untuk membantu kita di hospital-hospital, bukan sahaja membantu secara khidmat tetapi juga membantu dalam latihan-latihan doktor-doktor muda dan doktor-doktor yang dalam latihan.

Kementerian bercadang untuk meluaskan sistem sukarela ini atau sistem menyerapkan pakar-pakar dari luar, dari sektor swasta ini kepada kepakaran-kepakaran yang lain di kawasan-kawasan tertentu. Perkara ini adalah dalam kajian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood.

Tuan Haji Mohamed bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 10.

INDUSTRI KECIL

10. Tuan Haji Mohamed bin Yahya (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dengan adanya dasar Kerajaan untuk memajukan industri kecil supaya menjadi peyokong dan pembekal kepada industri berat sama ada Kementerian beliau akan mengujudkan satu sistem galakan iaitu menubuhkan Tabung Peningkatan Daya Pengeluaran (Productivity Enhancement Fund) bagi memastikan kejayaan hasrat Kerajaan itu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Oo Gin Sun); Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak mempunyai rancangan untuk mewujudkan Tabung Peningkatan Daya Pengeluaran buat masaini.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor; Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 10 ialah berkaitan dengan industri kecil dan peranannya di dalam pembangunan ekonomi dalam sesebuah negara. Kita sedar bahawa industri kecil mempunyai peranan yang begitu luas sekali, di negara seperti Jepun dan Taiwan.

Kita juga maklum di Korea Selatan industri berat begitu meluas sekali hingga merasakan kekosongan dan industri kecil dan sederhana. Tetapi di negara kita ini, kita terlalu ghairah sangat dengan industri berat dan industri besar dengan sebegitu rupa sehinggakan kita mewujudkan Heavy Industry Commission dengan sekelip mata.

Soalan saya ialah industri kecil di negara ini telah diabaikan peranannya, jadi bilakah Kerajaan menjadi committed, dengan izin, atau lebih serius lagi terhadap industri kecil ini dengan cara mewujudkan suatu Perbadanan supaya ianya dapat menyelaraskan dari segi perancangan dan juga pelaksanaan dasar industri

kecil. Walaupun dalam keadaan ekonomi yang meleset, bahkan dalam keadaan ekonomi seperti ini peranan industri kecil adalah lebih bermakna dan lebih berfungsi lagi kepada ekonomi kita.

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan industri kecil, Kementerian saya ada memberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Loo Swee Mok.

Tuan Tan Chang Soong: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 11.

PENAGIH DADAH— TANGKAPAN

11. Tuan Tan Chang Soong (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian mengambil langkah yang lebih ketat lagi apabila seseorang penagih dadah telah ditangkap oleh polis dan telah disahkan oleh doktor ia adalah penagih dadah terus dihantar ke pusat pemulihan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad); Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan, sukalah saya mengambil kesempatan di Dewan ini menjelaskan mengenai prosedur tindakan yang diambil berikutan dengan penangkapan seseorang penagih dadah.

Ketegasan Kerajaan terhadap kes-kes yang memerlukan pemulihan institusi adalah jelas terutama bagi Pusat Serenti yang mempunyai kemudahan pengesanan, detoksifikasi dan Mahkamah di mana seseorang yang ditangkap kerana disyaki menagih akan ditahan di Pusat berkenaan untuk menjalani pengesanan, dan sekiranya ia disahkan sebagai penagih dadah, maka

mahkamah yang berasingan di pusat berkenaan akan memutuskan sama ada ia perlu menjalani pemulihan di mstitusi atau di luar institusi. Sekiranya penagih berkenaan memerlukan pemulihan di institusi maka Mahkamah akan memerintahkan kes berkenaan terus tinggal di Pusat bagi tempoh dua tahun.

Bagi Pusat-pusat Pemulihan Dadah lain (selain Pusat Serenti) yang tidak mempunyai kemudahan pengesanan dan Mahkamah maka pihak Polis yang menangkap kes yang disyaki itu akan menghantarkan ke mana-mana hospital yang diwartakan untuk tujuan pengesanan dan sekiranya kes berkenaan disahkan sebagai penagih dadah, maka perintah Mahkamah akan dipohon. Jika Mahkamah berpendapat kes berkenaan perlu mendapat pemulihan di institusi, maka Pegawai Pemuulihan Dadah akan menghubungi Pusat Pemulihan Dadah untuk menempatkan tempat bagi kes tersebut.

Memandangkan Pusat-pusat Serenti dan Pusat-pusat Pemulihan Dadah sentiasa mempunyai muatan yang maksima, maka ada kalanya kes-kes penagih dadah yang telah disahkan tidak dapat terus dihantar ke Pusat Pemulihan. Mereka terpaksa dimasukkan dalam senarai menunggu sehingga ada kekosongan berlaku di Pusat Pemulihan berkenaan. Sementara itu kes tersebut diletakkan di bawah pengawasan Pegawai Pemulihan Dadah.

Sukalah saya tegaskan di sini, bahawa tidak semua penagih dadah yang ditangkap dan disahkan penagih dadah akan dihantar ke Pusat-pusat Pemulihan, mana-mana kes yang sesuai akan diletakkan di bawah pengawasan Pegawai Pemulihan bagi tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak lebih dari tiga tahun seperti yang diperuntukkan dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

POS KOD—KEJAYAAN

12. Dato G. Pasamanickam minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sejauh manakala kejayaan Pos Kod yang diamalkan .baru-baru ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, sejak sistem ini dilancarkan pada 1-10-1985 sambutan dari orang awam adalah didapati menggalakkan.

Kajian dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos menunjukkan bahawa setakat ini sebanyak 80% surat-surat yang diposkan oleh orang perseorangan menggunakan Pos Kod, manakala 55% surat-surat yang diposkan oleh Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan menggunakan Pos Kod, firma-firma dan pertubuhan-pertubuhan yang menghantar surat-surat serangkum juga telah mula menggunakan Pos Kod. Kini sebanyak 60% surat-surat yang diposkan oleh firma-firma di pertubuhan-pertubuhan yang besar menggunakan Pos Kod.

Pada keseluruhannya Kementerian saya berpuas hati dengan sambutan dan sokongan yang diberi oleh orang awam, Jabatan-jabatan Kerajaan juga firma-firma perniagaan

Dato' G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Buku Panduan Pos Kod adalah tidak lengkap kerana ladang-ladang seperti ladang-ladang di Perak telah tidak dicatatkan ke dalamnya, manakala ladang-ladang di Selangor dan negeri-negeri lain telah tercatat.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar dan perkara itu dapat diperbetulkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ng Ah Poi.

Tuan Tan Chang Soon: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 13.

TAMBANG PERKAPALAN— MENURUNKAN

13. Tuan Tan Chang Soong *di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau ada rancangan untuk menurunkan kadar tambang perkapalan supaya dapat bertanding dengan perkapalan negeri lain.

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk menurunkan kadar tambang yang ditetapkan oleh syarikat-syarikat perkapalan.

GULA BERTAPIS - PENGELUARAN

14. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) keluasan penanaman tebu secara perindustrian seluruh negara dan jumlah pengeluaran tebu/gula daripada perusahaan tanaman tersebut;
- (b) jumlah gula bagi keperluan negara dan jumlah gula mentah yang diimport dari luar negeri;
- (c) sama ada Kementerian sedar bahawa kebanyakan kilang-kilang yang menapis gula daripada tebu tempatan sekarang ini menghadapi kekurangan tebu bagi menapis gula putih, dan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan daya muatan kilang-kilang berkenaan dengan membenarkan mereka mengimport gula mentah dari luar negeri; dan

(d) langkah-langkah yang diambil bagi meningkatkan daya pengeluaran gula melalui perusahaan menanam tebu tempatan.

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah keluasan tanaman tebu di seluruh negara secara komersial untuk pengeluaran gula bertapis berjumlah 21,654 hektar pada tahun 1985 iaitu 9,224 hektar di Perlis, 9,220 hektar di Kedah dan 3,210 hektar di Perak. Pengeluaran tebu dari ladang-ladang tebu tempatan pada tahun ini pula berjumlah kira-kira 824,450 tan metrik. Gula bertapis yang dapat dihasilkan dari tebu ini ialah 86,729 tan metrik, iaitu kira-kira 16% sahaja daripada keperluan gula bertapis negara tahun 1985.
- (b) Keperluan gula mentah untuk negara bagi tahun 1984 ialah 530,598 tan metrik. Ini merupakan penurunan sebanyak 1% daripada keperluan gula mentah negara tahun 1983. Keperluan negara di jangka akan meningkat kepada kira-kira 567,574 tan metrik dalam tahun 1985. Selain daripada pengeluaran gula dari ladang-ladang tebu tempatan, bekalan gula negara juga diperolehi melalui pengimportan gula mentah. Jumlah gula mentah yang diimport pada tahun 1985 ialah 460,677 tan metrik.
- (c) Kementerian sedar bahawa kilang-kilang gula yang menapis gula dari tebu tempatan menghadapi kekurangan tebu. Oleh itu kilang-kilang berkenaan telah juga diperuntukkan kuota untuk mengimport gula mentah.

- (d) Berbagai-bagai langkah telah diambil oleh pengusaha-pengusaha ladang-ladang tempatan untuk meningkatkan daya pengeluaran gula. Di antaranya ialah memperbaiki sistem pengairan, menggunakan jenis, dengan izin, "variety" tebu yang lebih tinggi hasilnya dan lebih tahan dari serangan penyakit dan serangan dan menjalankan penyelidikan untuk mengeluarkan jenis-jenis tebu yang lebih baik. Dengan langkah-langkah tersebut pengeluaran tebu ladang-ladang tempatan telah bertambah dan dijangka akan terus bertambah lagi.

SYARIKAT PERKAPALAN NASIONAL—PERANAN

15. Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: minta Perdana Menteri menyatakan perkara-perkara seperti berikut:

- (a) peranan MISC, PNSL, Kontena Nasional dan Syarikat Perkapalan Swasta Malaysia ke arah membangunkan industri perkapalan Malaysia yang kuat dan sentiasa berkembang; dan
- (b) apakah usaha untuk memastikan kerjasama di wujudkan antara MISC, PNSL, Kontena Nasional dan Syarikat Perkapalan Swasta Malaysia supaya tidak berlaku pembaziran pelaburan, pertandingan yang hanya menguntungkan perkapalan asing.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua syarikat perkapalan nasional MISC dan PNSL mempunyai peranan yang penting dalam membangunkan Industri Perkapalan

Malaysia untuk mencapai matlamat-matlamat seperti berikut:

- (i) Memaju dan mengekalkan perseimbangan dalam tumpuan jenis-jenis kapal yang didaftarkan di Malaysia.
- (ii) Menyokong penglibatan kapal-kapal Malaysia di dalam perkhidmatan perkapalan Nasional, wilayah dan persisiran dengan objektif mencapai penguasaan yang lebih besar ke atas pergerakan import dan eksport.
- (iii) Memenuhi keperluan para pengguna kapal terhadap pengangkutan laut dan seterusnya mengurangkan kadar pergantungan ekonomi Malaysia kepada syarikat perkapalan asing.
- (iv) Mengujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pengetahuan golongan rakyat Malaysia dalam bidang perkapalan dan aktiviti-aktiviti berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kontena Nasional pula di samping menjadi syarikat pengangkutan kontena ditugaskan juga sebagai ejen penghantaran Kerajaan bagi pengangkutan laut, udara dan darat.

Dalam peranannya sebagai agen penghantaran Kerajaan dalam pengangkutan laut, Kontena Nasional dipertanggungjawabkan meningkatkan penggunaan syarikat-syarikat perkapalan nasional iaitu MISC dan PNSL bagi penghantaran .

Untuk menjawab soalan (b), penubuhan Syarikat Perkapalan Nasional dan swasta adalah bertujuan untuk melengkapkan perkhidmatan perkapalan negara sejajar dengan hasrat menjadi Malaysia sebuah negara maritime dan bukan untuk pertandingan di antara satu sama lain.

Dalam usaha untuk memastikan kerjasama wujud, MISC—PNSL dan Kontena Nasional telah membuat perjanjian tiga pihak bagi pengangkutan projek "cargoes", dengan izin. Perjanjian ini merupakan satu-satunya langkah ke arah mengelakkan pembaziran pelaburan dan pertandingan sama syarikat perkapalan.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah seperti berikut. Di dalam perjanjian antara MISC, PNSL dan Kontena Nasional, bagaimanalah kita hendak memastikan supaya perjanjian itu juga bukan sahaja memperkuat antara tiga perbadanan tersebut bahkan juga memperkuat kerjasama di antara tiga perbadanan Kerajaan dengan syarikat-syarikat swasta dalam bidang yang sama sebegitu rupa kita memastikan bahawa kapal-kapal yang membawa bendera bukan Malaysia tidak diberi peranan langsung apabila membawa kargo-kargo daripada luar Malaysia ataupun daripada Malaysia?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, di sini terdapat sekurangnya dua segi. Satu ialah seperti yang saya katakan tadi, perjanjian antara tiga syarikat-syarikat perkapalan kita ini dalam usaha membahagi ataupun memperseimbangkan peranan dan bahagian mereka di dalam perusahaan perkapalan di negara kita ini. Dan ini seperti yang saya katakan di dalam jawapan saya tadi sedang diusahakan dengan seberapa bolehnya.

Yang kedua ialah memanglah matlamat penting negara kita untuk menguasai perkapalan di dalam negara kita ini iaitu di kastam-kastam kita dan di perairan perkapalan kita ini dengan erti kata kapal-kapal Malaysia sendiri pada keseluruhannya di satu masa

nanti dapat mengendalikan dan dapat menguasai perkapalan di dalam negara kita ini,

Walau bagaimanapun, dalam usaha mencapai matlamat yang kedua ini memanglah akan memakan masa yang panjang kerana sistem persaudagaran perkapalan ini adalah sebahagian daripada sistem terbuka atau "free enterprise system" dan kita tidak dapat menutup sewenang-wenangnya sahaja kapal-kapal asing yang datang ke negara kita ini daripada tempat yang lain memandangkan corak perniagaan dan perdagangan kargo-kargo yang diangkut masuk ke negara kita oleh pihak swasta dan yang dikirim oleh pihak swasta ke lain-lain negara di dunia ini. Jadi, matlamat yang agak penting ini memang ada di sisi Kerajaan kita tetapi akan memakan masa yang lama. Dan sukalah saya mengatakan di sini bahawa sebenarnya negara-negara yang sudah maju daripada kita pun sukar mencapai matlamat yang saya katakan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tempoh pertanyaan bagi jawab mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 33 adalah diberi di bawah ini]

KEMALANGAN JET TUDM

16. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah punca-punca yang menyebabkan jet-jet TUDM kerap mengalami kemalangan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha); Ada berbagai-bagai sebab yang boleh berlakunya kemaJangan terhadap sesebuah pesawat terbang di antaranya seperti kerosakan enjin semasa

penerbangan, kesilapan juruterbang, keadaan cuaca, bahaya alam sekitar dan lain-lain punca yang tidak dapat diramal atau ditetapkan.

JAMBATAN PULAU PINANG— KEMATIAN

17. Tuan Haji Mohamed bin Yahya minta Menteri Kerjaraya menyatakan sejak jambatan Pulau Pinang siap dibina hingga 30-11-85:

- (a) Jumlah kejadian kematian akibat pelanggaran; dan
- (b) akibat bunuh diri.

Dato' S. Samy Vellu: Tidak ada orang yang maut akibat kemalangan di atas jambatan Pulau Pinang.

Mengenai kejadian bunuh diri, bilangannya ialah tiga (3) orang.

PENCEROBOHAN NELAYAN THAILAND/INDONESIA— TANGKAPAN

18. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) Sejak tahun 1981, berapa perahu-perahu nelayan Thailand dan Indonesia didapati mencero bohi perairan Malaysia, berapa banyak perahu mereka dirampas dan berapa ramai nelayan dari kedua negara itu ditahan setiap tahun hingga 1985; dan
- (b) berapa banyak pula perahu-perahu serta alat-alat menangkap ikan nelayan Malaysia yang dirampas oleh pemerintah kedua-dua negara jiran tersebut dalam tahun-tahun yang sama.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:

- (a) Perangkaan mengenai tangkapan bot-bot nelayan asing yang dibuat oleh Polis Merin

dari tahun 1981 hingga Oktober 1985 ialah:

Tahun Negara Asal	1981	1982	1983	1984	1985 (Okt.)	Jumlah
Indonesia	—	—	1	—	13	14
Thailand	22	14	16	17	22	91
Jumlah	22	14	17	17	35	105

Semua tangkapan yang dilakukan ke atas bot-bot tersebut adalah di kawasan Perairan Wilayah Malaysia sahaja. Dari jumlah 105 tangkapan tersebut, ia melibatkan sebanyak 300 warganegara Indonesia dan 1,234 warganegara Thailand.

- (a) Kesemua penceroboh tersebut telah dibicara dan dihukum. Rampasan yang dibuat ke atas bot Indonesia dan Thailand yang ditangkap antara tahun 1981 hingga Oktober 1985 berjumlah 31 bot yang terdiri dari 19 bot Thailand dan 12 bot Indonesia.
- (b) Jumlah sebenar bot-bot nelayan Malaysia yang dirampas oleh pihak berkuasa Indonesia dan Thailand tidak diketahui. Setakat ini hanya 3 kejadian tangkapan yang dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia seperti berikut:

	Kawasan	Hukuman
13-6-81	Perairan Indonesia	3 nelayan dari Permas. Pontian didenda \$3,500/—. Bot dikembalikan
27-6-81	Perairan Indonesia	3 nelayan dari Pontian dipenjarakan sebulan. Bot dikembalikan
16-10-85	Perairan Aceh. Indonesia	3 bot nelayan dari Hutan Melintang ditahan di Daerah Langsa, Aceh. Masih menunggu perbicaraan

Kekurangan maklumat ini disebabkan pada keseluruhannya nelayan-nelayan tempatan yang ditahan oleh pihak berkuasa asing termasuk Indonesia dan Thailand tidak melaporkan ke pihak Polis Diraja Malaysia mengenai kejadian sebenar yang berlaku atas sebab-sebab mereka sendiri.

SETINGGAN—PENEMPATAN BARU

19. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Perdana Menteri menyatakan memandang kepada masalah pada masa ini di mana banyak kawasan setinggan telah muncul khususnya di pinggir bandar-bandar negara kita adakah Kerajaan sebarang rancangan untuk mengatasi masalah ini secara jangka pendek atau jangka panjang.

Datuk Dr James P. Ongkili: Untuk mengatasi masalah setinggan di negara ini Kerajaan telah mengadakan beberapa strategi dan program bagi jangka panjang dan jangka pendek. Antara langkah-langkah jangka panjang ialah membuka kawasan-kawasan penempatan baru melalui rancangan-rancangan pembukaan tanah yang dianjurkan oleh agensi Persekutuan dan agensi negeri seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), DARA, KETENGAH, KEJORA DAN KESEDAR. Rancangan-rancangan ini dilaksanakan untuk menempatkan mereka yang tidak bertanah di samping mengwujudkan aktiviti ekonomi di kalangan penduduk seperti perdagangan dan perindustrian.

Kerajaan juga melaksanakan rancangan-rancangan jangka pendek seperti penguatkuasaan undang-undang oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Kuasa-kuasa Tempatan akan terus dipertingkatkan bagi mengurangkan gejala-gejala ini. Program-program perumahan kos rendah telah dipertingkatkan terutamanya di bandar-bandar besar dengan tujuan memberi kemudahan tempat tinggal kepada golongan berpendapatan rendah secara menyewa atau memiliki rumah tersebut.

Masalah setinggan bukanlah merupakan tanggungjawab Kerajaan semata-mata; semua pihak hendaklah bekerjasama dan menyambut baik apa

juga rancangan dan tindakan Kerajaan.

CUEPACS—TUNTUTAN NAIK GAJI

20. Tuan Kee Yong Wee minta Perdana Menteri menyatakan pendirian Kerajaan terhadap tuntutan naik gaji oleh CUEPACS dan sama ada Kerajaan telah bersiap sedia untuk mengelakkan sebarang kemungkinan buruk jika CUEPACS mengambil tindakan perusahaan dengan melancarkan mogok.

Datuk Dr James P. Ongkili: Kerajaan percaya masalah tuntutan gaji ini boleh diselesaikan melalui perbincangan. Semenjak pengumuman dibuat mengenai kenaikan gaji yang diberi kepada Kumpulan C dan D Kerajaan telah mengadakan beberapa perjumpaan dengan Pihak Pekerja. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berjumpa dengan pihak Pekerja pada 4hb Julai, 1985 dan pada 15hb Ogos, 1985. Akhir sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengadakan perjumpaan dengan Pihak Pekerja pada 30hb Oktober, 1985.

Dalam perjumpaan antara Pihak Pekerja dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 30hb Oktober, 1985 iaitu persetujuan telah dicapai untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Bersama untuk terus membincangkan tuntutan-tuntutan yang telah dikemukakan oleh Pihak Pekerja kepada Kerajaan. Dengan persetujuan itu Pihak Pekerja telah pun membatalkan piket yang telah dijadualkan pada 23hb Oktober, 1985 dan juga mogok umum yang telah dijadualkan pada 15hb Januari, 1986.

Walau bagaimanapun, Kerajaan memang telah mengambil tindakan-tindakan yang sesuai untuk bersiap sedia bagi menghadapi sebarang

kemungkinan jika sekiranya Pihak Pekerja mengambil tindakan-tindakan perusahaan seperti piket atau mogok.

WORKSYOP J.K.R.

21. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada benar bahawa worksyop J.K.R. di seluruh negara tidak berjalan dengan baik dan banyak alat-alat ganti hilang kerana kawalan pengurusan tidak baik dan menyebabkan Kerajaan kerugian. Jika benar adakah Kerajaan bercadang menutup Worksyop J.K.R. di seluruh Negara dan Kerajaan bercadang menswastakannya.

Dato'S.Samy Vellu: Adalah tidak benar bahawa worksyop J.K.R. di seluruh negara tidak berjalan dengan baik dan banyak alat-alat ganti negara hilang kerana kawalan pengurusan tidak baik dan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

Sebenarnya semua worksyop J.K.R. adalah diuruskan oleh Jurutera-jurutera Jentera yang berpengalaman dan bertanggungjawab. Dalam menjalankan tugas mereka sehari-hari, mereka adalah tertakluk kepada beberapa arahan-arahan dan surat-surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan Jabatan atau Kementerian saya sendiri termasuklah panduan Perbendaharaan mengenai tatacara pengurusan sektor.

Selain daripada itu beberapa langkah keselamatan sedang diamalkan seperti memeriksa semua orang termasuk kakitangan worksyop serta kenderaan-kenderaan yang keluar-masuk di kawasan Worksyop J.K.R. Jika terdapat kes-kes yang melibatkan pemecahan dan kemasukan secara paksa di worksyop J.K.R., maka perkara ini adalah dilaporkan kepada pihak polis untuk penyiasatan dan tindakan selanjutnya.

Berkenaan dengan cadangan untuk menutup worksyop J.K.R. adalah dimaklumkan bahawa perkara ini belum pernah berbangkit lagi. Cadangan untuk menswastakan worksyop J.K.R. adalah ditimbangkan sepertimana cadangan-cadangan penswastakan beberapa perkhidmatan Kerajaan yang lain.

PERKHIDMATAN BOMBA— MENSWASTAKAN

22. Dato Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Perkhidmatan Bomba adalah tidak mencukupi di seluruh negara dan jika sedar sama ada beliau akan menswastakan perkhidmatan ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Menyentuh kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, maka di sini saya terangkan bahawa semenjak Perkhidmatan Bomba diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1976, Kementerian saya telah pun melaksanakan pembinaan 15 buah balai bomba baru dan membeli 291 buah kenderaan bomba untuk membaiki Perkhidmatan Bomba di seluruh negara. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedar bahawa bilangan balai bomba dan kereta bomba masih lagi tidak mencukupi dan usaha-usaha sedang diambil untuk meluaskan dan membaiki lagi perkhidmatan bomba bagi seluruh negara. Di samping itu, Kementerian saya menggalakan penubuhan pasukan bomba sukarela di kawasan industri dan juga memberikan bantuan latihan kepada mereka dengan sepenuh masa.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan memberi pertimbangan kepada apa-apa cadangan untuk menswastakan Perkhidmatan Bomba yang mana ketika ini penswastakan

penyelenggaraan alat pemadam api dan pili bomba sedang di dalam kajian Kementerian saya. Walau bagaimanapun, perlu kita mengambil perhatian bahawa Perkhidmatan Bomba pada amnya adalah suatu perkhidmatan sosial kepada orang ramai dan masyarakat.

DASAR APARTHEID AFRIKA SELATAN

23. Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan Malaysia akan keluar daripada Komanwel jika tindakan tegas untuk memulaukan Afrika Selatan tidak diambil oleh pertubuhan tersebut mengenai dasar Apartheid.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj: Saya mohon izin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberi semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Haji Abd. Wahab bin Abu Bakar pada 6hb Disember, 1985. Saya tidak ada apa-apa tambahan yang hendak dibuat kepada jawapan tersebut.

PERJANJIAN KERJASAMA LAUT MALAYSIA—THAILAND

24. Puan Rokiah binti Zainudin minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kaum nelayan mempunyai gambaran yang negatif tentang perjanjian kerjasama laut dalam yang akan dibuat di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand, jika sedar apakah langkah-langkah yang diambil untuk memberi gambaran yang betul bahawa perjanjian ini akan memberi faedah kepada kedua-dua pihak.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Saya memang sedar bahawa terdapat segelintir daripada kaum nelayan yang mempunyai gambaran yang negatif tentang cadangan untuk mengadakan

perjanjian kerjasama laut dalam dengan Kerajaan Thailand. Perasaan ini telah timbul mungkin kerana salah memahami konsep usahasama yang di cadangkan oleh Kerajaan dan juga pengalaman pahit mereka atas pencerobohan-pencerobohan bot-bot nelayan Thai. Objektif kerajaan dalam mengadakan usahasama ini adalah untuk mempertingkatkan taraf hidup kaum nelayan serta untuk memesat pembangunan sektor perikanan. Tindakan sudah diambil untuk menerangkan dan memberi gambaran yang jelas mengenai usahasama ini menerusi dailog-dailog yang diadakan. Sukacita juga saya maklumkan di sini bahawa kaum nelayan sudah mula berubah pandangan negatif mereka mengenai cadangan usahasama tersebut dan mula menyokong cadangan kerajaan.

25. Tuan Hassan bin Nam minta Perdana Menteri menyatakan mungkinkah akan terjejas negara-negara perindustrian kereta dan kapal terbang jika sekiranya Afrika Selatan menghentikan eksport logamnya keluar, bagaimana pula Malaysia dengan perindustrian Kereta Proton Saga dari negara mana kita dapat bahan logam berkenaan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Soalan ini telah saya jawab bersama soalan Senator Dato' G. Pasamanickam pada 0 hb Disember, 1985. Saya tidak ada apa-apa tambahan.

AKTA RAHSIA RASMI—HUKUMAN

26. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 dengan menaikkan lagi denda yang dikenakan kepada mereka yang bersalah. Jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Datuk Dr James P. Ongkili: Kerajaan telah pun mengarahkan Jabatan Peguam Negara untuk membuat kajian berkenaan dengan hukuman yang boleh dikenakan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 sama ada hukuman yang boleh dikenakan sekarang patut dinaikkan atau tidak. Kerajaan akan membuat keputusan sama ada menaikkan hukuman-hukuman yang boleh dikenakan di bawah Akta tersebut selepas mendapat laporan kajian yang dibuat oleh Jabatan Peguam Negara itu.

SEWA RUMAH JEMAAH HAJI DI MEKAH/MADINAH

27. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar rumah kediaman jemaah haji di Mekah dan Madinah bayarannya terlalu tinggi, jika tidak benar berapa bayaran rumah bagi setiap seorang jemaah di Tanah Suci Mekah dan Madinah dan kenapa berlaku demikian.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed): Adalah tidak benar bahawa bayaran sewa rumah jemaah haji di Mekah dan Madinah adalah terlalu tinggi, kerana dari hasil rundingan yang telah diadakan di peringkat Kerajaan sebelum musim Haji tahun ini, sewa rumah di Mekah dan Madinah telah dapat diturunkan dari kadar sewa tahun-tahun lalu.

Tahun ini kadar sewa bagi seorang jemaah haji di Mekah adalah SR.1,200 (bersamaan M\$849) bagi bilik tanpa hawa dingin dan SR. 1,400 (bersamaan (980) bagi bilik berhawa dingin. Ini nyata lebih rendah daripada tahun lalu iaitu di antara SR.1,600—SR.1,700 bersamaan M\$1,120—M\$1,190) seorang.

Di Madinah pula, walaupun rumah adalah di bawah kawalan Muassasah/Dalil, tapi kadar sewanya ialah di

antara SR. 350—S.R. 500 (M\$252—M\$350) seorang iaitu jauh lebih rendah dari kadar yang ditetapkan di bawah Peraturan Haji bagi tahun 1984 iaitu antara SR. 600—SR. 800 (M\$420—M\$560). Keadaan rumah di Mekah dan Madinah pula adalah lebih baik dan lebih selesa dibandingkan dengan tahun-tahun lalu.

PENYAKIT AIDS

28. **Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah positif Kementerian beliau bagi menghindar penyakit AIDS merebak di negara kita.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Yang Berhormat, pertanyaan yang serupa tentang langkah-langkah positif yang diambil oleh Kementerian Kesihatan bagi menghindarkan penyakit AIDS dari merebak di negara irri telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hasanah binti Mohd. Kassim dan saya telah pun menjawabnya pada 11hb Disember, 1985.

SKIM PERKHIDMATAN PELAJARAN

29. **Tuan Haji Nasir bin Haji Manap** minta Menteri Pelajaran menyatakan atas pengumuman untuk melaksanakan dua skim guru-guru (siswazah-siswazah bukan siswazah):

- (a) berapa ramaikah guru-guru siswazah dan bukan siswazah mengikut kategori masing-masing yang terlibat dalam pelaksanaan dua skim gaji itu;
- (b) bilakah masanya akan dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):

- (a) Mengikut 2 skim perkhidmatan untuk Pegawai Perkhidmatan

Pelajaran yang telah diumumkan itu, guru-guru dalam Kategori D1, D2, dan D3 akan dimasukkan ke dalam Kategori siswazah yang bilangannya sekarang 21,298 jawatan. Guru-guru dalam Kategori T1, T2, T3, T4, C1, C2, B1 dan B2 akan diletakkan di dalam kategori bukan siswazah yang berjumlah 141,331 jawatan.

- (b) Dua skim bagi Perkhidmatan Pelajaran ini sedang dalam peringkat kajian akhir di antara pihak Kementerian Pelajaran dan Agensi-agensi Pusat. Skim ini akan dilaksanakan setelah keputusan muktamad dicapai.

SENJATAPI—PENYELUDUPAN

30. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sehingga kini berapa ramai yang didapati orang yang menyeludup senjata ke negara ini dan berapa banyak pula senjata yang dapat dirampas.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 1983 hingga bulan September 1985, seramai 346 orang telah ditangkap kerana memiliki dan dipercayai menyeludup senjata haram di negara kita. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 310 pucuk senjata telah dirampas.

PUSAT PENDATANG HARAM VIETNAM—PENUTUPAN

31. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah Kerajaan akan mengisytiharkan penutupan pusat penempatan pendatang haram Vietnam di Pulau Bidong.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Pada masa ini, seramai 5,837 orang Pendatang Haram Vietnam masih berada di Pulau Bidong. Kerajaan akan mengisytiharkan penutupan kem penempatan sementara Pendatang Haram Vietnam di Pulau Bidong apabila semua Pendatang Haram Vietnam itu dipindahkan ke negara ketiga dan tiada lagi pendaratan berlaku.

KEMATIAN BAYI DAN IBU YANG BERSALIN

32. Tuan Harun bin Hasan mihta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh mana kejayaan Kementerian dalam usahanya mengurangkan peratus kematian bayi dan ibu yang bersalin terutama di kawasan luar bandar semenjak tahun 1981 hingga sekarang mengikut negeri-negeri.

Dato' K. Pathmanaban: Kemajuan yang menggalakkan dan pesat telah dicapai dalam usaha Kementerian Kesihatan menurunkan kadar kematian bayi dan ibu bersalin. Umpamanya, kadar kematian ibu bersalin telah turun daripada 3.2 pada tahun 1957 ke 0.4 dalam tahun 1983 manakala kadar kematian bayi telah turun daripada 76.0 ke 20.3 dalam tahun-tahun yang sama. Ini disebabkan oleh pembangunan keadaan sosio-ekonomi, serta taraf kesihatan masyarakat dan kemudahan-kemudahan kesihatan yang dibekalkan oleh negara kita. Walau bagaimanapun, ada beberapa negeri dengan kadar kematian bayi dan ibu bersalin yang lebih tinggi daripada purata kebangsaan, seperti Kelantan, Terengganu, Perak, Kedah dan Pahang. (Saya akan mengedarkan, secara berasingan, angka-angka kematian ibu dan bayi mengikut Negeri). Kementerian Kesihatan sedang memberi keutamaan dalam meningkatkan taraf perkhidmatan

kesihatan bagi negeri-negeri ini, khasnya di daerah-daerah tertentu, termasuk menempatkan pekerja-pekerja kesihatan yang terlatih, melengkapkan kemudahan-kemudahan kesihatan dan juga mempertingkatkan usaha-usaha pendidikan kesihatan kepada masyarakat. Beberapa strategi khas telah juga dilaksanakan untuk mengatasi sebab-sebab utama kematian bayi ibu bersalin. Ini termasuk pelaksanaan strategi pendekatan ibu-ibu dan bayi-bayi dalam golongan risiko tinggi, pemberian garam rehidrasi (oral rehydration salts) untuk mencegah kematian akibat dehidrasi daripada penyakit cirit-birit, kawalan jangkitan

saluran pernafasan bayi, sakit kuning dan sebagainya.

Kadar kematian bayi dan ibu bersalin ada kaitan dengan keadaan dan tarat sosio-ekonomi masyarakat. Dengan itu, rancangan-rancangan untuk meninggikan kedudukan sosio-ekonomi rakyat serta kebersihan alam sekeliling, adalah sama penting dalam usaha mengurangkan kadar kematian bayi dan ibu bersalin. Ini termasuk usaha-usaha seperti memperbaiki sistem perhubungan atau komunikasi, pengangkutan awam serta pelajaran dan usaha pendidikan kesihatan, kemudahan Kesihatan ante-natal dan post-natal dan rawatan hospital.

KADAR KEMATIAN BAYI NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA 1981-1983

(dalam setiap 1000 kelahiran hidup)

<i>Negeri</i>	<i>1981</i>	<i>1982</i>	<i>1983</i>
Perlis.. .. .	23.54	18.54	17.70
Kedah	24.75	22.21	24.46
Pulau Pinang	17.42	15.85	16.63
Perak.. .. .	22.16	21.53	24.65
Selangor	16.38	12.24	14.63
Negeri Sembilan	19.04	19.77	15.96
Melaka	16.04	17.92	18.66
Johor	18.75	18.92	17.79
Pahang	23.71	21.20	22.64
Terengganu	24.07	27.47	26.48
Kelantan	26.29	27.05	27.44
Wilayah Persekutuan	19.30	18.93	12.45
SemenanjungMalaysia	20.95	19.26	20.33
Sabah	26.3	233	24.1
Sarawak	15.1	16.9	15.0

**KADAR KEMATIAN IBU BERSALIN MENGIKUT NEGERI-NEGERI
DI MALAYSIA 1981-1983**

(dalam setiap 1000 ibu bersalin)

<i>Negeri</i>	<i>1981</i>	<i>1982</i>	<i>1983</i>
Perlis	0.86	0.41	0.64
Kedah.. .. .	0.66	0.68	0.51
Pulau Pinang	0.55	0.28	0.32
Perak.. .. .	0.76	0.68	0.50
Selangor	0.48	0.39	0.32
Negeri Sembilan	0.54	0.11	0.16
Melaka	0.27	0.27	0.20
Johor.. .. .	0.36	0.39	0.30
Pahang	1.27	0.94	0.78
Terengganu	0.80	0.76	0.47
Kelantan	0.72	0.71	0.59
Wilayah Persekutuan	0.15	0.18	0.09
Semenanjung Malaysia	0.59	0.50	0.40
Sabah	0.22	0.17	0.18
Sarawak	0.3	0.3	0.2

**RANCANGAN MAKANAN
TAMBAHAN**

33. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah Kementerian Pelajaran tidak melanjutkan Skim Rancangan Makanan Tambahan kepada ketiga-tiga penggal persekolahan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Skim Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dilaksanakan selama 110 hari setahun. Ini bermakna ia meliputi penggal pertama, kedua dan sebahagian daripada penggal ketiga persekolahan.

Kementerian Pelajaran tidak dapat melanjutkan Skim ini untuk kesemua hari persekolahan kerana ianya melibatkan peruntukan yang besar. Bagi tahun ini (1985), peruntukan bagi RMT adalah sebanyak \$10 juta.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1986**

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang, kedua sekarang," [16hb Disember, 1985]

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam menyambung jawapan beliau.

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, pemasaran beras-beras dalam

simpanan LPN adalah mengikut sistem, dengan izin, "first in, first out" ataupun FIFO. Di bawah sistem ini beras yang disimpan dahulu dikeluarkan dahulu. Ini mengelakan beras yang disimpan jatuh mutunya akibat disimpan terlalu lama.

Selain daripada itu LPN juga menetapkan kuota jualan ke atas beras tempatan dan beras import bagi menentukan supaya beras tempatan juga dapat dijual. Memandangkan keadaan stok beras tempatan yang banyak pada masa ini, LPN hanya membenarkan pengeluaran beras tempatan sahaja dari gudang-gudangnya kepada pemborong.

Masalah kecuaihan kakitangan LPN seperti yang dibangkitkan adalah tidak timbul kerana kerosakan beras ternyata bukan berpunca dari kecuaihan kakitangan LPN.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bekalan beras negara, suka saya menegaskan bahawa bekalan beras negara sentiasa cukup dan pengedarannya ke dalam pasaran dibuat secara teratur.

Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran-teguran yang membina kepada Kementerian saya dan saya ingin mengulangi dan menegaskan bahawa semua pandangan dan teguran itu akan diteliti dan dipertimbangkan dan sekiranya sesuai dan perlu serta boleh dilaksanakan, pihak saya akan cuba melaksanakan dengan secepat yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

3.42 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih

kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyarankan berbagai idea dan cadangan untuk kebaikan Kementerian saya iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Di antara perkara-perkara yang disentuh ialah pelancungan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato Kamaruzaman Ahmad, Senator Wong Yau Ket, Senator Datuk Haji Mohd. Din Jaafar dan Senator Datuk Haji Zakaria bin Haji Yahya.

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat Kerajaan untuk memajukan industri pelancongan, memandangkan kepada sumbangan yang dapat diberi oleh industri tersebut terhadap ekonomi negara serta imbalan bayaran negara. Kementerian ini sentiasa mempertingkatkan usaha-usaha untuk memajukan industri ini melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC). Di dalam hal ini, penyediaan kemudahan asas yang lebih baik dan pengindahan kawasan-kawasan pelancongan adalah di antara langkah-langkah yang sedang dan akan terus diambil oleh Kerajaan dan sektor swasta untuk memperbaiki tarikan kawasan-kawasan pelancongan.

Langkah-langkah pengindahan pada keseluruhannya adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak-pihak Penguasa Tempatan yang mana telah pun mengadakan kemudahan asas dan meningkatkan lagi pengindahan kawasan pelancongan masing-masing.

Usaha ke arah ini juga telah mendapat sokongan dari sektor swasta dan dengan galakan yang telah disediakan oleh Kerajaan untuk projek-projek pelancongan, kemudahan asas di jangka akan bertambah. Namun begitu, Kerajaan akan terus berusaha dan memastikan bahawa kemudahan-kemudahan asas akan terus dibaiki.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan permintaan supaya negeri Sabah dimasukkan ke dalam program-program pelancongan ini, sudah memangnya dilakukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memasukkan negeri Sabah sebagai salah satu destinasi untuk dilawati di bawah Program Percutian Istimewa. Program-program melancong ke negeri Sabah juga turut disusun dan ditawarkan oleh beberapa buah pengusaha pelancongan, sama ada dari dalam mahupun luar negeri. Pengusaha-pengusaha ini adalah sentiasa mendapat galakan dan sokongan dari pihak Kerajaan.

Kerajaan juga menyedari banyaknya tempat-tempat tarikan pelancongan di negeri Sabah dan di antara daya-daya tarikan yang selalu digunakan oleh Kerajaan untuk memperkenalkan negeri Sabah ialah Gunung Kinabalu, Pusat Pemulihan Orang Utan di Sepilok, nilai-nilai kebudayaan rakyat Sabah, taman-taman hutan lipur dan pulau-pulau menarik yang terdapat di negeri Sabah.

TDC juga sentiasa menjalankan program lawatan suai-kenal yang melibatkan para penulis kembara, pengusaha-pengusaha pelancongan dan kumpulan perfileman ke Malaysia. Di dalam program lawatan suai-kenal ini, negeri Sabah adalah merupakan salah satu daripada destinasi yang turut dilawati. Seperti negeri-negeri lain di negara ini, negeri Sabah juga sentiasa dijempit dan biasanya diwakili dalam program penggalakkan yang dianjurkan oleh TDC seperti misi jualan pelancongan ke luar negeri dan penyertaan di pameran-pameran pelancongan sama ada di dalam mahupun di luar negeri.

Menyentuh tentang pengawalan harga sewa bilik serta harga makanan dan minuman, ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian saya. Kerajaan

hanya boleh merayu agar kerjasama diberikan. Pada masa ini sambutan terhadap perkara ini, di kalangan pengusaha-pengusaha hotel adalah sangat menggalakan. Kementerian ini sentiasa mengkaji harga makanan, minuman serta kadar sewa bilik hotel di negara ini dalam usaha-usaha untuk menentukan pelancong-pelancong, baik dari dalam mahupun dari luar negeri berpuashati dengan perkhidmatan yang mereka perolehi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohd. Din Jaafar telah menyentuh mengenai strategi pemasaran barang-barang buatan Malaysia di luar negeri yang dikatakan tidak memuaskan.

Saya ingin memaklumkan bahawa sebenarnya Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di seberang laut adalah sentiasa menjalankan usaha untuk memasarkan barang-barang buatan Malaysia terutamanya keluaran syarikat-syarikat yang bersaiz kecil dan sederhana. Syarikat-syarikat tersebut juga diberi keutamaan dalam menyertai rombongan-rombongan perdagangan kita ke luar negeri termasuk rombongan-rombongan ke Asia Barat. Syarikat-syarikat besar atau multi-nationals biasanya mempunyai saluran pasaran mereka sendiri dan jarang sekali menggunakan khidmat Pesuruhjaya Perdagangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jenama atau lebel sesuatu barang, memanglah satu perkara yang "ideal" jika jenama itu sekali gus memberi gambaran yang ianya berasal dari Malaysia. Walau bagaimanapun, yang paling penting sekarang ini ialah bagi pembeli-pembeli di luar negeri mengetahui bahawa sesuatu barang itu dibuat di Malaysia.

Kita sekarang ini ingin mengenalkan kepada dunia bahawa pengeluar-pengeluar kita mempunyai keupayaan

untuk menghasilkan barang-barang yang bermutu khasnya barang-barang yang sekarang ini menjadi "house-hold items".

Kita ingin menggalakan pelabur-pelabur dan pengeluar-pengeluar asing supaya menempatkan kilang-kilang mereka di Malaysia. Kementerian saya berpendapat kita tidak akan rugi jika pelabur-pelabur asing terus menggunakan jenama-jenama atau lebel-lebel yang selama ini memang telah terkenal di dunia, asalkan barang-barang tersebut dibuat di Malaysia. Malahan adalah menjadi hasrat kita untuk menggalakan seberapa banyak barang-barang yang jenamanya terkenal di dunia dibuat di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan oleh Yang Berhormat Senator Kee Yong Wee supaya ditubuhkan satu tabung darurat pembangunan perindustrian kecil dan sederhana adalah diberi perhatian oleh Kementerian saya.

Mengenai isu perlesenan pula yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah Mohd. Said, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengeluarkan tiga jenis lesen iaitu lesen mengilang, lesen borong dan lesen runcit untuk berurusan ke atas 10 barang-barang kawalan iaitu gula, tepung gandum, minyak masak, baja, minyak tanah, minyak petrol, diesel, gas memasak, simen dan bar bulat keluli lembut.

Tujuan lesen-lesen ini dikeluarkan ialah untuk mengawal pengeluaran dan pendedaran barang-barang ini bagi memastikan bekalnya sentiasa ada dan senang didapati dengan harga yang berpatutan untuk kepentingan pengguna-pengguna. Tujuan ini bersesuaian dengan Dasar Kerajaan yang mengamalkan ekonomi bebas di mana setiap orang bebas berniaga di dalam apa jua bidang yang difikirkannya menguntungkan asalkan ia mematuhi undang-undang tertentu.

Oleh yang demikian, saranan Ahli Yang Berhormat supaya Kementerian ini menghadkan pengeluaran lesen-lesen barang-barang kawalan ini adalah difikirkan tidak sesuai kerana ini boleh menjejaskan bekalan barang-barang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Fadzil bin Mahmood meminta supaya taraf printis yang lebih panjang diberikan kepada negeri yang kurang maju seperti Perlis dan Kelantan. Di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 (seperti dipinda) galakan taraf printis akan diberi kepada satu-satu projek berasaskan faktor-faktor, di antara lain, jenis keluaran, paras reknologi, jumlah pelaburan, pasaran, penempatan kilang dan penggunaan bahan-bahan tempatan. Pada permulaannya tempoh. taraf printis adalah untuk selama 2 tahun sahaja dan tempoh ini boleh dilanjutkan untuk selama 6 tahun lagi sekiranya projek berkenaan memenuhi syarat-syarat kelulusan projek, serta syarat-syarat berikut, berasaskan tambahan satu tahun untuk setiap syarat:

- (i) Jika syarikat membelanjakan tidak kurang dari \$250,000 terhadap harta-harta tetap tidak termasuk nilai tanah;
- (ii) Jika syarikat membelanjakan tidak kurang dari \$500,000 terhadap harta-harta tetap tidak termasuk nilai tanah;
- (iii) Jika syarikat membelanjakan tidak kurang dari \$1 juta terhadap harta-harta tetap tidak termasuk nilai tanah;
- (iv) Jika syarikat ditempatkan di kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan pembangunan;
- (v) Jika keluaran syarikat telah diwartakan sebagai keluaran utama; dan

- (vi) Jika syarikat telah menggunakan sekurang-kurangnya 50% bahan-bahan mentah dan komponen-komponen tempatan dalam pengeluarannya.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, penempatan projek di kawasan-kawasan yang kurang maju memang diambil kira di dalam perlanjutan tempoh pengecualian. Pada ketika ini kawasan-kawasan berikut telah diwartakan sebagai kawasan pembangunan ialah:

- (i) Perlis;
- (ii) Sabah;
- (iii) Sarawak;
- (iv) Kelantan;
- (v) Kedah kecuali daerah-daerah Kulim dan Kuala Muda.
- (vi) Terengganu kecuali daerah Kemaman;
- (vii) Pahang kecuali daerah-daerah Kuantan (tidak termasuk kawasan Perindustrian Gebeng) dan Bentong;
- (viii) Perak kecuali daerah-daerah Kinta, Larut dan Matang;
- (ix) Labuan; dan
- (x) Kawasan Johor Tenggara.

Sekian sahaja ulasan yang dapat saya berikan terhadap teguran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih di atas cadangan-cadangan yang membina yang mana akan diambil perhatian sepenuhnya oleh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos menjawab.

3.54 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara mengenai urusan-urusan Kementerian ini semasa perbincangan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1986. Saya suka mengambil peluang ini untuk menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sepanjang perbincangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dato' G. Pasamanickam telah menyatakan bahawa sebahagian besar pengguna-pengguna TV tidak puas hati kerana rancangan TV3 hanya dapat disiarkan di beberapa tempat sahaja. Suka saya menyatakan di sini bahawa adalah menjadi hasrat pihak Sistem Televisyen Malaysia Berhad (STMB) untuk memperluaskan liputan siaran TV3 ke seluruh negara, tetapi hasrat ini tidaklah dapat dipenuhi pada masa ini memandangkan kepada keupayaan kewangan syarikat. Selain dari itu, STMB juga menghadapi masalah ketiadaan kemudahan komunikasi, dengan izin, Sistem Gelombang Micro, bagi membolehkan penyiaran rancangan TV3 dibuat ke negeri-negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia. Berasaskan kepada faktor-faktor itu perluasan siaran TV3 terpaksa dibuat secara berperingkat-peringkat.

Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King telah membangkitkan perkara kadar bayaran elektrik di Negeri Sabah lebih mahal daripada kadar di Semenanjung Malaysia dan berharap apabila Perbadanan Bekalan Elektrik Sarawak diambil-alih oleh Kerajaan Persekutuan, kadar bayaran elektrik di Negeri Sarawak akan diselaraskan dengan tarif elektrik di Semenanjung.

Suka saya menekankan di sini bahawa kadar bayaran elektrik yang dikenakan kepada pengguna-pengguna adalah bergantung kepada kos penjanaan elektrik yang dilaksanakan oleh sesebuah utility atau perbadanan yang bertanggungjawab untuk membekalkan elektrik. Bagi Negeri Sarawak kos pengeluaran elektrik oleh SESCO yang bertanggungjawab mengenai pembekalan elektrik di negeri itu adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan kos penjanaan elektrik oleh LLN. Dengan yang demikian, kadar bayaran elektrik di negeri Sarawak adalah lebih tinggi berbanding dengan kadar di Semenanjung.

Walaupun Perbadanan Bekalan Elektrik Sarawak dipindah menjadi Perbadanan Persekutuan kelak, yang mana tarif yang sebenarnya masih belum ditetapkan lagi, namun penyelarasan tarif elektrik ini tidak dapat dilaksanakan lagi memandangkan kos penjanaan itu adalah berbeza. Walau bagaimanapun pertimbangan sewajarnya akan diberi sekiranya pihak SESCO dapat menurunkan kos penjanaannya ke paras yang sama dengan yang terdapat di LLN kelak.

Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King telah menyokong Projek Hydro Bakun. Beliau berpendapat bahawa projek ini sangat perlu bagi kemajuan perindustrian negara. Saya berterima kasih atas sokongan beliau dan bersetuju atas pendapat beliau. Kajian pelaburan di sektor kuasa elektrik telah merumuskan bahawa Projek Hydro Bakun mempunyai daya maju ekonomi dan kewangan dan memperakukan supaya projek ini dilaksanakan. Peringkat pertama, talian penghantaran HVDC disiapkan pada tahun 1965. Projek ini berupaya menjana tenaga elektrik sebanyak 2,400 megawatt.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hasanah binti Haji

Mohd. Kassim telah membangkitkan perkara bahawa ada lagi kampung-kampung yang berdekatan dengan Ampangan Kenyir yang hanya mendapat bekalan elektrik selama 12 jam sehari. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek-projek bekalan elektrik di kampung-kampung yang berdekatan dengan Ampangan Kenyir merupakan projek bekalan elektrik luar bandar dan adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Walau bagaimanapun setelah disemak dengan pihak berkenaan didapati bahawa usaha-usaha sedang dijalankan untuk membekalkan elektrik selama 24 jam ke kampung tersebut. Projek ini hanya melibatkan 20 buah kampung yang menelan belanja sebanyak \$1.8 juta dan ianya dijangka siap pada pertengahan tahun 1986. Projek ini akan memberi faedah kepada 1,300 pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sungutan Yang Berhormat Tuan Wong Yau Ket bahawa sungguhpun pantai barat Negeri Sabah telah menikmati kuasa elektrik hidro tetapi kadar bayaran elektrik masih lagi tinggi jika dibandingkan dengan tempat-tempat lain. Saya suka menyatakan di sini bahawa dalam sistem takrif elektriknya, Lembaga Letrik Sabah tidak mengamalkan prinsip cost based tarif di mana kadar tarif bagi sesuatu kawasan tersebut adalah bergantung kepada jenis stesen janakuasa yang memberikan bekalan elektrik. Ini adalah kerana sistem tarif LLS adalah seragam bagi seluruh Negeri Sabah di mana setiap stesyen janakuasa sama ada yang hidro, diesel di bandar atau di luar bandar dianggap sebagai mempunyai kos penjanaan seunit tenaga elektrik yang sama. Oleh itu stesen-stesen yang besar termasuk juga stesen-stesen hidro yang memperolehi keuntungan dari operasinya akibat economy of scale akan dapat

mensubsidikan penyelenggaraan stesen-stesen kecil di luar bandar yang kerap mengalami kerugian.

Dengan ini walaupun pantai barat Sabah dapat menikmati bekalan elektrik yang murah dari segi kos penajaan, dari segi hidro, Tenom, Pangi, namun demikian kadar tarif masih dikekalkan pada peringkat yang sama berbanding dengan tempat-tempat yang lain di Sabah.

Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar telah membangkitkan bahawa discount tarif elektrik sebanyak 20% untuk industri hotel tidak melibatkan Sabah. Beliau berpendapat bahawa ini tidak patut kerana pengusaha-pengusaha di Sabah juga sama-sama membangunkan negara. Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, bahawa sebenarnya Kerajaan tidak memberi apa-apa discount kepada hotel-hotel di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam kajian semula tarif yang dikuatkuasakan pada bulan September, 1985 pihak Lembaga Letrik Negara telah memberikan kadar istimewa kepada hotel-hotel ini selaras dengan usaha Kerajaan untuk memperkembangkan industri pelancongan di negara kita. Pemberian tarif khas ini tidak meliputi di negeri Sabah oleh kerana di Sabah pihak Lembaga Elektrik Sabah belum berupaya untuk menyemak tarifnya seperti yang dilakukan oleh Lembaga Letrik Negara Semenanjung. Namun begitu, pihak Lembaga Elektrik Sabah yang bertanggungjawab di Sabah sedang menjalankan kajian dengan teliti mengenai kadar tarif dengan tujuan untuk menurunkan kadar tersebut pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah telah membangkitkan perkara kegagalan beliau mendapat perkhidmatan teleton. Untuk makluman, permohonannya tidak

dapat dipenuhi kerana ketiada-talian di antara kawasan Yang Berhormat di Kampung Teliar, Benut Susu dengan ibusawat telekom di Wakaf Bahru. Walau bagaimanapun, saya telah diberi jaminan oleh Jabatan Telekom untuk membekalkan perkhidmatan kepada Yang Berhormat buat sementara waktu dari ibusawat Pasir Mas.

Tuan Yang di-Pertua, semalam ada lagi sambungan perbincangan sebenarnya. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Haffiid bin Haji'Latif telah menyatakan bahawa bila hujan lebat talian teleton selalu rosak. Ingin saya menerangkan di sini bahawa terdapat dua jenis talian telefon digunakan oleh Jabatan Telekom iaitu talian atas (overhead cable) dan kabel di bawah tanah. Memang benar di kawasan-kawasan di mana talian atas digunakan kerosakan talian selalu berlaku bila hujan lebat turun kerana pokok-pokok atau dahan-dahan pokok yang jatuh atas talian mengakibatkan talian telefon tersebut terputus. Kabel-kabel di bawah tanah juga kadangkala rosak akibat dari kemasukan air. Ini adalah kerana human error di mana kakitangan Telekom tidak membuat sambungan (joint) yang baik. Kerosakan saluran kabel juga berlaku akibat kerja-kerja yang dijalankan oleh agensi-agensi lain seperti LLN dan JKR. Bagi mengatasi masalah ini Jabatan Telekom telah merancang untuk menukar secara peringkat-peringkat semua talian atas ke kebel bawah tanah. Pengawasan yang rapi juga akan diadakan supaya human error dikurangkan.

Mengenai perkara tunggakan bil telefon, suka saya menjelaskan di sini bahawa Jabatan Telekom ada peraturan-peraturan tertentu mengutip tunggakan-tunggakan bil. Sekiranya pelanggan tersebut gagal membayar tunggakan untuk pemotongan sementara akan diambil. Sambungan semula akan diperlakukan

apabila tunggakan tersebut serta bayaran pemasangan semula sebanyak \$50 selesai dibayar. Tindakan mahkamah akan diambil terhadap pelanggan-pelanggan yang tidak langsung membayar bil.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif telah membangkitkan juga perkara kekurangan pejabat-pejabat pos dan kemudahan-kemudahan lain di Bandar Muazzam Shah di Pahang Tenggara dan satu lagi kebanyakan penduduk tersebut pergi ke Pejabat Pos Segamat, Johor untuk mendapatkan kemudahan perkhidmatan pos. Suka saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa masalah kekurangan pejabat pos dan kemudahan lain di Bandar Muazzam Shah tidak benar, ini disebabkan pembukaan sebuah pejabat pos di bandar Muazzam Shah pada 6-6-1983 didapati lebih dari mencukupi. Besar kemungkinan apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah mengenai kekurangan kakitangan di pejabat pos ini dalam masa yang tertentu terutama pada awal-awal bulan. Bagi mengatasi masalah ini satu jawatankuasa kerani telah pun di luluskan dan ianya akan diisi sebaik sahaja calon melaporkan diri.

Mengenai perkhidmatan-perkhidmatan lain, pejabat pos bergerak dari Segamat telah pun memberi perkhidmatannya ke Keratong iaitu termasuk Keratong 1, hingga 8 di samping perkhidmatan pos ditubuhkan di Bandar chedrawasih, Bandar 14, Bandar 19, Bandar 22 Keratong 5 dan Chennai. Adalah diakui bahawa kebanyakan penduduk Bandar Muazzam Shah lebih gemar ke Segamat kerana ianya lebih dekat dan mempunyai perkhidmatan pengangkutan yang baik serta Segamat merupakan bandar yang lebih lengkap untuk mendapatkan keperluan harian di samping perkhidmatan pos tetapi bukanlah semata-mata untuk

mendapatkan khidmat pos. Sepanjang pengetahuan Kementerian, penduduk Bandar Tun Abdul Razak juga ke Segamat atas alasan yang sama. Menyedari hal inilah pejabat pos bergerak dilancarkan ke bandar-bandar seperti di atas. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kementerian juga sedang merancang dengan pihak DARA bagi menubuhkan sebuah pejabat pos sementara di Bandar Tun Abdul Razak sementara menunggu pembinaan sebuah pejabat pos kekal dibina di sana di mana cadangan perkhidmatan telah pun diberikan keutamaan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada lagi pertanyaan-pertanyaan atau maklum balas yang dikemukakan tetapi tidak termasuk dalam senarai jawapan saya ini, saya suka menegaskan di sini bahawa teguran-teguran itu akan diambil perhatian oleh agensi-agensi yang berkenaan di bawah Kementerian saya.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Perbekalan 1986 dan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) telah selesai dipertimbangkan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Hajj Abdul Rahim bin Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa suatu usul yang dicadangkan bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1986 dan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) telah selesai dipertimbangkan, dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Perbekalan 1986 dan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) telah selesai dipertimbangkan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1986

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan jawapan.

4.08ptg,

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas pandangan dan cadangan mereka mengenai perkara bersabit dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya juga mengambil peluang ini untuk memberi penjelasan di atas beberapa isu yang ditimbulkan oleh mereka.

Yang Berhormat Senator M. G. Pandithan menyatakan bahawa

prestasi sukan negara sebelum Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ditubuhkan jauh lebih baik daripada prestasi selepas Kementerian ini ditubuhkan. Beliau juga menyatakan bahawa sukan negara telah, dengan izin, gone down the drain. Adalah tidak benar prestasi sukan di negara ini merosot setelah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ditubuhkan sejak tahun 1964. Sebaliknya mulai dari tahun itu perancangan yang teliti telah dijalankan dari tahun ke tahun bagi mewujudkan bakat-bakat baharu dalam bidang sukan. Di samping itu sebuah agensi khusus iaitu Majlis Sukan Negara telah diwujudkan untuk meningkat dan memajukan mutu sukan di negara ini. Majlis Sukan Negara semenjak digerakan semula dalam tahun 1981 telah melaksanakan beberapa program bagi tujuan tersebut.

Kesimpulan bahawa sukan negara telah, dengan izin, "down the drain" adalah satu kesimpulan yang keterlaluan. Memang benar terdapat jenis sukan umpamanya hoki, bola sepak dan olahraga yang gagal menunjukkan prestasi seperti yang diharapkan. Bagaimanapun, di dalam beberapa jenis sukan yang lain, kita telah menunjukkan prestasi yang memuaskan seperti squash, bowling, berenang dan bola keranjang di mana pasukan negara sentiasa mengekalkan prestasi mereka. Kajian menunjukkan bahawa tidak ada satu negara pun yang sentiasa mengekalkan prestasi bagi sesuatu jenis sukan, umpamanya sukan hoki di Pakistan dan India, badminton di Indonesia dan bola sepak di Brazil. Prestasi sukan mereka sentiasa turun naik mengikut perubahan keadaan dan masa. Adalah tidak wajar untuk membandingkan pencapaian dalam bidang sukan dengan negara-negara lain kerana setiap negara mempunyai jumlah penduduk yang berbeza. Sebagai negara yang mempunyai

penduduknya yang berjumlah lebih kurang 15 juta, pencapaian negara kita di dalam arena sukan dari segi nisbah penduduk jika dibandingkan dengan negara-negara seperti Indonesia, bolehlah dibanggakan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya dan juga Yang Berhormat Senator M.G. Pandithan mencadangkan bahawa kajian dijalankan mengenai prestasi sukan negara. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang telah memberi perhatian atas perkara ini. Kementerian saya telah baru-baru ini menjemput pakar dari Republik Persekutuan Jerman untuk menjalankan satu kajian di atas perkara ini. Kajian ini telah menunjukkan beberapa kekurangan terutamanya dalam bidang sukan. Untuk mengatasi masalah tersebut, pada awal tahun hadapan pakar-pakar dari luar negeri akan mengendalikan kursus-kursus di bidang berkenaan kepada Jurulatih-jurulatih Kebangsaan.

Penubuhan Institut Sukan Negara yang bertujuan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan sukan physical dan non-physical adalah untuk meningkatkan prestasi sukan negara. Kementerian saya telah pun membuat cadangan kepada pihak Kerajaan untuk menambahkan lagi kemudahan-kemudahan sukan terutamanya di bandar-bandar kecil dan luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Tindakan ini dan aktiviti-aktiviti sukan lainnya adalah bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baru dari kawasan luar bandar untuk diketengahkan. Usaha-usaha menuju ke arah profesionalisme di dalam bidang sukan juga diberi perhatian berat oleh Majlis Sukan Negara.

Antara langkah-langkah yang sedang diambil ialah perlantikan Pegawai-pegawai Sukan dan Jurulatih

dalam dan luar negeri secara sepenuh masa bagi membantu Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan, perlantikan Setiausaha Eksekutif sepenuh masa kepada Majlis Sukan Negara dan juga Persatuan-persatuan Sukan serta pelaksanaan cadangan untuk meletakkan Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan di bawah satu bumbung.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Harun bin Hassan juga menyentuh tentang program belia Kementerian ini. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedar akan pentingnya untuk memberi perhatian dan bimbingan kepada generasi muda lepasan sekolah. Selaras dengan ini, satu kempen untuk menggalakan belia-belia lepasan sekolah supaya menyertai persatuan-persatuan belia di mana mereka dapat diberi bimbingan, latihan dan tunjuk-ajar sedang diberi perhatian.

Kementerian saya telah juga melaksanakan berbagai aktiviti-aktiviti dan sosial untuk belia seperti latihan kemahiran, Rancangan Belia Niaga, Rancangan Belia Peladang, Latihan Sivik, Kepimpinan, Khemah Kerja, Lawatan Pertukaran dan kegiatan sukan untuk memenuhi masa lapang dan keperluan mereka di samping mewujudkan belia yang sihat dan cergas serta mengelakkan mereka dari terperangkap dengan masalah dadah.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Senator Harun bin Hassan bahawa Pusat Latihan Belia diwujudkan di setiap negeri, cadangan itu mungkin tidak dapat dilaksanakan buat sementara waktu kerana kemerosotan ekonomi. Walau bagaimanapun, Kementerian telah membuat cadangan kepada Kerajaan untuk menambahkan lagi bilangan Pusat Latihan Belia di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Berkenaan dengan kedudukan

penubuhan Pusat Latihan Kemahiran di Wakaf Tapai, Terengganu, projek ini tldak dapat dilaksanakan kerana masalah kemerosotan ekonomi negara kita.

Berkenaan dengan cadangan-cadangan bahawa Program Belia Peladang dihidupkan dan Rancangan Belia Niaga diperluaskan lagi, perkara-perkara ini sememangnya telah diberi perhatian sewajarnya oleh Kementerian saya. Cadangan-cadangan telah pun dikemukakan kepada — Kerajaan untuk dipertimbangkan di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada pandangan, teguran dan sokongan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

4.17 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya, juga agensi-agensi dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian seperti KEMAS dan Jabatan Pembangunan Koperasi. Sesungguhnya perkara-perkara yang dibangkitkan itu sama ada merupakan persoalan ataupun syor dan cadangan akan cuba saya jelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hasanah binti Haji

Mohd. Kassim telah menyentuh mengenai ketiadaan bekalan air yang bersih dan api elektrik di kampung-kampung di negeri Terengganu. Perkara ini telah diambil perhatian oleh Kementerian saya di dalam projek-projek pembangunan bekalan elektrik luar bandar dan juga bekalan air luar bandar di tahun-tahun yang akan datang. Manakala Yang Berhormat Senator Harun Hassan juga telah membangkitkan masalah peruntukan yang khusus untuk membangun kampung-kampung tradisional yang menekankan kepada pembangunan luar bandar dan juga kemudahan-kemudahan asas. Inginlah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan sedar masih terdapat kampung-kampung yang belum lagi menikmati kemudahan asas seperti api, air dan jalan raya, ini terutamanya bagi kampung-kampung kecil yang jauh terpencil di pedalaman. Kedudukan kampung-kampung berkenaan menimbulkan kesulitan untuk dihubungi dan memerlukan belanja yang sangat besar untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas.

Kepada cadangan Yang Berhormat Senator Harun juga agar Kerajaan merumus suatu strategi pembangunan bersepadu untuk membangunkan kampung-kampung, sukalah saya memaklumkan di Dewan yang-mulia ini bahawa pihak Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk mengumpul dan menyusun semua kampung-kampung tersebut ke suatu penempatan yang lebih selesa dan sistematik supaya mudah dibangunkan. Suatu teknik pembangunan yang dinamakan "hala cara baru" pembangunan kampung dan luar bandar sedang dilaksanakan ke atas 27 projek yang dikenalpasti di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, SenatorTiong Hiew King yang menyarankan agar Kerajaan Pusat berusaha supaya

rakyat negeri Sarawak terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar boleh menikmati kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti juga di kawasan di negeri di Semenanjung, inginlah saya menyatakan bahawa seperti tahun-tahun lepas, pengagihan peruntukan untuk bekalan elektrik dan air luar bandar akan dibuat secara adil dan saksama di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak berlandaskan kepada tahap pembangunan dan keupayaan pelaksanaan sesebuah negeri itu.

Dalam hal ini tidak timbul masalah deskriminasi. Saya percaya pada tahun-tahun akan datang apabila Kewangan Kerajaan mengizinkan, lebih banyak lagi kampung-kampung di Sarawak akan dapat menikmati bekalan elektrik dan air yang bersih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, pada tahun 1986 untuk program bekalan elektrik luar bandar bagi negeri Sarawak telah diperuntukan sebanyak \$30 juta, manakala bekalan air luar bandar pula ialah sebanyak \$4 juta.

Tuan Yang di-Pertua, kepada perkara yang dibangkitkan oleh Senator Dato Kamaruzaman Ahmad yang menyarankan agar peruntukan bagi projek pembangunan infrastruktur di luar bandar ditambah. Inginlah saya menyatakan bahawa Kerajaan sememangnya sentiasa berusaha untuk memperbanyakkan lagi projek-projek kemudahan asas seperti jalanraya, bekalan elektrik, bekalan air di luar bandar. Umpamanya bagi projek jalan luar bandar dan jalan kampung peruntukannya telah ditambah walaupun seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum ekonomi negara belum pulih sepenuhnya. Ini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan tidak mengabaikan pembangunan kampung-kampung di luar bandar. Namun begitu untuk mengadakan

kemudahan asas kepada semua kampung-kampung yang terdapat di negara ini akan memakan masa yang agak lama dan tertakluk kepada keupayaan Kerajaan menyediakan peruntukan untuk melaksanakan projek-projek tersebut.

Pada saranan Ahli Yang Berhormat berkenaan juga supaya Kerajaan menambahkan peruntukan semasa kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelima akan juga diambil perhatian dengan sewajarnya. Manakala kepada saranan Yang Berhormat Senator Dato Kamaruzaman juga yang menyentuh mengenai masalah pemasaran hasil-hasil tani yang dibuat secara koperasi, inginlah saya memaklumkan bahawa dalam tahun 1973 melalui satu dasar baru yang diumumkan oleh Kerajaan di mana semua koperasi yang berasaskan pertanian diserahkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang di bawah Kementerian Pertanian. Sejak dari tarikh inilah Jabatan Pembangunan Koperasi tidak lagi menyelia koperasi-koperasi di luar bandar yang di antara lain menjalankan fungsi pemasaran bahan-bahan keluaran ahli-ahli koperasi.

Selain dari itu, Kerajaan juga mewujudkan agensi-agensi tertentu untuk menjalankan pemasaran hasil-hasil keluaran luar bandar seperti Lembaga Padi dan Beras Negara yang bertanggungjawab berkaitan dengan belian padi manakala FAMA juga bertanggungjawab kepada pemasaran sayur-sayuran dan buah-buahan. Manakala kepada saranan Yang Berhormat Senator Dato Kamaruzaman juga yang menyentuh mengenai pentadbiran Koperasi-koperasi Pembangunan Daerah agar ianya dapat disusun semula. Sebenarnya Koperasi-koperasi Pembangunan daerah itu adalah merupakan koperasi-koperasi yang baik perjalanannya dan terpinpin.

Kalau melihat kepada sejarah penubuhannya, kita semua tahu bahawa dalam tahun 1982 Kerajaan telah bertindak mewujudkan Koperasi Pembangunan Daerah ini. Peranan Koperasi Pembangunan Daerah ini adalah berbeza dengan koperasi-koperasi yang sedia ada di luar bandar. Koperasi Pembangunan Daerah ini diwujudkan dengan tujuan utama untuk melibatkan penduduk-penduduk luar bandar secara lebih aktif dalam bidang pembangunan fizikal setempat melalui kerja-kerja pembangunan yang ditawarkan kepada Koperasi-koperasi Pembangunan Daerah tersebut. Penduduk tempatan yang menjadi ahli kepada Koperasi Pembangunan Daerah ini dapat diambil bekerja dan cara ini bukan sahaja dia akan dapat menambahkan pendapatan tetapi mereka dapat pengalaman yang berguna dalam bidang pembinaan dan sebagainya.

Pada masa ini Koperasi Pembangunan Daerah ini tidak ada rancangan untuk memasuki bidang pemasaran memandangkan bahawa sudah pun wujud agensi-agensi lain yang boleh dan mampu menjalankan urusan tersebut seperti yang saya jelaskan di atas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, setakat hari ini terdapat sebanyak 22 buah Koperasi Pembangunan Daerah yang didaftarkan. Tiga daripadanya telah memperolehi lesen kontrak dari PUSAKABUMI iaitu Koperasi Pembangunan Daerah Sik, Koperasi Sabak Bernam dan Mersing, manakala jumlah projek-projek dan kos penyelenggaraan hingga 30hb September, 1985 adalah 54 projek yang telah siap dijalankan dengan kos bernilai \$379,523 manakala projek-projek yang sedang dijalankan sebanyak 61 buah bernilai lebih kurang \$992,938.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah

telah mengucapkan syabas dan tahniah di atas kejayaan program dan aktiviti-aktiviti yang ditaksanakan oleh KEMAS khususnya mengenai TBK KEMAS ataupun Taman Bimbingan Kanak-kanak KEMAS. Beliau menyarankan supaya Pemaju-pemaju Masyarakat Taman Bimbingan Kanak-kanak yang menjadi guru di kelas-kelas TBK KEMAS ini diberi kursus bagi meningkatkan pengetahuan agama Islam supaya boleh menerapkan pengetahuan dan berpandukan kepada ajaran agama Islam dari peringkat TBK lagi.

Kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, sukalah saya rnemaklumkan bahawa satu kurikulum agama yang khusus bagi TBK KEMAS telah pun siap digubal dan akan dilaksanakan sepenuhnya di semua TBK KEMAS mulai tahun 1986 yang akan datang.

Bagi melaksanakan kurikulum agama ini, semua Pemaju Masyarakat TBK diwajibkan mengikuti kursus khas secara intensif selama 12 hari. Kursus intensif ini juga merangkumi aspek perlaksanaan kurikulum baru TBK KEMAS supaya kanak-kanak TBK KEMAS boleh membaca, menulis dan mengira tanpa menjejaskan aspek-aspek seperti pembangunan sosial, emosi, fizikal, mental dan kerohanian yang sedang kita laksanakan sekarang. Kursus intensif secara bersiri ini telah mula dilaksanakan pada bulan Julai, 1985 yang lalu dan dijangka akan dapat dilaksanakan bagi meliputi semua Pemaju Masyarakat menjelang akhir bulan Januari, 1986 kelak.

Saya berkeyakinan bahawa semua Pemaju Masyarakat KEMAS ini kelak akan mempunyai kebolehan yang mencukupi untuk memberi bimbingan dan pendidikan yang betul dan sesuai bagi kanak-kanak termasuklah pendidikan dalam bidang agama, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, manakala kepada saranan Ahli Yang Berhormat Senator Nasir Haji Manap yang menyentuh tentang masalah pengisian jawatan kosong di dalam kemas seperti Pembantu Pemaju Masyarakat dan lain-lain jawatan, haruslah diisi dengan segera kerana jawatan-jawatan tersebut penting kepada masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, Kementerian saya menyedari tentang masalah pengisian jawatan di dalam KEMAS.

Mengenai jawatan Pembantu Masyarakat yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya sukacita memaklumkan bahawa jawatari ini adalah jawatan tetap yang dipertanggungjawabkan mengurus hal-hal kewangan dan pentadbiran pejabat sama ada di Pejabat KEMAS Daerah ataupun Pejabat KEMAS Negeri.

Jawatan-jawatan ini sungguhpun telah diwujudkan tetapi dibekukan pengisiannya kerana penjimatan perbelanjaan Kerajaan. Walau bagaimanapun saya yakin bahawa jawatan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah jawatan Pemaju Masyarakat dan Pembantu Pemaju Masyarakat. Bilangan jawatan yang diluluskan pengisiannya bagi tahun 1985 berjumlah 13,385. Pada masa ini, alhamdulillah, kesemua jawatan tersebut yang diluluskan ini telah pun diisi. Walau bagaimanapun, jumlah jawatan ini masih kurang jika dibandingkan dengan keperluan berdasarkan kepada program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh KEMAS.

[Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyurat*]

Bagi mengatasi masalah ini semua program KEMAS sedang dan akan dikaji semula supaya dapat diubahsuai dengan suasana dan kehendak semasa dan juga untuk memastikan supaya matlamat setiap program ini dapat

dicapai melalui usaha memperbaiki dan meningkatkan prestasinya.

Manakala Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah Mohd. Said yang telah membangkitkan masalah kekurangan guru-guru Pemaju Masyarakat KEMAS kerana penjimatan perbelanjaan Kerajaan. Beliau berpendapat Pemaju Masyarakat KEMAS ini penting sebagai perantaraan antara Kerajaan dan rakyat untuk menerangkan dasar program dan projek-projek pembangunan Kerajaan kepada rakyat, juga untuk menyampaikan maklumbalas dari rakyat kepada Kerajaan. Ahli Yang Berhormat berkenaan juga berpendapat jumlah jawatan Pemaju Masyarakat KEMAS yang ada masih lagi kurang dan beliau menggesa supaya bilangan Pemaju Masyarakat KEMAS ini ditambah supaya setiap kampung, terutama kampung-kampung yang jauh terpencil. Dan juga beliau membangkitkan kepentingan penambahan kakitangan KEMAS ini memandangkan musim pilhanraya yang hampir tiba.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan dan cadangan Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah Mohd. Said ini supaya bilangan Pemaju Masyarakat ini ditambah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang saya telah jelaskan tadi KEMAS telah pun melantik sejumlah 13,385 orang Pemaju Masyarakat dan Pembantu-pembantu Pemaju Masyarakat di seluruh negara bagi melaksanakan berbagai-bagai program dan aktiviti KEMAS. Bagi tahun 1986 KEMAS hanya telah dibenarkan untuk melantik sejumlah kira-kira 365 orang Pemaju Masyarakat dan Pembantu Pemaju Masyarakat sahaja bagi menampung jawatan-jawatan hasil dari pengambilan alih program Taman

Bimbingan Kanak-kanak yang sedang dilaksanakan oleh Angkatan Tentera, Kerajaan Negeri Sabah dan sedikit penambahan aktiviti KEMAS itu sendiri. Ini bermakna perlantikan Pemaju Masyarakat dan KEMAS amatlah bergantung kepada program dan aktiviti KEMAS yang diluluskan pelaksanaannya oleh Kerajaan dan tidak semata-mata bergantung kepada saluran perantaraan rakyat dan Kerajaan dan juga keperluan untuk menghadapi pilihanraya. Walau bagaimanapun, saya menganggap bahawa kurangnya tambahan jawatan Pemaju Masyarakat dan Pembantu Pemaju Masyarakat ini juga bermakna tiada tambahan aktiviti KEMAS dalam tahun 1986. Ini ialah kerana saya berpendapat program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh KEMAS sudah cukup besar dan ianya tentulah membebaskan jika ditambah lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak KEMAS sedang mengkaji semula dengan cara terperinci semua program dan aktiviti yang dilaksanakan sekarang supaya dapat diubahsuaikan dengan suasana dan kehendak dasar-dasar baru yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan sekarang ini. Dengan ini Kementerian saya akan mengambil kesempatan ini untuk mengkaji semula semua program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh KEMAS.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kajian semula program KEMAS ini telah pun dimulakan dengan kajian penilaian program Taman Bimbingan Kanak-kanak. Kajian mengenai program-program lain, iaitu ekonomi rumahtangga, kelas latih kerja, rancangan desa usaha dan sebagainya akan menyusul dan akan dilaksanakan berperingkat-peringkat dalam tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kepada saraan-saraan dan cadangan-cadangan

dan apa juga masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya jelaskan semuanya di Dewan ini, inginlah saya memaklumkan bahawa Kementerian saya akan mengkaji dan menilai dan bertindak atas perkara-perkara yang perlu sebagai asas kepada Kementerian ini untuk bertindak dan berfungsi di masa-masa akan datang. Walau bagaimanapun, adalah menjadi soal biasa sekiranya apa yang dirancangan tidak dapat dilaksanakan, mungkin ianya wujud adalah disebabkan oleh faktor-faktor kewangan dan kemampuan Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkaitan dalam hal-hal pembangunan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sekali lagi setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan peruntukan Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Dalam Negeri untuk memberi jawapan. Dipersilakan Yang Berhormat.

4.35 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas teguran-teguran dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian semasa membahaskan mengenai Dasar-dasar Am Belanjawan mulai 9hb Disember hingga 13hb Disember, 1985 yang lalu. Secara keseluruhannya perkara-perkara yang telah disentuh adalah berkaitan dengan keselamatan di bawah tajuk-tajuk seperti perkara-perkara berkaitan dengan pendatang

haram, Polis Diraja Malaysia dan masalah dadah berhubung dengan Pusat Serenti.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan dari perkara-perkara yang disentuh itu sudah pun ditanya dan dijawab dalam persidangan sekarang dan juga di persidangan-persidangan yang lalu. Bagaimanapun, saya akan memberi penerangan lanjut atas perkara-perkara yang dibangkitkan itu, berasaskan kepada keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Dalam Negeri, saya mengambil peluang ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Dato Pasamanickam di atas penghargaan beliau terhadap khidmat bakti dan jasa-jasa Pasukan Keselamatan dalam menjaga dan menjamin keselamatan dan keamanan di negara ini, mereka sentiasa mengutamakan tugas lebih daripada kepentingan lain demi menjamin semoga rakyat di negara ini dapat hidup aman bahagia. Dalam pada itu, Kementerian Dalam Negeri akan sentiasa mengambil tindakan dan langkah-langkah yang positif bagi mengatasi dan membentasi kegiatan jenayah yang dilakukan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab. Pihak Kerajaan sangat-sangat memerlukan kerjasama orang ramai dalam memberikan maklumat yang tepat mengenai kejadian jenayah.

Yang Berhormat Dato Pasamanickam juga telah menyentuh masalah yang timbul akibat kemasukan pendatang-pendatang haram ke negara ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri memberi perhatian yang serius terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan akan terus bertindak tegas mengikut undang-undang terhadap mana-mana warganegara asing, tanpa mengira negara asal mereka, yang dikesan memasuki negara ini secara haram.

Mereka akan ditangkap, didakwa dan diusir keluar dari negara ini, Di samping itu, Kerajaan juga akan mengambil tindakan ke atas mana-mana warganegara Malaysia yang bersubahat atau bersabit dengan kemasukan pendatang-pendatang haram ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang ada membangkitkan mengenai pakaian Polis wanita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan sedang mengkaji peraturan pakaian Polis keseluruhannya mengikut kehendak semasa, termasuklah pakaian Polis wanita. Dalam kajian ini nilai-nilai Islam sememangnya dititik-beratkan, tetapi ciri-ciri lain yang penting perlu juga diambilkira seperti jenis tugas, iklim, kekemasan dan kesegakan anggota pasukan yang berdisiplin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu juga, keadaan fizikal anggota Polis wanita sememangnya kerap berubah. Oleh itu, untuk menyesuaikan diri mereka dengan jenis tugas yang dipertanggungjawabkan, maka mereka diberi kelonggaran memilih pakaian yang sesuai tanpa menyalahi peraturan pakaian dan disiplin pasukan. Bagaimanapun, teguran Ahli Yang Berhormat itu akan dipertimbangkan dalam kajian peraturan pakaian Polis yang sedang berjalan sekarang.

Yang Berhormat Tuan Fadzil Mahmood ada membangkitkan bahawa anggota-anggota Polis yang tidak berpakaian seragam tidak dilengkapi dengan senjatapi yang menyebabkan rompakan sering berlaku di bandar-bandar besar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menyatakan bahawa perkara yang dibangkitkan itu adalah tidak benar. Ada pegawai-pegawai

Polis yang tidak berpakaian seragam menjalankan tugas dibekalkan senjatapi dan ramai juga anggota-anggota Polis di kawasan-kawasan tertentu, yang tidak bertugas tetapi dibenarkan membawa senjatapi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-setinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor bin Abdullah di atas kesedaran Yang Berhormat itu terhadap tugas dan tanggungjawab pasukan polis dalam mengawal keamanan negara kita. Beliau juga menyentuh tentang peristiwa yang berlaku di Memali. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin mengulas lagi peristiwa tersebut kerana kenyataan penuh mengenainya telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana menteri sendiri di Dewan Rakyat pada 20hb November, 1985 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan menjelaskan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Fadzil bin Mahmood, saya ingin menyatakan di sini bahawa Kementerian adalah sentiasa mengambil perhatian berat bagi menentukan Pasukan Polis Diraja Malaysia dilengkapi dengan keperluan-keperluan alat kelengkapan pejabat yang mencukupi dan teratur dan di samping itu memperolehi pakalan-pakaian seragam yang kemas.

Mengikut amalan sekarang peruntukan untuk membeli alat-alat kelengkapan pejabat termasuk perabot-perabot dan juga mesin-mesin taip adalah diluluskan oleh Pihak Perbendaharaan Malaysia di dalam Anggaran Belanjawan Mengurus bagi tiap-tiap tahun. Kelulusan peruntukan adalah diberi mengikut keperluan-keperluan daripada pihak pengguna dan juga kedudukan kewangan negara. Bagi tahun 1985 sejumlah \$453,920 telah diluluskan untuk membiayai perabot-perabot/ mesin-mesin pejabat

dan bagi tahun 1986 pula sejumlah \$839,207 di peruntukkan bagi membeli kelengkapan-kelengkapan tersebut. Perolehan perabot-perabot adalah melalui kontrak-kontrak Perbendaharaan (Kontrak Pusat).

Kontrak penjahitan pakaian-pakaian seragam Polis Diraja Malaysia dibuat secara pusat melalui tender adalah untuk mewujudkan keseragaman, dengan izin, iniformity di kalangan anggota-anggota dalam rupabentuk, warna dan material dan dengan kadar harga yang berpatutan. Pakaian-pakaian seragam ini dibekalkan ke Pusat Bekalan Polis oleh pembekal dan dari sini akan diagih-agihkan ke Kontigen, Briged dan Batalion yang memerlukan mengikut bilangan dan saiz-saiz yang diminta.

Saya berpendapat cadangan untuk mengadakan kontrak di merata-rata tempat adalah difikirkan tidak sesuai kerana ini akan melibatkan ketidakseragaman dan juga tambahan kos.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang berkaitan dengan pakaian singlet dan seluar pendek yang diberi kepada pelatih-pelatih di Pusat Serenti yang dianggap kurang sesuai itu, sukalah saya menyatakan di sini bahawa pakaian pelatih-pelatih itu telah diteliti dan didapati pakaian singlet dan seluar pendek yang diberi sekarang ini adalah yang sesuai sekali bagi menjalankan semua aktiviti harian seperti berkawad, bersukan, bekerja di ladang, di dapur dan di bengkel-bengkel vokasional dan lain-lain. Ianya juga dapat mengurangkan kos perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan yang sudah dianggap tinggi sekarang.

Mengenai teguran Yang Berhormat itu tentang kekurangan guru-guru

agama di Pusat Serenti, Tampin, sukalah saya menyatakan bahawa sebenarnya ada tiga orang guru agama di pusat itu sekarang, seorang dari Kumpulan A dan dua orang dari Kumpulan C. Selain dari khidmat tiga orang guru agama tetap itu, Jabatan Agama Islam Negeri Melaka dan Negeri Sembilan dan Institut Dakwah Malaysia, Kuala Lumpur ada juga menghantar guru-guru agama mereka sebulan sekali untuk mengajar di kelas-kelas agama kepada pelatih-pelatih beragama Islam. Sungguhpun ada 519 orang pelatih di pusat itu hanya 378 orang yang beragama Islam. Jika didapati perlu, Kementerian akan berikhtiar menambahkan kelas-kelas Agama Islam agar semua pelatih-pelatih Islam dapat diberikan didikan agama yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, pelatih-pelatih Islam dikehendaki memakai pakaian yang sesuai apabila menghadiri kelas-kelas agama atau apabila menunaikan sembahyang lima waktu. Pada masa ini Pusat Serenti, Tampin tidak menyediakan baju Melayu atau baju teluk belanga kepada pelatih-pelatih Islam. Mereka yang memakai baju Melayu adalah yang dihantar oleh keluarga masing-masing.

Pihak Kementerian akan menimbangkan pembekalan baju-baju Melayu kepada pelatih-pelatih Islam apabila Pusat Serenti, Tampin sudah memulakan bengkel jahitannya. Jika pihak Pusat dapat menjahit baju-baju itu sendiri, ia akan dapat banyak mengurangkan kosnya. Pusat hanya membekalkan kainnya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan Kementerian dan juga Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Penerangan untuk memberi jawapan.

4.45 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi penjelasan dan seterusnya mengucapkan berbilang terima kasih di atas pujian, teguran dan juga saranan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Kementerian saya terutamanya yang berkaitan dengan rancangan-rancangan radio dan TV.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Fadzil Mahmood telah menyentuh tentang pengiklanan rokok di Radio dan Televisyen Malaysia. Dalam hal ini sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian saya hanya mengharamkan pengiklanan rokok di radio dan TV Malaysia tetapi tidak mengharamkan pengiklanan barang-barang lain yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat rokok kecuali jika barang-barangan yang ada kaitannya dengan rokok seperti pemetik api dan paip. Jenama yang digunakan oleh syarikat-syarikat tersebut adalah jenama berdaftar, dengan demikian penggunaannya tidak terhad kepada rokok sahaja.

Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim Haji Ujang pula menyentuh tentang aktiviti Jabatan Penerangan seperti tayangan gambar yang didapati kurang berkesan lagi. Jabatan Penerangan memang berikhtiar untuk mempertingkatkan aktiviti-aktivitinya lagi. Misalnya berhubung dengan pertunjukan wayang gambar, di samping menyewa filem-filem yang diterbitkan oleh swasta, Jabatan Penerangan juga akan menayangkan drama-drama terbitan swasta yang ditayangkan oleh pihak TV dari semasa

ke semasa. Menyentuh tentang kesilapan tulisan Jawi di risalah Jabatan Penerangan yang diedarkan semasa Perayaan Maulud Nabi di Seremban, ini adalah diakui dan penelitian yang berat akan dilakukan pada masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar bertanyakan tentang takrif ganas, lucuh dan liar. Takrif "ganas" ialah seperti yang berlaku di dalam adegan-adegan pembunuhan secara kejam dan melulu yang digambarkan secara nyata di kaca TV. "Lucuh" pula boleh ditakrifkan sebagai adegan-adegan bercumbu-cumbuan, dengan izin, exchanging endearments di antara dua orang yang bukan muhrim (suami-isteri) dan juga adegan-adegan yang mendedahkan bahagian-bahagian sulit tubuh badan terutamanya tubuh badan perempuan. Takrif "Liar" adalah adegan-adegan yang tidak mengikut garis-garis kesusilaan umum, seperti adegan-adegan pemuda-pemudi yang mabuk dan berkelakuan yang tidak siuman dan kurang ajar.

Garis panduan yang digunakan oleh Kementerian saya di dalam mentakrifkan adegan-adegan yang berkenaan adalah mengikut Garis Panduan Lembaga Penapis Filem serta amalan yang dilakukan di negara-negara lain.

Yang Berhormat Tuan Mohd. Noor bin Haji Abdullah ingin tahu tentang keahlian Jawatankuasa Lembaga Penapis Filem di Kementerian Penerangan dan kelulusan agama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kakitangan-kakitangan Penapis Filem di RTM adalah seramai 35 orang. Dari jumlah ini ianya tidak ada yang mempunyai pengkhususan di dalam soal-soal agama, walaupun mereka mempunyai pengetahuan agama secara umum. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat

filem-filem yang mengandungi unsur-unsur agama maka filem tersebut akan dirujuk kepada Ketua Bahagian Agama dan Dakwah di RTM ataupun pegawai-pegawai tinggi yang berkelulusan di dalam bidang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya akan mengambil tindakan yang positif untuk tujuan memperbaiki jadual rancangan TV dan Radio menjelang tahun hadapan. Tindakan juga akan diambil untuk mempertingkatkan lagi mutu rancangan RTM seperti rancangan agama, hiburan, persembahan berita, pengswastan drama TV dan sebagainya.

Akhir sekali, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas teguran dan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas Kementerian saya.

Timbalan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

4.51 ptg.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, cadangan serta teguran-teguran yang membina mengenai pelaksanaan program dan aktiviti-aktiviti di Kementerian saya semasa perbahasan atas dasar am Belanjawan 1986 di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Jaafar bin Harun telah membangkitkan mengenai pihak RISDA yang mana telah mengutamakan tanaman kelapa sawit dari getah seperti mana mereka telah membuka ladang kelapa sawit di negeri Terengganu dan mendapatkan

pinjaman dari luar negeri sebanyak \$40 juta. Ini menunjukkan seolah-olah mereka telah hilang kepercayaan terhadap perusahaan getah. Oleh yang demikian, beliau menyarankan supaya pihak RISDA hendaklah menumpukan sepenuh perhatian kepada perusahaan getah sahaja, di samping berikhtiar bagi meningkatkan harga getah dari masa ke semasa, kerana perusahaan kelapa sawit telah ada agensi lain yang mengusahakannya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini berhubung dengan saranan supaya RISDA menumpukan perhatian kepada perusahaan getah sahaja, sukacita saya jelaskan di sini bahawa mengikut Akta RISDA 1972, pihak RISDA dibenarkan menanam semula getah tua kepada 18 jenis tanaman lain seperti kelapa sawit, koko kelapa, limau, lada hitam, dan sebagainya. Lantaran itu, RISDA tidak boleh memaksa pekebun kecil menanam semula dengan sesuatu jenis tanaman tertentu. Apa yang boleh dan sedang dilaksanakan oleh RISDA ialah memberi panduan kepada mereka supaya memilih jenis tanaman yang sesuai dengan tanah serta lebih ekonomik dan stabil kedudukan pemasarannya, seperti kelapa sawit, koko dan sebagainya. Mengenai RISDA menanam semula kelapa sawit di Negeri Terengganu, izinkan saya jelaskan di sini bahawa Kerajaan Negeri itu sendiri yang menganjurkan dalam Dasar Pertanian Negeri setelah kajian teliti dibuat.

Berhubung dengan harga getah pula, ingin saya maklumkan bahawa harga getah adalah ditentukan oleh pasaran dunia dan bukanlah ditentukan oleh pihak RISDA sendiri. Apa yang sentiasa dilakukan oleh RISDA ialah melaksanakan program pembelian khas RISDA. Di bawah program ini, RISDA akan membeli getah dengan harga berpatutan apabila harga pasaran merosot bagi menjaga

kestabilan pendapatan pekebun kecil dalam skim penstabilan harga.

Yang Berhormat Senator Dato G. Pasamanickam telah membangkitkan mengenai masa hadapan perusahaan penanam getah yang mana adalah agak gelap dan menyarankan agar pekebun-pekebun kecil menukarkan kepada tanaman-tanaman jenis lain memandangkan harga getah yang merosot sekarang ini. Selanjutnya beliau juga menyarankan supaya bantuan haruslah diberi kepada pekebun kecil semasa tanaman mereka diganti dengan tanaman lain.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berhubung dengan masa depan getah asli negara ini, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian saya telah membuat kajian dan mendapati harapan masih cerah. Bagaimanapun ia akan bergantung kepada pasaran dunia dan mutu getah yang kita keluarkan. Sebab itulah RISDA melalui serampang tujuh mata berusaha, antara lain, supaya pekebun kecil menanam getah dengan benih bermutu tinggi serta mengawal pemerosesan dengan harapan menghasilkan getah gred 1 dan bukan gred 2.

Berhubung dengan bantuan kepada pekebun kecil semasa menunggu hasil selepas tanaman semula RISDA telah dan sedang melaksanakan berbagai projek seperti SEPENTAS, Tanaman Bersepadu dan kegiatan off-farm, dengan izin. Saya percaya peranan yang dimainkan oleh RISDA ini akan dapat membantu pekebun kecil meningkatkan taraf hidup mereka.

Yang Berhormat Senator Harun bin Hassan telah membangkitkan isu mengenai pembangunan kampung-kampung tradisional di seluruh negara. Yang Berhormat Senator telah mencadangkan supaya Kementerian-kementerian yang berkenaan mengadakan perancangan

pembangunan yang bersepadu bagi membangunkan kampung-kampung tradisional.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah adalah satu-satunya Kementerian yang mempunyai program untuk membangunkan kampung-kampung tradisional. Agensi-agensi di bawah Kementerian ini seperti FELCRA dan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah telah pun mengenalpasti kampung-kampung tradisional yang perlu dibangunkan. FELCRA misalnya merupakan sebuah agensi Kerajaan yang diwujudkan semata-mata untuk membangunkan kampung-kampung tradisional melalui aktiviti-aktiviti pemulihan tanah dan penyatuan tanah. Kampung-kampung tradisional di dalam kawasan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah telah pun diserapkan ke dalam perancangan Lembaga-lembaga tersebut.

Pembangunan kampung tradisional di bawah Kementerian ini merupakan satu pembangunan yang menyeluruh yang merangkumi aspek-aspek fizikal seperti jalan, bekalan air dan bekalan elektrik, ekonomi dan sosial. Pembangunan kampung tradisional yang diamalkan oleh Kementerian ini adalah berlandaskan kepada pendekatan halacara baru pembangunan kampung dan luar bandar yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui Surat Pekeliling Perdana Menteri bertarikh 10hb Julai, 1984.

Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yakin yang program pembangunan kampung tradisional yang dilaksanakan oleh agensi-agensi Kementerian ini boleh memberi manfaat kepada penduduk-penduduk kampung tradisional dan sesuai dengan cadangan oleh Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh saya bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu menjawab mewakili lain-lain Kementerian. Tidak?

Dato' Chan Siang Sun: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi, dan Alam Sekitar untuk menjawab.

6.00ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Lim Sean Lean telah menyentuh sedikit sebanyak terhadap fungsi Kementerian saya di dalam bidang sains dan teknologi.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa lebih banyak lagi penyelidikan dan kemajuan atau R & D, dengan izin, diperlukan di negara kita. Memang tidak dinafikan bahawa negara-negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat, negara-negara Eropah dan Korea mempunyai peruntukan besar dari segi kewangan dan tenaga manusia untuk menjalankan penyelidikan.

Negara kita tidak mempunyai sebuah badan khas untuk menjalankan R & D bahkan pusat-pusat penyelidikan yang sedia ada ialah RRIM untuk getah, PORIM untuk minyak kelapa sawit, MARDI untuk pertanian, Insitut Penyelidikan Perhutanan untuk sumber-sumber hutan, Institut Penyelidikan Ikan untuk perikanan dan SIRIM untuk piawaian dan penyelidikan perindustrian. Namun demikian, memanglah hasrat Kerajaan untuk menjalankan R & D ke atas keluaran dari sumber-sumber negara kita, misalnya yang dijalankan oleh PORIM di mana penyelidikan ditumpukan untuk mencari kegunaan atau keluaran yang boleh didapati dari minyak kelapa

sawit. Pada hemat saya, usaha R & D hendaklah dijalankan dengan cara atau tujuan ini.

Kementerian saya bercadang mempergiatkan lagi penyelidikan lagi penyelidikan perindustrian. Kerajaan telah meluluskan Pelan Induk Perindustrian dan satu Jawatankuasa Khas akan ditubuhkan untuk mengkaji dengan lebih teliti dan mendalam cara-cara atau kaedah-kaedah yang boleh melaksanakan dengan berkesan syor-syor yang terkandung di dalam Pelan Induk itu. Sementara itu, Kementerian saya telah pun menyediakan strategi 2 serampang untuk meningkatkan keupayaan teknologi negara kita supaya negara kita dapat menyerap, menerima, menyesuaikan, mengubahsuai, memperbaiki dan mencipta teknologi.

Serampang pertama ialah untuk memudahkan aliran dan pemindahan teknologi asing ke dalam negara ini. Di bawah serampang ini, suatu Akta Paten telah pun digubalkan bersama-sama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian serta penubuhan Pusat Maklumat dan Dokumentasi Paten di SIRIM. Selain dari itu, sebuah Pusat Pemindahan Teknologi akan ditubuhkan untuk menyelia aktiviti beberapa pusat dalam bidang plastik, seramik, industri-industri petroleum dan berkaitan dengan hasil petroleum, logam dan "metallurgy" barangan bukan logam dan bioteknologi.

Serampang kedua di dalam strategi, ialah untuk menambahkan lagi keupayaan teknologi tempatan dengan tujuan menghasilkan teknologi tempatan di mana beberapa program sedang dicadangkan berikut:

- (i) memudahkan penubuhan Kesatuan Pencipta atau, dengan izin, Inventors Society di mana Kementerian akan menyediakan program kenalsuai bagi pencipta-pencipta negara ini di dalam

bidang hakmilik intelek atau, dengan izin, intellectual property.

- (ii) penubuhan Unit bagi Memperdagangkan Hasil Penyelidikan di Pusat Pemindahan Teknologi di mana hasil dari penyelidikan tempatan akan dikaji dari segi kemungkinan, memperdagangkan hasil-hasil penyelidikan itu, misalnya secara pengeluaran usaha bersama dengan syarat-syarat swasta melalui penubuhan perbadanan swasta; dan
- (iii) menggalakkan penyertaan sektor swasta di Pusat Pemindahan Teknologi di dalam bidang penyelidikan dan kemajuan industri. Pihak swasta hendaklah menambahkan lagi aktiviti penyelidikannya dan tidak bergantung kepada Kerajaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sains dan teknologi sudah diakui sebagai alat untuk membawa kemajuan ekonomi dan kemakmuran masyarakat di seluruh dunia ini. Kerajaan kita sentiasa memberi tekanan yang sewajarnya ke atas penggunaan sains dan teknologi demi pembangunan negara. Dengan adanya strategi-strategi yang saya sebutkan tadi, negara kita bolehlah bersiap sedia untuk menceburkan diri di dalam zaman teknologi tinggi dan menghasilkan berbagai faedah demi kemajuan Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan memberikan jawapan. Dipersilakan.

5.08 ptg.

Timbalan Mentert Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima

kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat beberapa teguran serta saranan terhadap beberapa perkara yang menjadi tanggungjawab di bawah bidangkuasa Kementerian Kesihatan dalam masa lima hari perbincangan diadakan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King telah membangkitkan perkara pembinaan Hospital Baru di Sibu. Sukalah saya memberitahu bahawa Kementerian Kesihatan telah menyokong projek tersebut untuk dilaksanakan di dalam masa Rancangan Malaysia Kelima.

Sebagai langkah sementara, Kementerian saya sedang melaksanakan beberapa projek kecil untuk memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan di Hospital Lau King How, di Sibu seperti menambahkan kemudahan Dewan Bedah dari 2 buah kepada 4 buah. Projek ini dijangka siap tidak lama lagi. Selain itu, terdapat beberapa projek yang telah disokong untuk perlaksanaan dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk menambah kemudahan-kemudahan di hospital tersebut. Peruntukan telah pun dibuat dalam Perbelanjaan bagi tahun 1986 bagi perlantikan Pakar perunding untuk memulakan kerja-kerja design untuk hospital ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada Senator Dato G. Pasamanickam kerana menyokong cadangan yang sudah ada beberapa tahun ini untuk mengasingkan bidang "dispensing" daripada bidang diagnosa dan presripsi oleh doktor-doktor. Sungguhpun begitu, perkara ini adalah di dalam kajian lebih mendalam oleh Kementerian dan juga oleh badan-badan profesional yang terlibat, kerana para farmasi dan doktor-doktor terpaksa membuat beberapa penyesuaian yang besar di dalam peranan mereka sendiri dan perhubungan di atas mereka sebelum ianya dapat diwujudkan. Juga perlu

menambahkan bilangan ahli-ahli farmasi dan memastikan bahawa outlet-outlet farmasi diwujudkan dan bergerak di tempat-tempat yang tertentu dan sesuai. Perbincangan sedang berjalan di antara badan-badan, dengan izin, Malaysian Medical Association dan Malayan Pharmacy society untuk mengendali tindakan-tindakan ini dan memberi buah fikiran mereka dalam perkara yang penting ini.

Bagi menjawab teguran oleh Yang Berhormat Senator Dato Kamaruzaman bin Ahmad, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa Kementerian Kesihatan memanglah mempunyai dasar untuk menempatkan seorang doktor perubatan dan seorang doktor pergigian secara penuh masa di pusat-pusat Kesihatan Luar Bandar. Doktor ini akan membuat lawatan sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu ke setiap Pusat Kesihatan Kecil di bawah pentadbiran Pusat-pusat Kesihatan tersebut untuk memberikan perkhidmatan perubatan yang diperlukan oleh orang ramai. Sementara kita mendapat bekalan doktor yang cukup bagi tujuan ini, terpaksa kita bergantung kepada pegawai-pegawai para-medic, seperti Pembantu Perubatan dan Jururawat-jururawat untuk memberi khidmat secara basic di klinik-klinik ini. Mereka ini adalah diberi latihan yang cukup bagi mengenali penyakit-penyakit dan jika perlu, merujuk mereka yang memerlukan rawatan yang lebih complex kepada doktor-doktor ataupun mengaturkan perjumpaan pesakit-pesakit itu dengan doktor pada masa doktor itu lawat ke klinik-klinik yang berkenaan. Dengan cara ini sahajalah kita dapat menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada semua rakyat jelata kita khasnya rakyat dalam akar umbi masyarakat dalam keadaan kita pada masa sekarang.

Mengenai latihan tentang adat resam dan tata susila orang-orang Melayu

untuk bidan-bidan Kerajaan, seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat itu, saya suka menjelaskan bahawa selain daripada memberi latihan untuk membangunkan sikap-sikap yang positif, aspek-aspek adat resam dan kepercayaan rakyat Malaysia juga ditekankan dalam kursus-kursus latihan bidan, semasa mereka menjalani kursus asas dan juga kursus dalam perkhidmatan. Ceramah-ceramah dan kelas agama oleh pegawai-pegawai Jabatan Agama Islam tempatan juga dianjurkan oleh Kementerian saya di tiap-tiap Sekolah Bidan bagi menerapkan nilai-nilai Islam kepada mereka yang beragama Islam.

Mengenai permintaan Yang Berhormat Senator Wong Yau Ket supaya diperluaskan lagi perkhidmatan "dokter terbang" atau "flying doctors", sukalah saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa perkhidmatan doktor udara di Sabah adalah perkhidmatan sementara sahaja sebelum diadakan kemudahan kesihatan yang tetap dengan kakitangan yang terlatih di sesuatu kawasan itu. Perkhidmatan doktor udara ini membolehkan kita mempunyai "outreach", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang lebih luas dalam keadaan kita membangunkan perhubungan komunikasi seperti jalan-jalan raya dan perkhidmatan kesihatan yang kekal seperti klinik di sesuatu tempat. Kementerian Kesihatan akan hanya meluaskan perkhidmatan udara ini setelah kajian yang teliti dibuat dan jika didapati kawasan-kawasan yang berkenaan betul-betul memerlukan perkhidmatan yang berkenaan. Perkembangan perkhidmatan juga adalah bergantung kepada peruntukan kewangan yang diberi kepada Kementerian.

Keperluan perkhidmatan kesihatan luar bandar di seluruh negara termasuklah daerah-daerah Sepitang dan Beaufort adalah juga dikaji dari

masa ke semasa dan ianya akan dipertingkatkan mengikut keperluan sesebuah tempat itu dan keupayaan kita.

Mengenai penempatan seorang doktor pakar ENT di negeri Sabah pula, saya suka memberitahu Yang Berhormat bahawa pada amnya, Kementerian masih kekurangan doktor-doktor pakar ENT. Kekurangan ini bukan sahaja dirasai oleh negeri Sabah tetapi juga di seluruh negara. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang berusaha untuk mengatasi keadaan ini dengan melatih lebih ramai doktor-doktor dalam bidang ini serta mengambil doktor-doktor pakar dari negara asing. Pada masa ini Kementerian sedang melatih seramai 8 orang doktor dalam bidang ENT di peringkat Post Graduate. Seorang pakar ENT akan ditempatkan di negeri Sabah bila ada pakar-pakar untuk ditempatkan disitu.

Berhubung dengan kedudukan kakitangan, Kementerian sudah pun menambahkan bilangan doktor-doktor di negeri Sabah daripada 85 pegawai perubatan dan 12 orang pakar perubatan pada tahun 1981 kepada 92 orang pegawai perubatan dan 20 orang pakar pada tahun 1985 iaitu tambahan sebanyak 15.5%. Kita akan terus memperkembangkan penempatan doktor-doktor dan pegawai para medic di Sabah seberapa yang boleh.

Bagi menjawab teguran dari Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang, saya suka memberitahu bahawa Kementerian saya sentiasa menumpukan lebih peruntukan untuk menambah kemudahan serta pegawai-pegawai perubatan di hospital-hospital luar bandar, Peruntukan dalam perkara ini untuk Hospital Daerah Tampin yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu telah ditambah sebanyak 47.04% daripada \$1,538,522 pada tahun 1980 kepada \$2,262,272 pada tahun 1985. Jumlah ini

merupakan 18.98% daripada jumlah \$11,921,982 yang telah diperuntukkan untuk Negeri Sembilan keseluruhannya pada tahun ini. Hospital Daerah Tampin sedang memberi perkhidmatan pesakit luar dan pesakit dalam dan hanya kes-kes yang memerlukan rawatan kepakaran sahaja dirujuk di Hospital Besar Seremban dan buat masa ini terdapat 6 orang pegawai perubatan di Hospital Daerah Tampin, berbanding dengan 4 orang pada tahun 1980. Bilangan ini adalah difikirkan mencukupi untuk memberi perkhidmatan rawatan perubatan yang memuaskan di hospital tersebut pada masa sekarang.

Selain itu, Kementerian saya juga telah membuat peraturan bagi pakar-pakar perubatan melawat secara "regular", dengan izin, ke hospital-hospital daerah yang tidak mempunyai perkhidmatan pakar, termasuk Hospital Daerah Tampin untuk memberi perkhidmatan kepakaran. Peraturan ini kita harap akan dapat memudahkan rakyat kita di kawasan-kawasan luar bandar seperti juga di Tampin dan membantu dalam meningkatkan lagi latihan dan mutu perkhidmatan yang terdapat di Hospital-hospital Daerah.

Saya suka juga memberitahu Yang Berhormat bahawa Kementerian saya sedar tentang kurang kecekapan bagi segolongan kakitangan daripada peringkat rendah di hospital-hospital. Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian telah mengaturkan beberapa kursus/latihan untuk kakitangan rendah berkaitan dengan perhubungan awam, tata kelakuan serta tugas dan tanggungjawab kepada pesakit-pesakit.

Mengenai penempatan seorang pegawai agama di hospital-hospital pula, saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian tidak ada jawatan Pegawai Agama di hospital-hospital. Walau bagaimanapun, sebagai langkah

percubaan, Kementerian Kesihatan telah menyediakan kemudahan-kemudahan bagi Juru Azan dari Jabatan Agama Islam di Wad Bersalin, Hospital Besar Kuala Lumpur. Pegawai-pegawai ini juga dikehendaki menjalankan khidmat runding bagi pesakit-pesakit yang beragama Islam di wad-wad lain di Hospital Besar itu.

Bagi menjawab teguran Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood, pada amnya perkhidmatan jururawat yang diberikan kepada pesakit-pesakit adalah memuaskan. Kementerian Kesihatan mempunyai sejumlah 19,130 jururawat dan bilangan aduan yang ditimbulkan di kalangan mereka adalah kecil sahaja.

Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk meninggikan lagi mutu kejururawatan dengan mengadakan program orientasi untuk kakitangan baru, kursus-kursus khas dalam perhubungan awam serta dialog-dialog dan mesyuarat-mesyuarat dengan kakitangan-kakitangan.

Penyelenggaraan sentiasa dibuat mcnerusi pengawasan Ketua-ketua Jururawat, Matron dan juga lawatan oleh pegawai-pegawai dari peringkat Kementerian dan juga Negeri. Apa-apa aduan yang diterima sentiasa disiasat dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Tentang pakaian pesakit-pesakit di Hospital Besar Kuala Lumpur, saya menjelaskan bahawa peraturan kita pada masa ini ialah tiga helai pakaian disediakan bagi setiap pesakit di Hospital Besar Kuala Lumpur. Pakaian pesakit ditukar setiap hari dan bila ianya didapati kotor.

Jabatan Dobi Hospital Besar Kuala Lumpur membuat pemeriksaan kain-kain dari masa ke semasa dan di mana kain-kain yang nampak kotor, disebabkan kekotoran yang luas yang

tidak boleh tanggal dan kain-kain yang buruk dan koyak diganti dengan yang baru.

Pada tahun 1984, sebanyak 2,280 helai pakaian telah dimansuhkan dan pada tahun 1985, pakaian yang dimansuhkan ialah 1981 helai. Pada tahun 1985, selain daripada stok pakaian yang biasanya disimpan di wad-wad, untuk pesakit, stor Dobi di Hospital Besar, Kuala Lumpur mempunyai stok sebanyak 3,588 helai pakaian dan daripada ini 1,880 helai adalah yang baru dijahit pada tahun ini juga.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Senator Hasanah binti Haji Mohd. Kassim, suka saya memaklumkan bahawa Hospital Daerah Baru Kuala Berang telah dirancang untuk mula pembinaannya pada tahun 1982 dahulu. Pembinaan Hospital Daerah baru ini terpaksa ditangguhkan kerana kekurangan peruntukan untuk melaksanakannya.

Kementerian Kesihatan telah pun menyokong supaya Hospital Daerah Baru Kuala Berang ini dibina dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Buat sementara ini, Hospital Besar Kuala Terengganu yang baru telah siap dibina, diharapkan akan memulakan perkhidmatannya tidak lama lagi dan akan menyediakan perkhidmatan untuk penduduk-penduduk di kawasan Kuala Berang juga.

Mengenai langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar kematian bayi dan ibu-ibu bersalin, Kementerian Kesihatan sedang memberi keutamaan kepada rancangan kesihatan ibu dan kanak-kanak di negeri Terengganu, khasnya pengawalan kesihatan ibu-ibu mengandung dan jagaan kesihatan bayi dan kanak-kanak. Kementerian Kesihatan telah pun mengambil langkah-langkah dan sedang mempergiatkan aktiviti-aktiviti

pendidikan kesihatan untuk memujuk ibu-ibu mengandung pergi dan mendapatkan rawatan di klinik-klinik Kerajaan.

Ibu-ibu mengandung diberi nasihat oleh Bidan, Jururawat Desa atau Jururawat Kesihatan untuk datang ke klinik bagi jagaan kesihatan semasa mengandung.

Ibu-ibu mengandung yang tidak ke klinik, dilawati di rumah dan dinasihatkan datang ke klinik. Walau bagaimanapun, nampaknya masih terdapat masalah dalam memujuk ibu-ibu mengandung, termasuk mereka yang dalam golongan risiko tinggi pergi ke hospital untuk bersalin ataupun untuk diperiksa.

Ini adalah punca utama sebab kematian ibu bersalin dan Kementerian Kesihatan mengharapkan kerjasama daripada semua pihak termasuk pertubuhan-pertubuhan wanita dan pemimpin-pemimpin masyarakat untuk menggalakkan ibu-ibu dalam golongan risiko tinggi mendapatkan rawatan seperti dinasihatkan oleh doktor atau Bidan ataupun Jururawat.

Ibu-ibu yang dalam golongan risiko tinggi ialah ibu-ibu yang mengandung pertama kali, atau mengandung lebih daripada lima kali, atau mempunyai jarak yang rapat di antara kandungan dahulu atau pernah menghadapi kerumitan dalam melahirkan anak, serta ibu-ibu yang "anaemic" dengan izin, atau menghidapi penyakit-penyakit seperti darah tinggi, sakit jantung, kencing manis (diabetes) dan sebagainya. Kedudukan bayi dalam rahim yang luarbiasa atau songsang (breech) juga memerlukan ibu itu dirujuk kepada hospital.

Dalam strategi baru yang memberi penekanan kepada kawasan-kawasan tertentu di mana kadar kematian ibu bersalin dan kanak-kanak/bayi-bayi adalah tinggi, ibu-ibu mengandung

yang diberi penerangan mengenai makanan, mereka dan bayi-bayi menerusi nasihat perseorangan daripada Bidan ataupun Jururawat dan ceramah-ceramah yang diberikan di klinik termasuk demonstrasi memasak. Usaha ini diteruskan semasa lawatan ke rumah.

Sejak tahun 1982, pendidikan pemakanan secara pendekatan masyarakat telah pun dimulakan di mana masyarakat menganjurkan demonstrasi memasak di samping pekerja-pekerja kesihatan memberi nasihat-nasihat berkenaan makanan seimbang, makanan yang diperlukan untuk kanak-kanak dan ibu-ibu mengandung dan sebagainya. Langkah-langkah seperti ini akan mempergiatkan dan diperluaskan supaya kadar kematian bayi dan ibu dapat diturunkan dan taraf pemakanan dipertingkatkan.

Ahkirnya, bagi menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif pula, Kementerian Kesihatan memang sedar bahawa kesesakan berlaku di wad bersalin dan beberapa wad Kelas III di Hospital Besar Kuantan. Kedudukan ini telah diberi perhatian teliti dalam konteks kelambatan Hospital Besar yang baru di Kuantan di bina.

Selepas mengkaji, Kementerian Kesihatan telah berpendapat adalah tidak kos efektif untuk membina wad-wad baru yang memakan masa dan akhirnya akan digunakan bagi dua atau tiga tahun sahaja apabila Hospital baru siap dibina.

Kementerian sedang memberikan keutamaan kepada pembinaan Hospital Baru di Kuantan dan akan mengkaji beberapa langkah yang lain untuk menjadikan keadaan di Hospital Besar Kuantan itu lebih selesa daripada apa yang terdapat pada masa ini. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Pertanian untuk menjawab.

5.28ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, dalam menggulung perbahasan kali ini, mula-mula saya ingin menyentuh tentang kebimbangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato G. Pasakmanickam terhadap besarnya jumlah import makanan negara dan cadangan beliau supaya Kerajaan meningkatkan penyertaan belia-beliau di dalam aktiviti pertanian sebagai satu cara untuk mengatasinya.

Kebimbangan Ahli Yang Berhormat itu memang berasas dan Kerajaan sangat-sangat menyedari akan perkara ini. Cadangan beliau telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan. Sebenarnya kaum belia adalah merupakan golongan sasaran utama kepada program untuk melatih petani-petani menjadi usahawan pertanian.

Ini penting bagi mewujudkan aktiviti pertanian yang bercorak komersial dan menguntungkan dan dengan itu juga dapat mengeluarkan makanan kepada negara. Kaum belia adalah juga digalakkan menyertai Pertubuhan Peladang dan Persatuan Nelayan bagi meningkatkan lagi penyertaan langsung mereka di dalam proses pembangunan sektor pertanian. Bilangan belia yang ramai di negara ini merupakan potensi yang baik bagi menggiatkan semula sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara. Walau bagaimanapun, penglibatan sebenar mereka di dalam program-program seumpama ini adalah bergantung kepada kemahuan kaum belia sendiri.

Langkah-langkah lain juga sedang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan perbelanjaan import

makanan negara. Kerajaan sedang menyusun strategi tertentu bagi menggalakan sektor swasta menyertai aktiviti pengeluaran makanan negara, Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini telah pun mengumumkan langkah memperbaiki galakan fiskal bagi sektor pertanian dengan tujuan utama untuk memberi insentif-insentif yang tertentu kepada pihak swasta di dalam mengeluarkan bahan-bahan makanan. Di samping itu, langkah yang berterusan diambil bagi mempertingkatkan lagi khidmat sokongan pertanian oleh jabatan dan agensi Kerajaan supaya pengeluaran pertanian diperingkatkan.

Berhubung dengan kenyataan bahawa hampir 40% daripada ikan di negara ini adalah diimport dari negeri Thai, ingin saya menerangkan di sini bahawa hanya kira-kira 30% daripada keperluan tempatan bagi ikan telah diimport bagi tahun 1984, dan kira-kira 75% daripada jumlah import tersebut adalah dari negara Thai. Di samping itu, dalam hubungan ini, adalah wajar juga kami mengambil kira kenyataan bahawa hampir 20% daripada tangkapan ikan adalah juga dieksport.

Mengenai cadangan Yang Berhormat berkaitan dengan pemberian bantuan untuk meningkatkan keupayaan nelayan-nelayan kita, demi meningkatkan pengeluaran ikan, ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian Pertanian melalui agensinya, iaitu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia ada menyediakan Skim Kemudahan Kewangan. Skim ini berbentuk kredit dan melibatkan bantuan untuk pemilikan dan peningkatan bot. Di bawah Skim Pemilikan bot, nelayan-nelayan diberi peluang untuk memiliki bot penangkapan ikan yang lebih moden.

Di samping itu nelayan juga diberi peluang untuk memiliki dan mengusahakan bot-bot perairan pantai

iaitu di antara 10 hingga 39.9 GRT yang lebih lengkap. Bagi perairan laut dalam, kemudahan kredit juga disediakan iaitu untuk membolehkan nelayan-nelayan perseorangan, Persatuan Nelayan, Syarikat Kerjasama Nelayan dan syarikat-syarikat penangkapan ikan yang mempunyai penyertaan Persatuan Nelayan atau Syarikat Kerjasama Nelayan memiliki bot 40 GRT ke atas yang lengkap dan moden. Skim peningkatan bot pula adalah ditumpukan kepada peningkatan bot 5 GRT ke atas melalui penggantian enjin, mempelbagaikan pukat dan pembelian alat kelengkapan bot.

Berhubung dengan kawalan diperairan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, ingin juga saya menerangkan bahawa kawalan diperairan kita kini sedang diperingkatkan dengan penglibatan dan usaha penyelarasan dari semua agensi-agensinya penguatkuasaan termasuk Jabatan Perikanan Polis Marin. Tentera Laut Diraja dan Tentera Udara Diraja Malaysia. Di samping itu, sistem komunikasi "SEKENAL" di antara nelayan di laut dan pihak penguatkuasa sudah diperkenalkan supaya kawalan di perairan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Mengenai saraan yang dikemukakan oleh Senator Hajjah Azizah binti Mohd. Said supaya dipelbagaikan punca pendapatan petani, dan di dalam konteks yang sama Senator Hasanah binti Haji Mohd. Kassim mencadangkan supaya Kementerian merancang sesuatu bagi menggantikan tanaman kelapa, ingin saya menjelaskan di sini bahawa Kerajaan memang sejak dahulu menyedari akan hakikat ini. Di dalam setiap program pembangunan pertanian yang kita rancang, khususnya di kawasan Integrated Area Development Programme (IADP), Kerajaan menitikberatkan kepada mempelbagaikan aktiviti-aktiviti

pertanian petani. Sebagai contoh, di bawah Rancangan Pemulihan Semula Kawasan Kelapa, bilangan pokok-pokok kelapa adalah dikurangkan dan ianya diselangkan dengan tanaman koko, kopi dan lain-lain tanaman yang menguntungkan.

Selain daripada mempelbagaikan punca pendapatan petani melalui mempelbagaikan aktiviti pertanian, Kementerian juga telah menyusun program-program yang boleh meningkatkan nilai ditambah keluaran pertanian petani-petani. LKIM dan LPP telah dan akan melaksanakan program-program bagi memperbanyakkan industri kecil berasaskan pertanian di luar bandar. Ini juga boleh mempelbagaikan punca pendapatan petani dan nelayan.

Untuk mempelbagaikan usaha-usaha nelayan, Kementerian Pertanian, melalui LKIM, ada menyediakan program pendapatan sampingan atau sepenuh masa bagi membolehkan nelayan meningkatkan pendapatan mereka. Di antara program-program yang dilaksanakan termasuklah program terakhir, iaitu ternakan ikan atau udang air payau, ternakan ikan dalam sangkat dan ternakan kerang. Di samping itu, nelayan-nelayan juga diberi peluang menyertai perusahaan meproses ikan dan projek-projek lain yang dikendalikan oleh Persatuan Nelayan dan Syarikat Kerjasama Nelayan seperti perusahaan kilang air batu dan aktiviti pemasaran ikan yang berdaya maju.

Kementerian Pertanian juga ada menjalankan Skim Kredit Khas Nelayan Jangka Panjang bagi mengurangkan bilangan nelayan, khususnya nelayan-nelayan tepi pantai.

Di bawah program ini yang akan dilaksanakan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, nelayan-nelayan yang ingin keluar dari

menjalankan aktiviti menangkap ikan ditempatkan ke dalam sektor pertanian, ternakan, pembinaan, pembuatan dan perniagaan. Latihan tertentu akan disediakan sebelum nelayan-nelayan ini mencebur diri ke dalam sektor-sektor tersebut.

Senator Dato Kamaruzaman Ahmad membangkitkan masalah mengenai sistem pemasaran, khususnya bagi pengeluaran komoditi-komoditi utama seperti getah, kelapa sawit, koko dan kelapa. Ingin saya menjelaskan bahawa harga barang-barang ini adalah tertakluk kepada harga di pasaran antarabangsa. Komoditi-komoditi ini bukan sahaja terpaksa bersaing dengan pengeluar utama komoditi-komoditi tersebut, tetapi juga terpaksa bersaing dengan barang-barang gantian; umpamanya minyak kelapa terpaksa bersaing dengan minyak kelapa sawit dan minyak kacang soya dan lain-lain lagi, sementara minyak kacang soya dan lain-lain lagi, sementara minyak kelapa sawit pula terpaksa bersaing dengan lebih daripada 16 jenis minyak dan lemak utama yang lain. Ini adalah di antara faktor-faktor ekonomi yang sukar dikawal. Langkah kita bagi mengatasi masalah seumpama ini ialah dengan meningkatkan lagi kecekapan pengeluaran komoditi-komoditi tersebut dan juga meningkatkan mutunya. Di dalam keadaan tertentu kita mengambil langkah-langkah khas seperti "Operasi Menyelamat" oleh FAMA bagi mengurangkan beban pekebun-pekebun kecil kelapa.

Berhubung dengan cadangan untuk menggalakan dan meningkatkan pengeluaran daging dan biri-biri, ingin saya memaklumkan di sini bahawa Jabatan Perkhidmatan Haiwan sudah sedia mengadakan satu program khas untuk meningkatkan pengeluaran daging kambing dan biri-biri. Pihak Kementerian ihemang sedar mengenai potensi pengeluaran daging biri-biri diintegrasikan dengan ladang-ladang getah, kelapa sawit dan dusun.

Di bawah program yang disusun oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan, peserta-peserta program tersebut akan memelihara satu unit kambing dan biri-biri yang mengandungi di antara 20-100 ekor berdasarkan keupayaan peserta. Di samping itu, sambutan sektor swasta terhadap konsep ini adalah menggalakkan, di mana beberapa syarikat swasta dan sektor ladang sudah mula melaksanakan konsep mengintegrasikan pemeliharaan kambing dan biri-biri dengan sektor perladangan getah dan kelapa sawit. Dengan pelaksanaan program yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan bagi petani-petani kecil dan pernyertaan sektor swasta, adalah diperhatikan bahawa pengeluaran tempatan untuk daging kambing dan biri-biri akan meningkat dan pengimportan komoditi ini akan dapat dikurangkan dalam masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh kemusykilan yang dihadapi oleh Senator Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah. Terjadinya sawah-sawah yang terbiar adalah disebabkan oleh pelbagai punca yang berkait mengait antara satu sama lain, iaitu infrastruktur yang tidak cukup atau sempurna bagi membolehkan petani mengerjakan sawah dan kekurangan tenaga kerja yang berkait dengan "aging of farmers", dengan izin. Pada dasarnya tanaman padi bukanlah merupakan tanaman yang ekonomi, oleh itu, sekiranya terdapat pilihan yang lain, petani lebih suka membuat kerja yang lain.

Penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar merupakan satu fenomena yang biasa di dalam negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Ini adalah kerana mereka akan mengambil peluang daripada pembangunan pesat di sektor perindustrian di bandar-bandar. Kementerian Pertanian sangat menyedari akan perkara ini dan

langkah-langkah sedang dan akan diambil bagi mewujudkan aktiviti-aktiviti pertanian sebagai aktiviti yang menguntungkan dan membanggakan. Ini termasuklah strategi mewujudkan aktiviti perladangan atau perikanan yang bercorak komersial, latihan, perladangan berkelompok dan sebagainya. Pendapatan yang tinggi daripada aktiviti seumpamanya ini dijangka akan menarik minat para belia tinggal di dalam sektor pertanian.

Sejak tahun 1981, Kementerian Pertanian telah melaksanakan program pemulihan sawah terbiar, sama ada dengan pembangunan padi atau dengan memajukan lain-lain tanaman seperti koko dan kelapa sawit. Kementerian merancang untuk memulihkan 10% daripada 160,863 hektar sawah terbiar setiap tahun. Sehingga bulan Jun 1985, seluas 20,493 hektar telah dipulihkan.

Menyentuh tentang saraan oleh Senator Hajjah Hasanah binti Haji Mohd. Kassim supaya diadakan kajian ke atas pokok buah-buahan, sukacita saya menjelaskan bahawa pihak MARDI memang ada menjalankan kajian ke atas buah-buahan dari segi memendekkan jangkamasa kematangan, menambahkan hasil dan meningkatkan mutu. Tambahan pula komoditi ini memang ditekankan di dalam Dasar Pertanian Negara sebagai satu komoditi yang berpotensi untuk dieksport. Aktiviti penyelidikan mengambil masa yang panjang dan memandangkan bahawa kajian ke atas buah-buahan cuma telah dipergiatkan sejak 10 tahun yang lalu, maka hasil sepenuhnya masih belum diperolehi. Sebanyak 15 jenis buah-buahan telah dikenalpasti untuk dimajukan dan buah duku adalah termasuk dalam senarai tersebut.

Menyentuh tentang kerjasama di dalam bidang pertanian dengan negara-negara ASEAN, suka saya memberi jaminan di sini bahawa

faedah yang diperolehi adalah sangat-sangat menggalakan. Adalah tidak benar jika dinyatakan bahawa Malaysia sahaja yang memainkan peranan sebagai penunjuk ajar kepada negara-negara ASEAN kerana sesuai dengan semangat kerjasama ASEAN, Malaysia juga banyak menerima teknologi dan kepakaran daripada anggota-anggota ASEAN.

Menyentuh tentang usahasama perikanan di antara Malaysia dan negara Thai yang telah disentuh oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya menjelaskan bahawa Kementerian telah mengkaji dengan terperinci untuk menentukan untung ruginya cadangan tersebut. Adalah didapati bahawa negara ini akan mendapati lebih banyak faedah dengan mengadakan usahasama ini. Usahasama ini tidak melibatkan nelayan-nelayan persisiran pantai tetapi akan membantu nelayan-nelayan tempatan dari segi kemahiran dan keupayaan logistik untuk menerokai sumber perikanan di perairan laut dalam.

Di samping itu, usahasama juga membantu meminimakan masalah pencerobohan nelayan dari negara Thai di perairan Malaysia, di mana hanya nelayan-nelayan tertentu akan dibenarkan untuk menangkap di perairan Malaysia. Perjanjian berhubung dengan usahasama ini akan menjamin supaya nelayan tempatan menerima faedah dari usahasama tersebut.

Berhubung dengan cadangan membantu mempertingkatkan kejayaan di sektor perikanan, Kementerian Pertanian memanglah menyediakan program-program yang bersesuaian untuk mendatangkan faedah kepada negara dan rakyat.

Berhubung dengan kenyataan Senator Haji Harun Hassan mengenai kekurangan kelengkapan moden untuk

nelayan, ingin saya menarik perhatian kepada ulasan yang saya telah berikan kepada pertanyaan Senator Dato' G. Pasamanickam. Untuk makluman Yang Berhormat, ingin saya menjelaskan bahawa nelayan-nelayan yang akan mengendalikan bot penangkapan ikan moden telah pun diberi latihan terlebih dahulu.

Berhubung dengan dakwaan Yang Berhormat mengenai tukun tiruan, ianya tidaklah benar kerana, berasaskan pengalaman dari projek-projek yang telah dijalankan, tukun tiruan adalah berkesan dari segi meningkatkan tangkapan ikan dan menjadi rumah bagi ikan. Di samping itu tukun tiruan juga memainkan peranan untuk menghalang pencerobohan pukut tunda ke perairan pantai.

Berhubung dengan cadangan pembinaan tukun-tukun tiruan dan unjam-unjam yang menggunakan konkrit, Kementerian memang bercadang untuk membinanya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima dan beberapa kawasan untuk pembinaan sudah pun dikenalpasti.

Senator Nen Abidah Abdullah meminta agar bantuan benih dan baja dipertingkatkan. Program penyediaan benih memang ada disediakan melalui Jabatan Pertanian sementara bantuan baja padi disediakan melalui Skim Subsidi Baja Padi. Bagi lain-lain baja bantuan secara khusus tiada disediakan.

Senator Lim Sean Lean pula ada menyentuh tentang reformasi pertanian. Terdapat dua strategi bagi mengatasi masalah petani yang tidak bertanah atau yang mempunyai saiz tanah yang tidak ekonomik, iaitu program in situ dan pembukaan tanah baru. Di bawah program in situ, program penyatuan tanah adalah ditckankan sama ada melalui tanaman berkelompok atau mini estet. Di bawah program pembukaan tanah baru

pula, peserta-peserta telah disediakan dengan saiz ladang yang lebih ekonomik di rancangan-rancangan FELDA.

Mengenai cadangan Senator Haji Ibrahim bin Ujang untuk mengadakan Akta Kawalan Bagi Binatang Ternakan, terutamanya berhubung dengan kerosakan tanaman akibat ternakan berkeliaran dan menceroboh di kawasan-kawasan perkampungan petani, cadangan tersebut akan dikaji bersama agensi-agensi penguatkuasaan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian berasa bahawa masalah ini dapat diatasi dengan cara-cara lain yang lebih berkesan. Adalah diperhatikan bahawa di samping sikap penternak-penternak sendiri, kekurangan tanah yang dikhaskan untuk aktiviti ternakan dan kekurangan bekalan makanan menjadi sebab-sebab ternakan dilepaskan untuk berkeliaran.

Masalah ini boleh diatasi dengan mewujudkan satu sistem pengurusan penternakan yang intensif di mana pergerakan ternakan ditumpukan dalam satu-satu kawasan yang tertentu sahaja. Akan tetapi pengwujudan sistem ini dijangka mengambil masa yang lama dan hanya dapat dicapai secara berperingkat-peringkat. Selaras dengan hasrat ini, Jabatan Haiwan kini mula melaksanakan program pengeluaran daging dan susu yang bertahap komersial. Sistem "feedlot" sudah pun diperkenalkan untuk pengeluaran daging di mana lembu hanya dipusatkan dalam sebuah kandang tanpa dilepaskan untuk berkeliaran.

Di samping itu seperti dinyatakan dahulu, kekurangan tanah menjadi satu lagi sebab, iaitu di mana pada masa ini kawasan bagi ternakan hanya meliputi 0.6% daripada seluruh tanah yang dikhaskan untuk aktiviti pertanian. Adalah diperhatikan bahawa langkah untuk membesarkan

lagi kawasan tanah bagi ternakan dapat juga mengatasi masalah tersebut. Langkah ini telah diambil untuk mencapai matlamat ini.

Senator Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya ada menyentuh tentang masalah-masalah di sektor pertanian, seperti tingkat teknologi yang rendah, saiz ladang yang tidak ekonomik dan kekurangan minat kaum belia di dalam aktiviti pertanian. Masalah-masalah ini memanglah benar dan telah pun dikenalpasti semasa kita menggubal Dasar Pertanian Negara dan strategi yang tertentu telah digubal untuk mengatasinya. Ini termasuklah menggalakkan perladangan berkelompok, penyatuan tanah dan mempertingkatkan khidmat sokongan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyebut di sini bahawa kebanyakan perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun diambil kira semasa Kerajaan menggubal Dasar Pertanian Negara. Selepas Dasar ini diumumkan pada awal tahun 1984, Kementerian Pertanian dan lain-lain Kementerian yang berkaitan terus menyusun strategi dan program bagi melaksanakan Dasar ini. Pelaksanaan Dasar ini secara menyeluruh akan dimulai dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Peruntukan-peruntukan yang dicadangkan di bawah Kementerian ini adalah disusun berpandukan kepada Dasar tersebut. Kementerian ini akan memberi komitmen yang tinggi bagi menjayakan program-program ini dan saya suka mengambil peluang di sini, menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat memberi komitmen yang sama kepada Dasar ini. Namun, sukalah saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, kesan daripada pelaksanaan Dasar ini tidaklah mungkin dilihat di dalam tempoh waktu yang singkat. Kesan sepenuhnya dijangka dapat dirasai pada akhir tahun 1990 nanti.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kesemua ahli-ahli Yang Berhormat atas perhatian yang berat terhadap pembangunan sektor pertanian demi untuk meningkatkan lagi taraf hidup dan pendapatan petani dan nelayan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat untuk memberi jawapan.

6.01ptg.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin menjawab bagi pihak Menteri Kebajikan Masyarakat.

Saya mohon izin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1986 bagi Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Saya tertarik hati di atas perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkhidmatan kebajikan masyarakat dan ini termasuklah perkara yang dibangkitkan oleh Senator Fadzil bin Mahmood untuk mengadakan satu Rang Undang-undang khas mewajibkan setiap orang keluarga cacat menghantar anak mereka ke Pusat Pemulihan. Sebenarnya buat masa ini, Kementerian Kebajikan Masyarakat belum bercadang mengadakan satu Rang Undang-undang khas mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Kebajikan Masyarakat sentiasa berusaha menggalakan semua ibu bapa atau penjaga kanak-kanak cacat untuk mendaftarkan anak mereka dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat secepat mungkin untuk membolehkan satu rancangan yang terperinci diatur bagi pemulihan seseorang cacat itu.

Sehubungan dengan ini, satu pendaftaran orang cacat secara besar-besaran telah dilancarkan baru-baru ini di seluruh negara yang melibatkan kerjasama semua agensi-agensi Kerajaan dari peringkat negeri sehingga ke peringkat daerah dan kampung di mana juga melibatkan parti-parti siasah, ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan orang-orang perseorangan dalam usaha pendaftaran ini. Setelah pendaftaran ini selesai dijalankan, maka Kementerian Kebajikan Masyarakat akan berusaha mengumpul data-data mengenai orang cacat bagi membolehkan satu strategi yang lengkap termasuk aspek latihan dan pemulihan disusun dan seterusnya dilaksanakan.

Mengenai soal mengadakan kemudahan rumah perantaraan untuk menampung kes-kes juvenile yang telah dibebaskan dari sekolah akhlak yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Haji Zakaria bin Haji Yahya, Kementerian Kebajikan Masyarakat di dalam proses pemulihan kes-kes juvenile telah menyediakan pelbagai perkhidmatan supaya pemulihan ke atas seseorang juvenile itu dapat dijalankan dengan berkesan. Walaupun seseorang juvenile diperintahkan tinggal di dalam sesebuah sekolah akhlak selama 3 tahun, namun demikian selepas berada 18 bulan di sekolah itu, jika didapati seseorang juvenile itu telah menunjukkan kemajuan di dalam segala bidang aktiviti dan juga kelakuan yang baik serta mempunyai keluarga yang bersedia dan sesuai untuk menerimanya kembali, maka juvenile berkenaan bolehlah dibebaskan di bawah cubaan lesen sehingga tamat perintahnya.

Semasa juvenile ku dibebaskan di bawah cubaan lesen, ianya di letakkan di bawah seliaan Pegawai Akhlak yang

bekerja rapat dengan keluarga dan juvenile itu sendiri untuk membolehkan proses pemulihan berjalan dengan sempurna dan juga menghindarkan seseorang juvenile itu dari melakukan sebarang kesalahan.

Setelah tamat masa di bawah cubaan lesen, seseorang juvenile itu terus diletakkan pula di bawah seliaan lanjutan selama setahun dan beliau terus diselia oleh Pegawai Akhlak. Dengan demikian seorang juvenile itu mendapat perkhidmatan seliaan dan bimbingan dari Pegawai Akhlak setelah ia dibebaskan dari sekolah akhlak. Peraturan ini dibuat untuk membantu seseorang juvenile itu di segi penempatan pekerjaan, penyesuaian dengan keluarganya dan juga penyerapan ke dalam masyarakat supaya proses pemulihan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Jawapan yang terakhir sekali, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk menjawab.

Silakan.

6.05 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan, teguran-teguran serta juga cadangan-cadangan terhadap Belanjawan 1986.

Saya mengambil kesempatan di sini untuk memberi penjelasan ke atas beberapa perkara utama yang dibangkitkan semasa perbahasan suasana ekonomi negara. Soal prestasi ekonomi negara sentiasa menarik minat Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Seperti yang telah saya nyatakan di dalam Perutusan Belanjawan, anggaran pertumbuhan sebanyak 5.2% dalam tahun 1985 ini adalah kurang

menggalakkan jika dibandingkan dengan kadar pertumbuhan sebanyak 7.6% dalam tahun yang lalu. Prestasi ekonomi negara pada tahun hadapan yang dianggarkan pada kadar 6% adalah merupakan matlamat yang negara kita perlu capai. Anggaran ini dibuat dengan mengambil pertimbangan faktor-faktor luar dan dalam negeri seperti harga barangan utama eksport negara yang kurang memuaskan pada waktu ini. Prestasi ini boleh dicapai jika pihak swasta meningkatkan pelaburan dalam tahun 1986.

Keadaan ekonomi dunia keseluruhannya masih tidak memuaskan dan ada tanda-tanda yang menunjukkan harga barangan utama seperti timah dan petroleum mentah tidak akan bertambah baik dalam keadaan sekarang. Kerajaan sentiasa mengawasi perkembangan yang kurang sihat ini dan telah pun menggerak langkah membuat persediaan tindakan dan alternatif yang perlu diambil bagi mengurangkan pengangguran, mempertahankan kesetabilan dan memperkukuhkan ekonomi negara untuk menjamin ketahanannya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan supaya peruntukan yang lebih banyak lagi diberi kepada beberapa Kementerian seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Kebajikan Masyarakat, Jabatan Bomba dan lain-lain. Beberapa orang Ahli Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya peruntukan yang lebih banyak disediakan bagi membeli peralatan-peralatan dan pembasmian kemiskinan. Sukalah saya menjelaskan bahawa peruntukan yang dicadangkan dalam Belanjawan ini adalah hak yang difikirkan munasabah bagi menampung keperluan yang telah dikenalpasti. Jika jumlah tersebut didapati tidak mencukupi kelak, maka Kerajaan akan menimbangkan

peruntukan tambahan jika didapati benar-benar perlu dan munasabah. Kerajaan tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya bagi mengadakan berbagai-bagai projek demi kesejahteraan hidup rakyatnya terutama mereka di kawasan-kawasan luar bandar.

Walau bagaimanapun, keupayaan menambah peruntukan bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan. Dalam keadaan ekonomi negara yang kurang memuaskan pada masa sekarang ini, Kerajaan terpaksa berhati-hari dalam membelanjakan wangnya. Kerajaan terpaksa berhati-hati dalam dengan ketat untuk mengelakkan pembaziran supaya sumber-sumber tahap yang ada digunakan dengan efficient.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan keperluan mempertingkatkan kemudahan-kemudahan di kawasan-kawasan luar bandar. Sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan memang sedar perlunya mempertingkatkan kemudahan-kemudahan di kawasan luar bandar ini. Oleh itu bagi jalan-jalan di luar bandar, peruntukan sebanyak \$431 juta telah disediakan. Bagi bekalan elektrik di luar bandar pula, peruntukan sebanyak \$225 juta telah disediakan dan bagi bekalan air di luar bandar ialah sebanyak \$171 juta. Di samping itu, sebanyak \$1,257 juta yang dicadangkan diperuntukkan bagi pembangunan pelajaran, termasuk juga kemudahan-kemudahan bagi pelajaran rendah, terutamanya pembinaan bilik-bilik darjah dan kelengkapan lain di kawasan-kawasan luar bandar. Begitu juga sebahagian besar dari peruntukan sebanyak \$161 juta yang disediakan bagi pembangunan kesihatan adalah untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan kesihatan luar bandar, seperti hospital-hospital daerah, pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik bidan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengadakan peruntukan yang berpatutan bagi memberi pinjaman kepada usahawan-usahawan industri kecil. Kemudahan pinjaman disalurkan melalui MIDF ataupun Bank Pembangunan. Masalah yang dihadapi ialah untuk mendapatkan cadangan projek-projek yang berdaya hidup, terutamanya projek-projek daripada syarikat bumiputera sebelum sesuatu pinjaman boleh dikeluarkan kepada mereka.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong cadangan-cadangan cukai, khususnya cukai mengenai kenaikan bagi minuman keras dan kasino yang diumumkan tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan supaya penyimpan-penyimpan Tabung Haji diberi layanan pengecualian cukai yang sama dengan penyimpan-penyimpan Bank Simpanan Nasional (BSN), inginalah dimaklumkan buat masa ini pengecualian cukai yang diberi kepada penyimpan Tabung Haji bukannya bagi jumlah bonus \$1,000 tetapi adalah bagi bonus ke atas jumlah simpanan setakat \$10,000. Ini difikirkan telah mencukupi. Perbandingan antara BSN ataupun Bank Simpanan Nasional dan Tabung Haji adalah sukar kerana kedua-dua institusi ini mempunyai ciri-ciri dan fungsi yang berbeza.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berbeza dengan Tabung Haji, pelaburan BSN adalah ditetapkan oleh undang-undang yang antara lain meliputi syarat-syarat berikut:

- (1) tidak kurang dari 70% dari simpanan itu hendaklah dilaburkan dalam sekuriti Kerajaan;
- (2) pelaburan selain dari yang saya sebutkan tadi haruslah dibuat menurut Ordinan Pemegang

- Amanah 1949 dan Akta Pelaburan Pemegang Amanah 1965;
- (3) pinjaman perumahan yang disediakan bagi penabung-penabung, dengan izin, "depositors" dan lain-lain pelanggan mengikut arahan am Menteri;
 - (4) pinjaman-pinjaman lain dan pendahuluan-pendahuluan juga disediakan untuk diberi kepada penabung-penabung dan lain-lain pelanggan bagi maksud-maksud yang diluluskan oleh Menteri;
 - (5) melabur tidak melebihi 10% simpanan dalam sekuriti dan pelaburan yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, ini bererti Bank Simpanan Nasional hanya boleh melabur 10% sahaja di pasaran terbuka. Ini berbeza dengan Tabung Haji. Oleh itu, adalah jelas bahawa Bank Simpanan Nasional berbeza dengan Tabung Haji kerana Bank Simpanan Nasional merupakan satu sumber kewangan bagi Kerajaan dan lebih banyak simpanan diperlukan bagi maksud ini. Pengecualian kepada penyimpanan adalah merupakan satu galakan untuk menarik lebih ramai lagi penyimpanan-penyimpanan dan seterusnya lebih banyak simpanan yang dibuat oleh mereka.

Mengenai permintaan supaya cukai dikurangkan bagi orang-orang yang membantu ibu bapa, Tuan Yang di-Pertua, inginlah dimaklumkan bahawa buat masa ini sejumlah pelepasan \$5,000 yang diberi kepada seseorang individu itu sudah mengarrtibil kira tanggungan ini dan oleh itu adalah tidak wajar cukai ini dikurangkan lagi.

Kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Belanjawan tahun 1986 ini dibuat disambut baik dan mendapat sokongan

dari Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga rakyat sekalian. Sokongan-sokongan ini sangatlah dihargai. Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat telah maklum, keadaan ekonomi dunia masih lembab dan pergolakan keadaan pasaran beberapa barangan utama negara telah menjadi lebih runcing sejak kebelakangan ini. Kerajaan akan memastikan dan memesatkan lagi usaha-usaha menentang kemelesetan ekonomi ini dan saya berharap semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini akan terus memberi sokongan terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan ini. Dalam menghadapi cabaran-cabaran kemelesetan ekonomi ini kita perlu banyak bersabar dan tabah hati dan bersatu supaya kekuatan kita untuk menghadapi cabaran-cabaran ini tidak tergugat.

Kerajaan di dalam menempuh tahun baru 1986 akan terus mengikuti dan mengawasi dengan teliti perkembangan-perkembangan ekonomi dunia dan menyediakan langkah-langkah yang dapat diambil bagi menghadapi sebarang kemungkinan. Sukalah saya menekankan di sini, walaupun kita menghadapi cabaran kemelesetan ekonomi, Kerajaan tetap tidak mengabaikan tanggungjawabnya terhadap rakyat yang berpendapatan rendah. Segala usaha-usaha mengatasi kesan kemelesetan ekonomi akan mengambil pertimbangan dan langkah yang dapat meringankan kesan-kesan kemelesetan terhadap rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha jimat cermat meningkatkan "efficiency" dan "productivity" tetap akan diteruskan. Insya Allah, cita-cita murni kita dan usaha-usaha untuk memperbaiki kebaikan rakyat dan seterusnya mengukuhkan kedudukan ekonomi dan kewangan negara akan mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan dan pandangan yang begitu berguna terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Kementerian Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
DADAH BERBAHAYA PINDAAN
(LANGKAH-LANGKAH
PENCEGAHAN KHAS)
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.22 ptg.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon

mencadangkan suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dibacakan kali kedua sekarang.

Seperti yang termaklum, negara kita kini sedang menghadapi satu fenomena. Fenomena yang berbentuk universal ini nampaknya masih berterusan, masih mengancam dan masih mencabar keseluruhan struktur masyarakat kita. Masalah yang dimaksudkan tidak lain adalah masalah dadah.

Begitu serius soal penyalahgunaan dadah di negara kita itu sehingga telah kita isytiharkan sebagai musuh utama negara kita iaitu selain daripada pengganas komunis. Pengisytiharan ini mencerminkan pengakuan kita bahawa dadah bukan hanya merupakan satu masalah sosial yang dipandang ringan sahaja.

Undang-undang mengenai dadah di negara adalah di antara yang paling tegas dan keras di dunia. Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya, 1952, misalnya, mengenakan hukuman mati mandatori ke atas pengedar-pengedar dadah yang disabitkan kesalahannya. Bilangan pengedar-pengedar yang diambil tindakan di bawah seksyen ini nampaknya semakin bertambah dari setahun ke setahun. Untuk tahun 1985, seramai 466 orang telah ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah di bawah seksyen tersebut setakat bulan November sahaja.

Pada keseluruhannya mereka yang ditangkap di bawah seksyen ini adalah terdiri daripada orang-orang upahan, sedangkan ketua-ketua sindiket, pembiaya dan pengurus dadah yang merupakan pengedar maut terlepas dari tindakan mahkamah. Ini disebabkan oleh tektik perniagaan mereka yang sungguh sofistikated dan halus sekali hingga sukar untuk membuktikan penglibatan mereka dalam kegiatan dadah. Oleh itu, satu-satunya tindakan yang dapat diambil

terhadap mereka ini ialah dengan menguatkuasakan undang-undang pencegahan.

Kerajaan telah pun menguatkuasakan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 yang ditujukan khusus kepada pengedar-pengedar dadah yang telah saya sebutkan tadi. Akta tersebut yang dikuatkuasakan sejak 15hb Jun, 1985 membolehkan pihak Kerajaan menahan lebih lama seseorang pengedar dadah. Sebelum ini seorang pengedar dadah itu hanya boleh ditahan tidak lebih daripada dua tahun sahaja di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mecegah Jenayah) 1969.

Walau bagaimanapun, pihak-pihak yang berwajib melaksanakan di bawah Akta Dadah berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 telah menghadapi beberapa masalah. Beberapa peruntukan dalam Akta itu didapati tidak menepati kehendak-kehendak perlaksanaannya sehingga membolehkan pengedar-pengedar dadah melepaskan diri akibat dari kelemahan-kelemahan dalam Akta itu sendiri. Maka itulah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan beberapa pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Tuan Yang di-Pertua, ada tiga tujuan utama mengapa cadangan pindaan ini dikemukakan. Pertama, untuk menentukan objektif menahan lebih lama pengedar-pengedar dadah tercapai. Kedua, untuk menjelaskan beberapa peruntukan yang kurang jelas supaya pihak-pihak yang bertanggungjawab atau pihak penguatkuasa dapat menjalankan tugas mereka tanpa sebarang keraguan. Tujuan yang ketiga ialah untuk mengemaskinikan beberapa peruntukan.

Pindaan-pindaan lain adalah merupakan pindaan-pindaan kecil yang menjadi ekor kepada pindaan-pindaan penting.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah wajar dan perlu. Matlamat utama pindaan-pindaan ini adalah untuk memberi kuasa yang secukupnya kepada pihak-pihak yang berwajib dalam melaksanakan tugas membasmi penyalahgunaan dadah yang mengancam keselamatan negara dan ketahanan nasional kita.

Saya yakin dan percaya bahawa pindaan-pindaan ini akan memperkukuh dan menguatkan lagi berberkesanan jentera penguatkuasaan undang-undang di negara kita ini. Saya juga yakin dengan adanya pindaan-pindaan ini, maka pihak-pihak berkuasa kita akan dapat membentasi dan seterusnya menghapuskan masalah dadah dari bumi Malaysia ini. Insyallah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sila Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab.

6.26 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kerajaan khususnya

kepada Menteri Dalam Negeri di mana bidang kuasa pencegahan dadah ini banyak diletakkan di bawah Kementerian yang berkenaan.

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa membentangkan Usul ke atas pindaan-pindaan ke atas Akta Dadah Berbahaya ini iaitu memberikan beberapa kuasa-kuasa perlu yang tegas dan keras dalam usaha dan cita-cita Kerajaan bagi menyelamatkan rakyat serta khususnya generasi muda yang akan terceburlah ke lembah penagihan dadah ini daripada terjerumus dan rosak daripada suatu rakyat yang akan menjadi, bakal mewarisi kepimpinan serta mewarisi bumi Malaysia ini untuk menyelamatkan mereka daripada Kerosakan fizikal, kerosakan mental dan seterusnya menyelamatkan angkara-angkara jahat yang terbit daripada penyalahgunaan dadah.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, seluruh negara terutama sekali negara-negara ASEAN yang menjadi negara-negara jiran kita memang telah mengetahui akan ketegasan dan kekerasan hukuman-hukuman yang telah kita wujudkan bagi membentaras kejadian-kejadian pengedaran dan penyalahgunaan dadah di Malaysia ini.

Tetapi sayangnya, Tuan Yang di-Pertua, negara kita negara yang kecil yang juga tertakluk dengan kegiatan-kegiatan keluar masuk oleh pelancong-pelancong serta terbuka luas kepada negara-negara anggota jiran tertangga kita seperti Thailand, Singapura, Indonesia dan Filipina, tetapi di dalam negara-negara ASEAN itu sendiri yang menjadi sahabat dan jiran kita seperti Thailand dan Filipina sehingga masa sekarang ini belum mempunyai akta-akta sekuat, sehebat dan sekeras hukuman, belum ada hukuman mati

kepada pesalah di bawah pengedaran dan penyalahgunaan dadah di negara-negara jiran yang tersebut.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh lari daripada hakikat hidup berjiran di antara negara-negara ASEAN itu yang ada hubungan pengaruh mempengaruhi. Dengan sebab itu saya mencadangkan oleh kerana Malaysia sebagai sebuah negara yang dihormati serta menjadi pendorong utama di dalam rangkaian kerjasama negara-negara ASEAN, sudah sewajarnya Malaysia menggunakan budibicara, menggunakan kebijaksanaan diplomasi yang tinggi untuk dapat mempengaruhi negara-negara jiran kita yang tersebut bagi mencontohi Akta serta kekuasaan undang-undang yang tegas seperti yang telah kita wujudkan. Ini sangat mustahak, Tuan Yang di-Pertua, kerana negara-negara yang saya sebutkan tadi seperti Thailand umpamanya telah terkenal termasuk di dalam lingkungan "The Golden Triangle", dengan izin, di dalam pengedaran dadah ini.

Suatu masa penanaman ganja hingga hari ini pun adalah menjadi sumber dan tempat yang utama bagi negeri jiran kita itu. Dengan sebab itulah di dalam persidangan-persidangan apa bentuk pun di dalam negara-negara ASEAN hendaklah kita tekankan supaya rakan-rakan dari negara jiran kita itu, sekurang-kurangnya mencontohi selangkah demi selangkah cara kita dan cara negara Singapura untuk membentaras kejadian-kejadian yang seperti ini.

Sehubung dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, pencegahan dadah melalui kuatkuasa undang-undang memanglah bukan menjadi suatu yang mutlak dan muktamat untuk pencegahan keseluruhannya. Dia banyak bergantung dengan keadaan masyarakat, kehidupan serta cara hidup manusia itu sendiri dari masa ke

semasa. Kita perhatikan kejadian-kejadian penyalahgunaan dadah ini bercambah dengan biaknya daripada keadaan hidup sesebuah rumah tangga dan keadaan susunan sosial hidup masyarakat di negara itu sendiri.

Hari ini pertembungan kebudayaan, pertembungan kejutan hidup mementingkan secara total, secara meningkat keadaan hidup kebendaan di kalangan masyarakat di negara ini sudah sampai ke tahap yang sangat tinggi dan menggerunkan. Hidup pura-pura oleh seluruh boleh dikatakan hampir semua lapisan masyarakat daripada ahli perniagaan, pendidikan, ahli politik, hidup pura-pura semua ini bercampur dengan kehidupan yang sangat nipis dengan agama menjadikan pandangan hidup serta sikap manusia di negara kita ini tiak menampakkan kebencian kepada hidup dengan dadah. Sebagai contoh sebagaimana yang pernah saya bentangkan di Dewan yang mulia ini di dalam soalan-soalan tambahan semasa kejadian seorang penyanyi artis yang terkenal yang telah ditahan, ditangkap di Sarawak, berita-berita yang disiarkan kepada artis ini menjadikan beliau ini sanjungan yang selayaknya pula, membangkitkan lagi kegembiraan, dan selera oleh akhbar-akhbar, publisiti mass media terhadap tokoh yang sudah dipenjarakan itu. Agak anih kita memikirkan orang yang telah ditangkap dengan dadah ini seolah-olah dianggap sebagai seorang wira yang terpaksa disanjung, terpaksa disiarkan oleh mass media berlarut-larutan sehingga sampai beberapa tahun. Beliau diekori ke mana sahaja kereta yang membawa artis yang telah terlibat dengan dadah ini menjadi tajuk-tajuk penting dan hangat di dalam akhbar-akhbar, terutama akhbar-akhbar yang sangat mirip dan condong serta mendukung suatu suasana hiburan terhadap artis ini.

Jadi, apakah kita memikirkan di sebelah kanan untuk meletakkan

sesuatu kekuasaan bagi menghapuskan dan mencegah dadah tetapi di sebetah kiri kita satu golongan lagi memuja, menyanjung serta membesar-besarkan akan orang-orang yang terlibat dengan dadah. Ini seolah-olah mengugut kepada kekuasaan Kerajaan, mengugut akan kekuatan Kerajaan di dalam pencegahan dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, seandainya kita berbuat sesuatu dengan restu daripada undang-undang mengapa kita sanggup membiarkan pihak-pihak mass media ini, akhbar-akhbar ini berbuat seolah-olah untuk menikam usaha Kerajaan untuk mencegah dadah ini suatu perkara yang terbalik. Seharusnya semua sektor, semua lapisan di dalam masyarakat kita terpaksa membenci perbuatan penyalahgunaan dadah ini di dalam apa bentuk sekalipun.

Saya teringat akan kata-kata bekas Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Haji Muhammad Ghazali Shafie di dalam satu kata-kata yang ringkas tetapi dapat difahami, dapat ditafsirkan kata-kata yang indah itu untuk mencegah dadah ini. Kata beliau: "masyarakat Malaysia, setiap orang hendaklah membenci dadah itu, menjijik dadah itu seperti kita membenci dan menjijik kepada penyakit TB, pada suatu masa dahulu." Sehingga keseluruhannya Kementerian Kesihatan, keseluruhan kegiatan di sekolah-sekolah kesemuanya ditumpukan ke arah untuk mencegah penyakit TB daripada sekecil-kecil kejadian, daripada serendah-rendah taraf manusia di negara ini semuanya mengutuk, bekerja, praktikal untuk menghapuskan TB itu. Kita sudah berjaya.

Tetapi tentang mencegah dadah sudah berlainan. Ada orang yang kaya dengan mengedar dadah. Ada orang yang berasa seronok untuk menyokong orang-orang yang terlibat

menyanjung sebagai wira terhadap orang yang menyalahguna dadah. Inilah kejadian-kejadian anih dan benar yang berlaku di dalam negara kita.

Saya menyeru seluruh lapisan masyarakat yang hidup, yang inginkan demokrasi dikekalkan, yang ingin meletakkan kesejahteraan rakyat lebih daripada segala-galanya, seharusnya berdiri menyokong dan melaksanakan cita-cita untuk mencegah dadah ini dengan sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya kita gagal berbuat demikian maka penyalahgunaan dadah akan bermaharajalela di dalam negara kita. Apatah lagi kedudukan negara kita Semenanjung Malaysia umpamanya, hampir 90% dikelilingi oleh laut, dengan segala punca, segala kemakmuran, segala kemudahan, amat senang untuk menembusi pintu-pintu masuk ke daratan kita daripada darat menuju seluruhnya, untuk mengancam keselamatan anak watan dan generasi yang ada di negara kita ini. Bila-bila masa negara kita ini bukan sahaja diancam oleh komunis tetapi juga diancam oleh extremist, diancam oleh "dadahist", dadah "addictist". Inilah yang sangat membimbangkan kita, Tuan Yang di-Pertua. Dengan kebimbangan inilah barangkali pindaan demi pindaan kita lakukan untuk pencegahan dadah ini.

Saya menyokong 100% akan pindaan-pindaan yang diusulkan, yang dibawa oleh Kerajaan. Walaupun pindaan itu datang seminggu lagi, kita akan sokong juga kerana kita bukan pembangkang, tidak ada siapa yang membangkang sebenarnya dalam mencegah dadah. Tetapi untuk melaksanakan daripada intipati, daripada bidang-bidang di dalam Akta ini, itulah yang menjadi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu penyalahgunaan dadah ini, serangan penyakit ini hendaklah dipandang dari

berbagai-bagai segi, daripada luaran, daripada dalaman, daripada yang ternampak dan daripada yang tersirat seluruhnya hendaklah kita pandang. Sebagai contoh, di antara beberapa ratusan belia-belua yang telah terceburlah dengan penyalahgunaan dadah ini, dengan sedihnya diberitakan adalah datang dan telah melanda dan mengancam belia-belua daripada orang-orang Melayu. Kita harus mengkaji latar belakang kejadian ini dari segenap kehidupan, dari corak rumah tangganya, dari kehidupan ekonominya, dari letak duduk sosialnya, kenapa remaja-remaja Melayu ini banyak yang terjebak dan terceburlah di dalam penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini tidak kurang cerdik pandai di dalam membuat kajian demi kajian. Saya nampak perubahan sosial yang amat mengejut kepada corak hidup orang-orang Melayu sudah amat jauh berbeza daripada tahap-tahap 10 tahun, 20 tahun, apatah lagi kita akan sampai ke tahun 30 menjelang kemerdekaan.

Masyarakat Melayu di dalam tahun-tahun 1950an sebelum kemerdekaan adalah masyarakat kekeluargaan yang taat, dengan hidup beragama dan hidup dengan keadaan adat resam, kekeluargaan yang sangat rapat dan karib perhubungan itu; dijalin pula dengan kehidupan-kehidupan hari-hari, kehidupan beragama, kehidupan saling hormat-menghormati di antara orang tua dengan yang bawahan, di antara bawahannya dengan yang atasan. Tetapi hari ini, Tuan Yang di-Pertua, keadaan itu telah berubah jauh dan hubungan antara ibu bapa dengan anak-anak di dalam keluarga sudah semakin hari semakin longgar; kehidupan-kehidupan ini telah amat jauh berbeza menjadikan kekeluargaan itu amat jauh berpisah

di dalam hubungan kehidupan hari-hari. Sebagai contoh, tangkapan-tangkapan yang dilakukan di daerah-daerah yang dapat kita kaji, keruntuhan rumahtangga, ibu bapa yang berpisah kerana tempat pekerjaan dan jawatan yang jauh-jauh, anak diletakkan di dalam jagaan orang gaji, anak diletakkan tinggal di bawah asuhan datuk dan opahnya, Kesemua ini mendatangkan suatu serangan secara senyap, tetapi amat berkesan kepada perubahan sikap dan hidup tiap-tiap lapisan masyarakat Melayu ini.

Kerukunan masyarakat Melayu di negara kita ini amat penting Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak dapat menafikan bahawa masyarakat Melayulah yang terulung menggembeling tenaga, berpegangan tangan, berbantu-bantu dengan sahabatnya daripada keturunan lain untuk bersatu-padu di dalam satu paduan politik untuk menghancurkan penjajahan dan mendapatkan kemerdekaan, menjadikan negara ini berdaulat dan bebas daripada penjajahan-penjajahan dari segi politik, penjajahan ekonomi, penjajahan kebudayaan dan lain-lain. Dengan sebab itu, saya memandang keadaan yang menimpa kepada masyarakat remaja Melayu, belia dan beliawanis Melayu yang ratusan ribu oleh penyakit penyalahgunaan dadah ini, suatu yang amat merbahaya dan mengancam kedudukan strategi keadaan hidup berpolitik dan harmoni yang ada di negara ini.

Dengan sebab-sebab landaan yang dahsyat ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar beberapa perubahan-perubahan di dalam sistem pelajaran, sistem corak percutian persekolahan, sistem yang lain-lain yang terdapat, yang telah merombak susunan hidup sosial orang-orang Melayu ini terpaksa difikirkan

serentak dengan usaha-usaha kita untuk mencegah penyalahgunaan dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu masa yang lampau awal-awal sebelum kemerdekaan, percutian sekolah kita ini ada memberi peluang satu bulan latihan rohaniah yang amat berkesan kepada keluarga orang-orang Islam, iaitu percutian sekolah di bulan puasa memberikan peluang hidup ibu bapa dengan anak-anaknya dibendong di dalam bulan yang suci dan mulia itu bagi merapatkan ibadah-ibadah secara batm di bulan puasa, menjadikannya suatu yang amat tenang dan bahagia, melapangkan masa untuk mereka bagi bersama-sama duduk, bersama-sama makan, puasa bersama-sama, menanggung lapar bersama-sama, menderita kesakitan bersama-sama dan berbuka mencapai kebahagiaan di waktu matahari sedang condong, di waktu Maghrib, bersama-sama. Kebahagiaan dan latihan yang terbit daripada latihan rohaniah itu diadakan sepanjang bulan puasa 30 hari ataupun 29 hari. Di dalam satu tahun ada satu bulan, tiap-tiap tahun di dalam hidup itu adalah satu latihan yang amat penting kepada masyarakat Islam.

Saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, latihan ini harus dikembalikan. Hari ini, walaupun kita berpuasa, tetapi kalau ada 5 orang anak yang terpisah di sekolah berasrama penuh, ada seorang yang berpisah di universiti, ibu bapa yang saling sibuk dengan politiknya, dengan perniagaannya, dengan tugas hariannya yang wajib bagi dia, semua ini menjadikan keluarga kita berpisah-pisah. Walaupun kita cuti di dalam penggal akhir bulan Disember, walaupun kita cuti dua minggu, pada bulan Ogos dan bulan April, tetapi di dalam bulan-bulan yang demikian keluarga itu adalah sibuk dengan perkara-perkara duniawi yang lain. Tidak ada suatu bulan bagi orang Islam yang begitu kudus dan mulia yang begitu dapat

mengumpulkan secara duniawi dan akhirat di antara keluarga itu melainkan di bulan puasa.

Saya nampak kalaulah sistem peperiksaan pelajaran kita ini pun semuanya telah dialihkan dalam suasana tempatan, kita tidak bergantung kepada Cambridge, kita tidak bergantung lagi kepada London dan lain-lain, kita sudah menjadikan peperiksaan kita ini lembaga tempatan. Kenapa kita tidak mengadakan demokrasi kita ala Malaysia, pelajaran kita ala Malaysia, mengapa tidak hidup secara hidup ala Malaysia kita ini yang ada memberi peluang kepada satu agama, kepada satu masyarakat yang besar dan puasa dan percutian sekolah ini juga tidak mencatatkan dan memudaratkan kaum-kaum kita yang lain.

Dari segi inilah, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita memandang, sekiranya Kerajaan memikirkan bahawa ancaman penyalahgunaan dadah ini adalah yang utama dan penting lebih hebat daripada ancaman komunis dan ekstrimis, kita harus berfikir secara global, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tidak harus memikirkan dadah ini secara pieces demi pieces, dengan izin. Kita memikirkan keseluruhan kehidupan bidang pelajarannya, bidang undang-undangnya, bidang penguatkuasaannya sekali gus barulah saya kira kita betul-betul bercita-cita tulin untuk mencegah dadah. dan dengan demikian walaupun sekiranya kita mencapai 20%, 10 setahun, kita sudah mencapai satu tahap kejayaan untuk menghancurkan kegiatan dadah ini.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, memadailah saya membentangkan pandangan-pandangan dan cadangan saya yang ikhlas yang terbit daripada pandangan-pandangan yang betul-betul datang dan terbit daripada hari saya yang bersih dan suci untuk saya

paparkan kepada pertimbangan Kerajaan dan saya menyokong di atas pindaan Akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusof bin Kassim.

6.52 ptg.

Tuan Mohd. Yusof bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana memberi peluang kepada saya bangun bersama-sama sahabat saya di dalam Dewan yang mulia ini mengambil bahagian menyokong suatu Akta Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah faham, negara juga telah faham dan Kementerian menyedari betapa pentingnya dadah merbahaya ini dengan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri telah membentangkan suatu Pindaan pada hari ini bagi menentukan satu objektif dan memberi kuasa dan mengemaskinikan supaya dapat menghapuskan semua pengedar-pengedar dadah di dalam negara kita ini.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sentiasa memberi pandangan yang begitu berat di atas dadah merbahaya. Pada satu ketika kita telah mengetahui Yang Berhormat telah menjelajah ke semua negeri di dalam negara kita ini untuk mencuba menghapuskan dadah merbahaya.

Walaupun bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri telah mengetahui iaitu dadah masih bertesusan dan juga Undang-undang negara kita ini adalah yang paling keras sekali di dalam

dunia, tetapi dadah masih banyak berkeliaran di merata-rata tempat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun daya usaha Kementerian cuba menghapuskan dadah ini, saya di sini bangun mencadangkan supaya Akta ini dipinda begitu ketat lagi. Diketatkan lagi supaya pindaan ini menyamai Undang-undang Keselamatan. Dalam Negeri supaya kita dapat menangkap pengedar-pengedar dadah tidak terlepas daripada tanggungjawab mereka. Kita akan cuba membuat suatu Akta supaya bersama-sama ISA. Tidak payah kita kesian kepada mereka yang mengedar dadah dan penagih-penagih dadah ini, sama juga kita beri kuasa kepada pihak berkuasa supaya dapat mengesan, tidak payah mereka ini mencuba mendapat bukti-buktinya barulah kita membawa mereka ke mahkamah. Mencukupi mereka ini dikesan sama ada mereka ini benar-benar mengedar dadah dan terus diberkas mereka ini dan dibuangkan ke satu pulau, umpamanya, Pulau Jerjak yang ada pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, penagih dadah ini adalah begitu merbahaya sekali, kerana saya berkata begitu, kita percaya penagih-penagih dadah ini tidak mahu menghilangkan dirinya daripada penagihan dadah walaupun kita telah membawa mereka itu ke dalam satu penjara ataupun pemulihan dadah selama dua, tiga tahun. Apabila mereka kembali ke pangkuan masyarakat, mereka akan kembali menagih dadah, dengan cara inilah, dengan kerana inilah penagih-penagih dadah ini sentiasa dapat menyambung balik sebagai penghisap dadah. Saya berfikir begini, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat semua mengetahui di dalam kampung-kampung dan bandar-bandar apabila banyak penagih dadah yang telah

keluar daripada penjara atau pusat pemulihan dalam masa dua, tiga bulan sahaja mereka tinggalkan menghisap dadah. Apabila mereka mencampuri balik dengan sahabat-sahabat mereka, mereka akan tercebub balik dalam jurang yang merbahaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya saya mencadangkan supaya mereka ini dibuangkan ke satu tempat supaya tidak kembali balik ke pangkuan masyarakat. Merekalah yang dapat menyambungkan sahabat-sahabat mereka supaya menagih dadah. Sehingga sekarang ini Yang Berhormat Menteri telah mengetahui, Kerajaan telah dapat mengesan lebih kurang 500,000 penagih dadah di dalam negara kita ini. Ini yang dapat dikesan, yang tidak dapat dikesan boleh jadi lebih banyak daripada itu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus sedar kalaulah seseorang itu membelanjakan wang sebanyak \$10 sehari untuk menghisap dadah, berapa juta satu hari iaitu pengedar-pengedar dadah, yang telah dapat untung yang begitu besar. Mereka tidak fikir betapa bahayanya masyarakat di negara kita ini menghisap dadah. Mereka cuma mementingkan diri mereka sendiri supaya keuntungan yang begitu banyak dapat pada mereka sendiri. Tuan Yang di-Pertua, inilah sebabnya saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengetatkan lagi pindaan Undang-undang ini supaya lebih berkesan walaupun setakat ini boleh dikatakan undang-undang begitu ketat dan tegas di negara kita dan di seluruh dunia.

Dadah kita tahu lebih merbahaya daripada rokok. Kita sendiri tahu betapa susahnyanya kita hendak melepaskan masyarakat itu daripada penagih dadah. Saya percaya Ahli-ahli di dalam Dewan ini yang menghisap rokok sekalipun kalau hendak

berhenti daripada merokok susah, kadang-kadang ada sahabat-sahabat kita berhenti cuma had dua minggu sahaja, selepas dua minggu hisap balik. Ini rokok. Apabila ditanya oleh kita kepada sahabat-sahabat kenapa hisap rokok, mereka berkata rokok ini adalah sahabat kepada mereka untuk mendapatkan ilham, membuat sesuatu pekerjaan. Ini rokok. Kalaulah kita tanya pula kepada penghisap dadah, kenapa mereka menghisap dadah, mungkin mereka berkata kerana untuk mengkhayalkan segala cita-cita mereka yang tidak tercapai. Dadah boleh mengkhayalkan lebih dahsyat lagi daripada menghisap rokok. Maka itulah sebabnya saya mengatakan supaya mereka yang menghisap dadah ini sudah untuk hendak menghapuskan mereka daripada menghisap dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini menyokong penuh di atas Rang Undang-undang Dadah Berbahaya yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

7.03mlm.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil masa agak singkat bagi menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, dan bagi perkara-perkara berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri yang berkenaan kerana telah berusaha mencari jalan membuat satu rang undang-undang bagi mencegah dadah, peggedar ataupun pembekal dadah supaya perkara ini dapat dikurangkan seboleh-bolehnya. Jadi Undang-undang yang telah kita luluskan

dalam Dewan yang mulia ini bukanlah dikatakan gagal tetapi bermaharajalela lagi berkenaan dengan pengedar dan sebagainya. Jadi, saya rasa ini adalah perkara biasa kerana undang-undang dibuat oleh manusia juga, yang melakukan perkara ini manusia juga maka tidak payahlah kita hairan kerana dapat mengatasi undang-undang yang kita buat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sepertimana disebutkan oleh saudara Yang Berhormat tadi mengatakan kebanyakan daripada belia-belia yang melibatkan diri dalam dadah ialah terdiri daripada kaum Melayu iaitu belia-belia Melayu, Jadi, kita telah berusaha berbagai macam usaha kita bagi mengurangkan belia-belia ini supaya menjauhkan diri daripada dadah, walaupun kita mencapai sedikit kejayaan dan boleh juga saya katakan kita masih gagal lagi. Jadi, sebab itulah Menteri merangkakan lagi rang undang-undang supaya dapat diperketatkan Undang-undang ini dan insya Allah kita dapat mencegah sedikit-sebanyak daripada belia-belia kita melibatkan dadah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa oleh kerana belia-belia ini terdiri daripada orang Melayu dan dengan sendirinya ialah orang-orang Islam.

Saya ingin mengesyorkan kepada Timbalan Menteri yang berkenaan supaya kita tumpukan perhatian kita pula iaitu kempen-kempen kita pula menerusi dakwah-dakwah berasaskan Islam. Jadi, maksud saya kita berkehendakkan kebaikan, yang maria seseorang yang melibatkan dadah ini adalah terkeluar daripada kehendak-kehendak Islam, jadi kita pergi ke jalan itu pula, oleh kerana kita telah berusaha bermacam-macam usaha kita, kita gagal. Kita cuba perkara yang saya syorkan ini pula yakni macam TV, kita buatkan siri-siri berkenaan, kita dakwahkan kepada

belia-belua kita dalam asas agama supaya dadah ini adalah buruk daripada agama kita dari semasa ke semasa, daripada satu malam ke satu malam. Walaupun orang yang melibatkan dadah ini tidak melihat tetapi ibubapa ataupun penjaga belia-belua itu dapat melihat, itu kita akan memberi kesan kepada mereka itu. Ini adalah syor saya, kita cuba kepada jajaan yang saya sebutkan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada belia yang kita tidak dapat kesan itu disebabkan oleh dilindungi oleh penjaga ataupun ibubapa beliau itu sendiri, sebab itu kita tidak dapat hendak kesan. Kadang-kadang kalau jiran itu memberi tahu kepada ibubapa mengatakan anak si polan itu melibatkan diri dalam dadah, mereka marah pula kepada jiran. Inilah menyebabkan kita tidak dapat mengesan belia-belua ataupun pengedar-pengedar dadah yang ada di satu-satu tempat. Begitu juga suami-isteri, kadang-kadang kita laporkan kepada isterinya mengatakan si suaminya telah melibatkan diri dalam dadah, tetapi oleh kerana si isteri ini sayang kepada suaminya, dia cuba mempertahankan mengatakan suaminya tidak terlibat dalam dadah. Inilah berlaku sekarang ini.

Di sini saya syorkan kepada pihak Kementerian supaya sekiranya seseorang belia atau seorang budak itu didapati terlibat diri dalam dadah, kita dakwakan ibubapanya kerana dia tidak memberitahu pihak berkenaan. Kalau anak-anak itu di bawah jagaan ibubapanya, didapati budak itu terlibat dengan dadah kita dakwa sama ibubapanya. Dengan yang demikian, saya rasa ibubapa akan berhati-hati dengan anaknya supaya anaknya tidak terlibat. Kita buat satu undang-undang yang berlainan dengan dadah ini kerana dia tidak memberi tahu anaknya melibatkan diri dalam dadah. Dan begitu juga kepada

suami sekiranya isterinya terlibat diri dalam dadah kalau didapati sebenarnya isterinya melibatkan dalam penyalahgunaan dadah, kita dakwakan sama suaminya kerana tidak memberi tahu kepada pihak yang berkenaan dan begitulah sebaliknya. Jadi, dengan cara yang begini saya rasa boleh kita dapat sedikit menakutkan orang-orang yang berkenaan supaya kalau didapati anaknya ataupun isterinya ataupun suaminya yang terlibat dalam dadah dengan serta-merta dia akan melaporkan kepada pihak yang berkenaan.

Oleh sebab yang demikian perkara-perkara yang berlaku pada hari ini kerana ibu bapa dan juga suami ataupun isteri cuba melindungi perkara ini supaya tidak memberitahu kepada pihak yang berkenaan. Ini berlaku di mana-mana sahaja sehingga ada pergaduhan di antara jiran dengan jiran kerana menuduh si suami ataupun si isteri, si anak dan si bapa yang melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah.

Setakat inilah sahaja dan saya berharap perkara ini kita akan menyokong pindaan Undang-undang ini dan mudah-mudahan dengan adanya pindaan sekali lagi, insya Allah, kita akan berjaya dan saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan yang bersusah payah mencari jalan supaya dadah ini dapat dihapuskan dan sekurang-kurangnya dapat dikurangkan, dan saya sekali lagi menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

7.11 mlm.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan sedikit pandangan dan sokongan mengenai Rang Undang-undang Dadah Berbahaya yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya bimbangkan dalam soal dadah ini ialah undang-undang demi undang-undang telah pun kita gubal demi menguatkan supaya pengedar-pengedar dan penagih-penagih dadah takut. Tetapi yang saya soalkan di sini cara Kerajaan untuk menghapuskan dadah ini ialah terlalu banyak membuat iklan-iklan dalam TV. Iklan-iklan yang dibuat dalam TV ini bagi pendapat saya sedikit sebanyak akan menambahkan lebih banyak pula daya penarik untuk menggunakan dadah.

Kalau kita kira ambil dalam 5 minit sehari yang televisyen kita menyiarkan lagu-lagu dadah, pencegahan dadah dan sebagainya selama 5 minit, mungkin satu juta umat manusia kita, rakyat Malaysia yang mengikuti televisyen sedangkan anak-anak yang berumur 3 tahun sekalipun bila dengar sahaja lagu dadah, ia terus tampil ke hadapan kaca TV. Dia tidak tahu bahaya dadah tetapi dia hanya mengikut lagu kempen dadah, dan ini telah pun meresapkan kepadanya dadah, dia mengerti dadah, sudah masuk dalam pengetahuannya dadah. Jadi dengan sendirinya iklan yang dibuat dalam televisyen tadi telah memperkenalkan dadah kepada anak-anak kita yang masih kecil lagi. Jadi sepatutnya cara Kerajaan untuk menghapuskan dadah mestilah dengan secara senyap-senyap. Kita mesti mengamalkan satu revolusi senyap untuk menghapuskan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ambil kira 5 minit televisyen kita menyiarkan iklan dadah dalam satu hari, ia akan mengambil masa selama lebih kurang 2½ jam dalam masa sebulan dan lebih kurang 30 jam setahun. Jadi kalau dalam 30 jam setahun televisyen kita menyiarkan dadah, dadah, dadah sahaja, berapa banyak manusia telah terpengaruh dengan mass media Kerajaan ini, sedangkan Kerajaan sendiri cuha

mencegahnya tetapi Kerajaan sendiri mendedahkannya di dalam kaca TV. Jadi ini satu masalah dan ini juga peluang baik kepada pengedar-pengedar dadah dan ini menaikkan mutu kepada pengedar-pengedar dadah yang dadah mereka diiklankan dengan percuma dalam televisyen.

Tuan Yang di-Pertua, juga bagi pihak Polis bila mereka menangkap satu kumpulan pengedar dadah, katakanlah mereka sedang dalam perjalanan ke Johor Bahru, di tengah-tengah Johor Bahru ini mereka ditangkap, Polis sudah hebohkan - Polis telah menahan 4 orang yang disyaki ataupun didapati membawa dadah. Yang tunggu di pengkalan Tambak Johor sudah cari tempat bersembunyi. Jadi bilangan orang-orang yang harus ditangkap sudah cari jalan sembunyi dahulu dalam masa satu minggu sehingga Polis sudah reda sedikit, baru buka jalan lagi. Ini caranya. Bila tangkap mereka ini, akhbar-akhbar jangan siarkan, TV jangan siarkan, biar dia tunggu demi tunggu tidak dalang, akhirnya dia keluar sendiri, baru Polis tangkap, tangkap lagi. Jadi sehingga mereka kehilangan, ke mana ia sudah pergi. Ini dinamakan revolusi senyap untuk menghapuskan dadah, tetapi cara-cara yang Kerajaan buat sekarang menggalakkan penggunaan dadah.

Jadi saya minta, Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak Polis mengambil perhatian dalam soal ini. bila tangkap menangkap dadah ini, janganlah dihebahkan sebesar-besarnya. Ini berlaku kepada mana-mana juga perompak, kalau mereka itu hendak dikepung, katakan di Jalan Cheras, di Jalan Kelang Lama dan sebagainya, Polis adakan road block, mereka takkan jalan di sana, mereka pindah ke haluan lain. Ini juga keadaannya seperti pengedar dadah. Jadi kita diam-diam, kita senyap-senyap

Apa yang ada sekarang ini, kata pepatah Melayu: Ayam bertelur

sebihi, satu kampung riuh-rendah, tetapi penyus bertelur seribu, dia diam-diam seribu biji telurnya di pasir, di pantai. Jadi inilah kelemahan-kelemahan yang terdapat cara operasi yang kita buat hari ini. Jadi kita gubal demi gubal undang-undang tetapi kita tidak sedar di mana kelemahan yang ada pada kita. Undang-undang sahaja tidak bererti tetapi strategi cara macam mana kita mesti mahu melaksanakan operasi ini. Walaupun kita tahu, kita cuba mencegahnya daripada negara-negara jiran kita yang tidak membuat undang-undang yang serupa yang kita buat di sini, kita telah mengenakan hukuman gantung, mati dan sebagainya.

Ini soal negara lain tetapi soal cara kita yang mesti kita buat. Apa guna kita heboh-hebohkan, dia datang dari seberang, juga kena tangkap, jangan dihebohkan. Ini baru satu dua rakyat Thai telah ditahan oleh Polis Diraja Malaysia, dimasukkan di Balai Polis Gombak dan sebagainya heboh. Jadi yang si kawan dari sana mahu menyeberang pula lagi satu sempadan, goestan dahulu. Ini kita biarkan. Jadi inilah taktik baru, barangkali juga pihak Polis "action in this practice", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bolehlah pakai formula yang saya terangkan dalam Dewan ini. Mudah-mudahan dengan revolusi senyap ini bolehlah kita mengurangkan serba sedikit pengedar-pengedar dadah dan juga dengan mengurangkan iklan-iklan ini juga akan mengurangkan anak-anak kecil kita mengetahui daripada dadah ini. Walaupun mereka itu tidak menagih, tidak menghisap dan sebagainya, kita dengan sendirinya memperkenalkan anak-anak kita yang belum tahu tetapi kita beritahu mereka dalam TV mengenai dadah.

Jadi bila dia sudah bertanya, fasal anak-anak itu menurut doktor saya bukan doktor, tetapi seorang bapa-anak-anak di antara umur 3 atau 4

tahun dia selalu membuat pertanyaan, dia bertanya dan dalam pertanyaan ini anak-anak ini mesti mahu tahu sesuatu. Jadi fasal mula kanak-kanak itu menggunakan fikirannya, dia mahu tahu sesuatu. Bila dia ingin mengetahui sesuatu, kita mesti menerangkan kepada anak-anak itu dengan sesuatu kenyataan yang benar. Jadi bolehkah kita berbohong kepada anak itu bila ia mengatakan: "Ibu, dadah itu apa?" Mustahil ibunya mengatakan: "Itu coklat." Ibunya tidak berbohong kerana dalam TV itu mengatakan dadah itu apa sebenarnya, apa rasa dadah, si ibunya tidak ada mengatakan itu coklat, tetapi ibunya akan mengatakan itu dadah, dadah merbahaya. Jadi dia tidak berfikir bahaya atau tidak, tetapi cara anak-anak itu berfikir untuk merasa, daripada beratnya untuk mengetahui dan seterusnya untuk merasa. Ini manusia, bila manusia mula mengenal dunia, bila mereka menurut cara umur mereka, ia mula ingin mengetahui. Jadi inilah keadaan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya televisyen kita mengurangkan sedikit masa iklan-iklan ini dan juga lagu-lagu ini tidak perlu dibuat. Ini lagu dakwah pun ada juga, lainlah lagu patriotik, lagu keperwiraan dadah pun ada. Boleh pergi ke Angkasapuri taaya, adakah tidak lagu semacam lagu patriotik untuk menghancurkan dadah? Ada. Macam lagu orang-mahu perang. Itu bukan caranya.

Kita buat satu cara iklan yang sederhana, jangan cuba terlalu menarik perhatian, tetapi sekurang-kurangnya dia hanya membayangkan kepada penonton-penonton atau masyarakat umum. Ini adalah merupakan satu bahan yang bahaya kepada manusia dan juga kepada negara kita.

Itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya tidak berpanjang lebar, sekadar itulah sahaja yang dapat saya

berikan pandangan saya serba ringkas dan dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tempohkan persidangan ini sekarang untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam menunaikan Sembahyang Maghrib dan pada jam 7.45 malam kita kembali ke sini.

Persidangan dtempohkan pada pukul 7.21 malam.

Persidangan disambung semula pada pukul 7.45 malam.

**(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)**

**RANG UNDANG-UNDANG
DADAH BERBAHAYA
(LANGKAH-LANGKAH
PENCEGAHAN KHAS)
(PINDAAN)**

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila sambung.

7.45 mlm.

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas (Pindaan) ini diluluskan.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, setelah melebihi 15 tahun negara kita memerangi masalah salahguna dadah dan penjenayah-penjenayah pengedar dadah dan hanya undang-undang yang tegas sahaja yang akan menghancurkan mereka.

Negara kita menjadi contoh kepada dunia tentang ketegasan undang-undang terhadap penjenayah-penjenayah dadah. Tetapi apa yang

kita musykilkan iaitu si penagih-penagih tadi tidak dikenakan hukuman rotan. Jadi, saya rasa kalau didera dengan rotan pihak penagih-penagih ini takut untuk kembali setelah mereka ini masuk ke pusat-pusat pemulihan. Kalau sekali rotan itu rasa saya setahun rasa bisa. Jadi, saya berharap kalau boleh Kementerian ini memasukkan supaya penagih-penagih ini didera dengan rotan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, tindakan tegas melalui proses undang-undang terhadap penjenayah kita ini masih belum berpuas hati tentang penagih-penagih dadah di negara kita pada masa ini, walaupun tindakan-tindakan sedang diambil oleh badan-badan bukan Kerajaan seperti PEMADAM, Kelab-kelab Belia, pertubuhan sukarela menganjurkan seminar, ceramah-ceramah dan pameran-pameran dadah setiap hari, akan tetapi penagih-penagih tetap menjadi masalah negara kita.

Saya berpendapat pihak Kementerian hendaklah mengambil daya usaha yang lebih tegas lagi dari aspek memerangi salahguna dadah melalui gerakan perang saraf iaitu revolusi mengubah fikiran; perang saraf secara besar-besaran bagi Unit Dadah yang sedia wujud di dalam tiap-tiap negeri dan di bawah Kementerian Dalam Negeri bergerak cergas bersama-sama dengan semua badan bukan Kerajaan, sukarela dan sebagainya. Kita hendaklah memerangi secara bersepadu yang mana melibatkan tiga kumpulan sasaran iaitu ibu bapa, beli belia juga penuntut-penuntut sekolah. Kita memerangi secara bersepadu melibatkan juga ibu bapa supaya ibu bapa dapat mengawal dan dapat mengesan cara mana di peringkat awal mengesan anak-anak tadi telah terlibat dengan dadah kerana seperti apa yang

saya difahamkan, pertama sekali mereka suka tidur masuk ke bilik air. Jadi, kalau kita memerangi atau melibatkan ibu bapa, mereka dapat mengesan lebih awal iaitu kita mencegah lebih awal lagi daripada kita membiarkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan Bahagian Komputer di USM, dianggarkan terdapat lebih kurang 100,000 penagih dadah dalam negara ini yang terdiri dari berbagai kaum. Tidak payahlah saya menyebut Melayu berapa peratus dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, penagih dadah jenis heroin dianggarkan seramai 80,000 kerana jenis inilah yang paling belia-belia sukai dan mereka memerlukan 0.1 gram dan sekurang-kurangnya dua kali heroin setiap hari yang memerlukan belanja berjuta-juta ringgit banyaknya. Kebanyakan penagih terdiri dari kalangan belia yang berumur antara 20 hingga 28 tahun terdiri dari lebih kurang 65% penagih. Penagih dari kalangan wanita juga kian meningkat kepada 4% di kalangan penagih. Jadi, saya sebagai seorang wanita kena mencari berapa banyakkah wanita yang terlibat.

Masalah yang dihadapi oleh negara ialah untuk menghadapi ancaman yang kian meningkat. Kita mestilah menumpukan perhatian kepada dua perkara iaitu untuk menghapuskan permintaan dan bekalan iaitu Kementerian hendaklah mengambil perhatian bahawa kita mestilah menghapuskan permintaan dan bekalan. Jika permintaan tiada, bekalan tiada iaitu dengan menumpukan sindiket-sindiket pengedaran dadah dan taukeh-taukeh yang memproses dadah dengan cara yang lebih berkesan lagi yang mana jika permintaan wujud selagi itulah bekalan ada. Oleh itu sekali lagi saya

tegaskan Kerajaan mestilah menjalankan tindakan serampang dua mata iaitu membanteras pembekal dan membasmi permmtaan ataupun penagihan. Jika kedua-dua ini dapat dilaksanakan hapuslah penyakit masyarakat itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana-kah untuk menyekat permintaan dadah terhadap bekalan dadah kepada lebih kurang 100,000 penagih yang mana perbelanjaan bekalan adalah berjumlah lebih kurang \$160,000 sehari.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan inilah yang perlu diambil oleh Kerajaan dengan lebih positif iaitu dengan mengadakan pusat-pusat pemulihan yang lebih banyak yang boleh menampung lebih ramai lagi penagih-penagih. Pusat-pusat pemulihan yang pada masa ini hanya lima buah sahaja. Ini tidak mencukupi untuk menampung penagih-penagih yang lebih ramai lagi yang mana pusat-pusat yang ada tidak dapat menampung lebih dari 300 orang pada satu-satu masa. Bagi tiap-tiap satu pusat yang ada hanya boleh menampung 1,500 orang bagi lima buah pusat pemulihan yang sedia ada sedangkan bilangan penagihnya adalah seramai 100,000 orang.

Dalam masalah ini Kerajaan mestilah bersikap tegas oleh kerana memandangkan penagih-penagih yang begitu ramai kem-kem yang besar yang boleh menampung lebih ramai penagih patut diadakan di tiap-tiap negeri. Kerana penagih-penagih ini jika tidak ditempatkan di kem-kem itu bagi memulihkan mereka ini selagi itulah penagih-penagih ini akan berkeliaran di mana-mana dan di merata-rata tempat. Jika penagih memerlukan bekalan selagi itulah pengedar ada memberi bekalan. Tetapi jika semua penagih telah ditahan di kem-kem pemulihan maka

si pengedar pun tidak ada. Saya suka memberi pandangan supaya kem-kem ini diadakan di hutan-hutan yang tebal, suruh mereka membuka hutan itu dan bercucuk tanam seperti sayur-sayuran dan sebagainya serta jauh dari masyarakat bandar yang boleh dihubungi dan membawa bekalan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan bekalan pula, pengedar-pengedar masih lagi sanggup menjalankan kegiatan walaupun hukuman mati dikenakan. Mereka ini tidak takut mati kerana kebanyakan pengedar atau ketua-ketua sindiket ini tidak mengedar sendiri dadah tersebut tetapi mereka telah mengupah orang-orang yang tertentu atau dengan lain-lain perkataan dadah tersebut telah diedarkan oleh kuncu-kuncu yang diupah dengan bayaran yang lumayan. Oleh itu risikonya akan dihadapi oleh kuncu-kuncu itu tadi, mereka ini yang harus ditangkap dan dihukum mati sedangkan taukeh-taukeh mereka tidak dapat ditangkap dan didakwa dan terus menjalankan kegiatan mereka dengan memungut keuntungan yang berlipat ganda dan lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang ada masih belum berkesan untuk membanteras pengedar-pengedar besar-besaran atau ketua-ketua sindiket pengedar tadi. Oleh itu Kerajaan mestilah melaksanakan undang-undang yang lebih ketat dan berkesan untuk membanteras ketua-ketua sindiket ini.

Berhubung dengan kemasukan dadah ke dalam negara ini, apa yang difahamkan dadah dilaporkan masuk dari kawasan-kawasan sempadan Malaysia/Thailand. Penyeludupan dadah berlaku dengan begitu mudah. Ada yang melalui pintu masuk yang sah ataupun melalui beratus-ratus pengkalan haram di sepanjang sempadan. Untuk membanteras penyeludupan ini juga Kerajaan

haruslah tegas. Setakat ini Kerajaan masih belum dapat menumpas sindiket-sindiket pengedaran dadah secara berkesan.

Mengikut laporan, penangkapan sindiket-sindiket ini serta rampasan dadah oleh pihak penguatkuasa masih lagi tidak mendatangkan kesan kerana walau bagaimanapun tangkapan dan rampasan dibuat tetapi dadah terus ada dan masih banyak pengedaran di dalam pasaran di negara ini. Ini adalah merupakan permintaan dadah yang begitu banyak dan perniagaan dadah adalah begitu menarik, mendapat keuntungan yang berganda-ganda tanpa memerlukan banyak modal, boleh berhutang tanpa memerlukan lesen dan kedai, tanpa memerlukan pekerja dan tidak dikenakan cukai pendapatan dan sebagainya. Apa yang mereka perlukan ialah kuncu-kuncu mereka yang membawa dadah dari satu tangan ke satu tangan sedangkan ketua-ketua sindiket dapat mereka mengelakkan diri dari tangkapan atau menerima hukuman mati.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penagih dadah sekarang merupakan ancaman yang paling serius pada masa kini. Ianya bukan sahaja telah merosakkan golongan generasi muda kita yang bakal menjadi pemimpin-pemimpin negara bahkan ianya juga telah merosakkan perkembangan sosio-ekonomi di negara kita. Kejadian-kejadian jenayah, kecurian kian meningkat dilakukan oleh penagih-penagih. Bilangan penjenayah di kalangan penagih-penagih telah melebihi angka penjenayah-penjenayah lain di dalam penjara-penjara di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, banyak wang ringgit telah dibelanjakan oleh penagih kerana membeli dadah di mana sepatutnya wang itu dibelanjakan untuk keperluan utama kehidupan mereka. Keadaan rumah

tangga menjadi porak peranda di kalangan penagih dan ada terdapat juga penagih-penagih di kalangan penuntut-penuntut sekolah. Keadaan ini amat menyedihkan. Kita tidak dapat bertolak ansur lagi di dalam masalah dadah ini. Generasi muda kita ramai telah musnah akibat dadah ini. Semua pihak mestilah melibatkan diri secara positif bagi menyumbangkan tenaga mereka di dalam membanteras dan memainkan peranan mereka untuk membasmi wabak dadah.

Pihak Kerajaan, mestilah memainkan peranan yang lebih positif dan jujur dengan memberi perhatian yang utama dan tindakan-tindakan habis-habisan di dalam memerangi ancaman dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pengambilan oleh Kerajaan pekerja-pekerja dari luar negeri iaitu dari Indonesia dan Thailand juga merupakan satu masalah yang besar kepada negara kita. Apa kata kalau bekas-bekas pengedar dadah atau penagih dadah yang telah pulih dari pusat-pusat pemulihan kita diberi kerja sebagai buruh kasar atau buruh binaan daripada kita mengambil tenaga-tenaga luar, kerana bila mereka ini bekerja, fikiran mereka tertimpu kepada pekerjaan dan fikiran mereka tidaklah kosong, tidaklah ingin menagih semula. Jadi kalau fikiran kosong, mata pencarian mereka tidak ada, mereka mula menagih untuk mengurangi kerunsingan dan tekanan hidup yang ada. Jadi oleh itu, Kerajaan mesti memikirkan semula kemasukan dan pengambilan pekerja-pekerja.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan dengan ini saya menyokong sekali lagi Rang Undang-undang ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Tiada lagi yang hendak bercakap. Jadi, sekarang saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menjawab.

8.00 mlm.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu inginlah saya merakamkan penghargaan saya kepada semua Ahli-ahli yang telah bangun bukan sahaja menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini, tetapi berucap dengan lebih panjang lagi daripada saya ketika saya mengemukakan pindaan kepada Dewan yang mulia ini. Ini menunjukkan betapa minatnya Ahli Yang Berhormat sekalian, betapa bencinya Ahli Yang Berhormat sekalian kepada masalah dadah.

Izinkan saya menjelaskan sedikit kerana saya kluatir kebanyakan Ahli Yang Berhormat mungkin terkeliru sedikit tentang tujuan Kerajaan membentangkan Rang Undang-undang untuk dipinda pada kali ini di Dewan yang mulia ini.

Di negara kita terdapat orang yang menjual buah anggur, umpamanya, dan kita semua ketahui bahawa buah anggur itu tidak ditanam di negara kita, bermakna buah anggur itu mesti dibawa masuk daripada negara lain. Begitu juga dadah, baik jenis heroin ataupun morphine yang berasal daripada candu, yang berasal daripada buah poppy, ia tidak ditanam di negara kita, tetapi kita semua ketahui bahawa begitu banyak dadah yang berbagai jenis terdapat di negara kita. Seperti juga buah anggur tadi, dadah mesti diuruskan kemasukannya ke negara ini oleh orang-orang yang tertentu. Tetapi berlainan dengan buah anggur yang merupakan buah yang halal, yang kita boleh makan, yang mungkin dibawa masuk secara halal, heroin ataupun dadah jenis morphine dan lain-lain jenis dibawa

masuk secara haram, pada hal dadah amat berbeza dengan buah-buah anggur. Jadi ini bermakna, dengan lain perkataan, mereka yang menguruskan kemasukan dadah mestilah merupakan orang-orang yang mempunyai wang yang begitu banyak kalau dibandingkan dengan mereka yang menguruskan kemasukan buah anggur ke negara kita.

Semenjak tahun 1952, kita telah pun ada undang-undang yang dikenali sebagai Akta Dadah Berbahaya, 1952, yang khususnya dirumuskan bertujuan untuk mengawal pendedaran dadah dari segi fizikalnya; dengan lain perkataan jika seorang itu didapati memiliki dadah, dia boleh ditangkap dan didakwa di bawah Akta Dadah Berbahaya, 1952 yang saya sebut tadi. Akta tersebut dari semasa ke semasa dipinda dan pada tahun 1975 buat kali yang pertamanya dikenakan hukuman mati kepada mereka yang didapati bersalah oleh Mahkamah kerana mengedar dadah. Walau bagaimanapun, pendedaran dadah masih berleluasa dan bilangan mereka yang ditangkap kian meningkat sehinggalah pada tahun 1983 Akta tersebut sekali lagi dipinda; dan pada bulan April, 1983 diturunkan had maksima kepada mereka yang dianggap sebagai pengedar daripada 100 gm ke 15 gm dan dikenakan hukuman mati "mandatory". Itu undang-undang yang bersabit dengan pendedaran dadah secara fizikal. Mereka yang ditangkap dan dibicarakan di Mahkamah dan jika didapati ataupun disabit kesalahan oleh Mahkamah, sekarang ini mesti dikenakan hukuman gantung.

Berbalik kepada cerita buah anggur tadi, mereka yang menjual buah anggur bolehlah dianggap sebagai mereka yang mengedar dadah secara kecil-kecilan. Begitulah juga dengan kes dadah tadi, mereka yang memiliki dadah dan membawanya daripada

point A ke point B ditahan, ditangkap dan didakwa di Mahkamah dan jika didapati salah, sekarang ini mengikut undang-undang mereka akan dikenakan hukuman gantung.

Sepertimana yang kita sedia maklum, semenjak kita menguatkuasakan undang-undang hukuman mati "mandatory" pada bulan April, 1983, pada tahun itu sahaja 366 orang telah ditangkap memiliki dadah yang lebih daripada had 15 gm. Pada tahun 1984, 442 orang telah ditangkap dan pada tahun ini sepertimana yang telah saya maklumkan awal-awal tadi, sehingga bulan November, 466 orang telah ditangkap. Mereka ini akan didakwa di Mahkamah oleh Hakim Mahkamah dan jika didapati bersalah akan dihukum gantung.

Berbalik sekali lagi kepada kes buah anggur tadi, mereka yang mengedar buah anggur tadi seperti juga yang mengedar dadah ditangkap yang mengedar buah anggur itu tidak ditangkap. Tetapi yang mengedar dadah ditangkap, didakwa di Mahkamah dan dihukum mati. Orang-orang yang menguruskan kemasukan dadah tadi selalunya tidak boleh ditangkap ataupun jika ditangkap tidak ada bukti yang menunjukkan dia itu mengedar dadah secara fizikal. Sebab itulah pada tahun 1985 Kerajaan menubuhkan melalui Parlimen satu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk mengkaji satu cadangan mewujudkan satu Akta pencegahan, iaitu yang memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri mengeluarkan arahan tahanan kepada sesiapa sahaja yang disyaki terlibat sebagai pengedar dadah. Dengan lain perkataan, Akta itu ditumpukan kepada orang yang menguruskan kemasukan dadah ke negara kita, bukan kepada pengedar-pengedar yang ditangkap memiliki dadah secara fizikal.

Malangnya apabila Akta tersebut dikuatkuasakan mulai pada 15hb Jun tahun ini, terdapat beberapa peraturan-peraturan yang tidak begitu tepat, yang pelaksanaannya tidak begitu ketat, yang telah membolehkan pengedar-pengedar dadah melepaskan diri akibat dari kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam Akta tersebut. Kelemahan yang ternyata sekali adalah, apabila seorang yang ditahan itu di bawah satu undang-undang dipindah kepada Akta yang terdapat sekarang, peraturannya tidak begitu teratur dalam undang-undang yang diwujudkan pada tahun 1985.

Ingin saya menerangkan sedikit bahawa pada tahun 1969, selain daripada Akta Dadah Berbahaya 1952 yang saya sebutkan tadi, kita telah mewujudkan satu Ordinan iaitu Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 yang memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri mengeluarkan arahan tahanan kepada mereka yang terlibat dalam pengedaran dadah. Tetapi kuasa tahanan ini terhad kepada hanya dua tahun sahaja, maka terdapatlah semenjak tahun 1970 mereka yang dianggap sebagai pengedar dadah, tetapi tidak memiliki dadah ditahan di pusat-pusat tahanan seperti di Pulau Jerjak, di Muar dan juga di Batu Gajah. Oleh kerana kuasa itu terhad kepada hanya dua tahun sahaja, maka terdapatlah pengedar-pengedar, mereka yang menguruskan kemasukan dadah tadi itu, yang sanggup ditahan kerana mereka ketahui bahawa kuasanya adalah terhad kepada hanya dua tahun sahaja. Sebab itulah pada tahun 1985 ini, kita mewujudkan undang-undang yang kita kenali sebagai Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Tetapi dalam peraturan undang-undang itu tidak disebut dengan begitu jelasnya bahawa mereka yang ditahan di bawah Akta 1969 boleh dipindah kepada

Akta tahun 1985 untuk membolehkan pihak Kerajaan ataupun Menteri Dalam Negeri menyambung penahanannya selepas tamatnya tempoh dua tahun. Itulah tujuannya yang saya membawa Rang Undang-undang ini untuk meminda segala kekeliruan, untuk mengemaskinikan Rang Undang-undang tersebut agar kita boleh menahan pengedar-pengedar dadah, mereka yang mengurus kemasukan dadah tadi, lebih daripada dua tahun, iaitu dua tahun, dua tahun dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penagihan dadah adalah satu masalah yang lain. Kita mempunyai juga satu Akta yang dikenali sebagai Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Akta ini diwujudkan khususnya untuk mengawal mereka yang menjadi penagih dadah dan kita semua sedia maklum bahawa mereka yang menjadi penagih dadah boleh disekat di dalam tempat pemulihan yang terdapat 6 buah di seluruh negara kita ini. Sekarang ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat lebih kurang 1,750 penagih-penagih dadah yang ditempatkan di pusat-pusat pemulihan di seluruh negara. Ada pula mereka yang menjalankan pengawasan di tempat-tempat masing-masing yang bilangannya adalah lebih kurang 8,916. Mereka yang habis tempoh rawatan dan pemulihan selama dua tahun diletakkan di bawah kes-kes jagaan dan lanjutan. Bilangan mereka adalah lebih kurang 1,195 orang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan ini saya berharap bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memahami tujuan Kerajaan membentangkan Rang Undang-undang ini tetapi juga rakyat jelata akan memahami juga. Saya ingin menegaskan di sini bahawa pindaan kepada Rang Undang-undang ini tidak menyentuh ataupun menjejaskan

cadangan-cadangan yang dibawa masuk ke dalam Undang-undang ini oleh Jawatankuasa Pilihan Khas yang ditubuhkan oleh Parlimen pada tahun sudah. Ini bermakna cadangan diadakan undang-undang tahanan pencegahan tanpa dibicarakan dikekalkan. Kedua, kita mengekalkan juga penguatkuasaan Undang-undang ini selama lima tahun sahaja tempohnya, melainkan dilanjutkan oleh satu resolusi yang diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen.

Perkara satu lagi, pengwujudan pegawai siasatan untuk membuat laporan bebas kepada Menteri membuat keputusan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas juga dikekalkan. Apa yang kita hendak meminda di dalam Rang Undang-undang ini sepertimana yang telah saya terangkan tadi, adalah tiga perkara. Yang mustahak sekali ialah untuk menentukan objektif menahan seseorang penagih dadah lebih daripada dua tahun itu dapat dicapai. Itulah tujuan kita. Kita semua ketahui bahawa negara kita mempunyai Undang-undang Dadah yang begitu ketat dan begitu keras sekali bahkan selain daripada negara Singapura, tidak ada negara di dunia yang mempunyai Rang Undang-undang yang sedemikian rupa sepertimana yang terdapat di negara kita.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar merayu agar negara kita memainkan peranan yang lebih aktif lagi untuk menyeru negara-negara di rantau ini bersamasama memerangi wabak dadah, inginlah saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa memanglah Kerajaan Malaysia selalunya memainkan peranan yang begitu aktif dalam usaha kita menghapuskan wabak penyalahgunaan dadah baik dari segi pengedarannya, atau dari segi penagihannya kerana hasil daripada

usaha kita beberapa resolusi yang telah dibawa ke peringkat-peringkat yang lebih tinggi, di peringkat negara ASEAN dan juga di peringkat pegawai-pegawai kanan negara ASEAN yang bersidang pada tiap-tiap tahun.

Saya ingin juga menjawab teguran daripada Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim yang meminta agar Undang-undang yang lebih kuat lagi diperkenalkan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, memanglah Undang-undang ini adalah serupa dengan Undang-undang ISA. Undang-undang tahanan ataupun Undang-undang pencegahan ini memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri mengeluarkan arahan tahanan kepada sesiapa yang disyaki terlibat dalam pengedaran dadah selama dua tahun dan boleh jika perlu disambung selama dua tahun lagi.

Atas syor Yang Berhormat agar penagih-penagih dadah dibuang ke satu tempat sepertimana yang telah saya jelaskan, kita di negara ini telah menetapkan beberapa pusat-pusat pemulihan. Dalam Rancangan Malaysia Kelima kita akan menubuhkan 7 lagi pusat-pusat pemulihan. Program Kerajaan untuk seberapa boleh mengembalikan balik penagih-penagih dadah yang telah diberikan rawatan dan pemulihan kepada pengakuan masyarakat. Konsep kita tidak mahu mengasingkan penagih-penagih dadah daripada masyarakat. Sebab itulah cadangan Yang Berhormat agar kita letakkan penagih-penagih dadah di sebuah pulau umpamanya tidak begitu sesuai mengikut konsep rawatan dan pemulihan yang dianjurkan oleh Kerajaan.

Apa yang perlu saya tegaskan di sini adalah kerjasama, sumbangan daripada rakyat jelata agar mereka boleh membantu Kerajaan memberi pertolongan kepada bekas-bekas

penagih dadah yang telah pun mendapat rawatan dan pemulihan ketika mereka balik ke pangkuan masyarakat dari segi untuk mendapat kerja umpamanya ataupun dari segi memberi belas kasihan dan sumbangan-sumbangan yang amat berguna kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said ada mencadangkan agar penagih-penagih dadah ini dikenakan hukuman rotan. Inginlah saya memaklumkan bahawa kita tidak mempunyai peraturan di negara kita yang mengenakan hukuman rotan kepada penagih-penagih dadah kerana sepertimana kita semua sedia maklum penagih-penagih dadah kita men-sifatkan sebagai mangsa kepada pengedar-pengedar dadah. Mereka adalah dalam satu golongan yang harus diberi pertolongan, bukan hendak diderakan mereka dengan diberikah pukulan rotan sebagai satu hukuman. Saya berharap Ahli Yang Berhormat juga akan memahami bahawa walaupun kita semua bencikan dadah tetapi mereka yang menjadi mangsa kepada pengedaran dadah, kita perlu memberi kerjasama, kasih sayang, pertimbangan, pertolongan seboleh-bolehnya untuk mereka balik ke pangkuan masyarakat.

Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa kalau kita kurangkan bekalan mungkin kita dapat mengurangkan permintaan. Inilah tujuan yang kita adakan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Dengan cara ini kita berharap mereka yang menguruskan kemasukan dadah ke negara kita ini walaupun mereka tidak memiliki dadah boleh ditangkap dan ditahan tanpa dibicarakan dan dengan itu maka oleh sebab tidak ada orang yang hendak menguruskan kemasukan

dadah mungkin kemasukan dadah itu akan berkurangan, seperti juga jikalau kita kurangkan mereka yang menguruskan kemasukan buah-buah anggur ke negara kita ini, kemungkinan kemasukan buah-buah anggur akan berkurangan. Jadi tidak adalah permintaan orang, tidak adalah orang yang begitu banyak yang ingin memakan buah anggur. Begitu juga dari segi pengedaran dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya telah pun memberi penjelasan yang panjang lebar dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini boleh sedikit sebanyak mendapat fahaman yang lebih mendalam sedikit tentang tujuan sebenarnya Kerajaan membentangkan pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Saya percaya dengan adanya pindaan ini kita akan melengkapkan Undang-undang pencegahan ini, Undang-undang yang memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri mengeluarkan arahan tahanan tanpa dibicarakan kepada pengedar-pengedar ataupun kepada mereka yang disyaki sebagai pengedar. Saya percaya jika terdapatnya lagi kelemahan dalam Undang-undang ini kita akan sekali lagi membawa Rang Undang-undang ini ke Parlimen untuk dipinda sebab kita semua sedia maklum bahawa kita akan berbuat apa-apa sahaja untuk mempertahankan kedaulatan, kewibawaan dan keselamatan negara kita dan dadah sebagai musuh nombor satu ataupun musuh utama negara kita, kita akan memerangnya habis-habisan. Jikalau terdapat juga kelemahan di dalam Rang Undang-undang ini kita akan sekali lagi mungkin dua atau tiga kali lagi akan membawa pindaan-pindaan ke dalam Dewan yang mulia ini.

Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah bangun dan akhirnya menyokong pindaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang sehingga esok, Rabu, 18hb Disember, 1985 jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.25 malam.